



Laporan Tahunan 2018

# PENCAPALAN JUBLI EMAS JCORP




جامعة جوهر  
Perbadanan Johor

Perbadanan Johor



# 1968

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) ditubuhkan oleh Kerajaan Johor di bawah Enakmen Bil. 4 Tahun 1968 dan diluluskan pada 18 Mei 1968. Lapan anggota pekerja menggerakkan jentera PKENJ pada hari pertama dan merancang menyertai bidang pertanian, perumahan serta perdagangan.




# 1978

Selepas 10 tahun ditubuhkan, pada 1978 PKENJ memiliki harta tanah bernilai lebih RM198 juta. Dalam dekad pertama perbadanan ini telah membuka zon perindustrian di Pasir Gudang, Tanjung Agas, Tongkang

Pecah, Segamat serta Zon Perdagangan Bebas Senai yang disertai 325 pengusaha. PKENJ turut mempunyai 20 syarikat anak ketika itu.




Selepas hampir 20 tahun ditubuhkan, PKENJ mempunyai 77 syarikat dengan lebih 12,000 anggota pekerja. Pendapatan Kumpulannya melebih RM1 bilion buat pertama kali pada 1988 manakala aset Kumpulan mencecah RM1.11 bilion. Nama PKENJ ditukar kepada Perbadanan Johor (Johor Corporation) pada 1995.




# 2008

Empat dekad selepas penubuhannya pada 1968, JCorp berada pada paras pencapaian luarbiasa. Dua syarikat anak di Bursa Malaysia iaitu KFC Holdings (Malaysia) Berhad dan Sindora Berhad masing-masing merekodkan pencapaian harga RM16% dan 27%. Jentera Kumpulan JCorp ketika itu digerakkan 55,000 anggota pekerja menerusi 260 syarikat.



# 1998

Dekad ketiga penubuhannya, JCorp juga melalui era kegawatan ekonomi global mulai pertengahan 1997 tetapi terselamat secara keseluruhannya berikutan strategi mengemudi bisnes asas dalam dollar Amerika. Iktibar krisis itu mendorong muhasabah organisasi terhadap struktur, sistem, strategi mahupun taadbir urusnya.



*Pencapaian  
Jubli Emas  
JCorp  
2018*  
JCorp 1968 - 2018  
Membina dan Membela

# Mengenai

## Johor Corporation

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun menerusi Enakmen Johor Corporation No. 4 1968 (sebagaimana pindaan di bawah Enakmen No. 5, 1995). Sebagai sebuah Konglomerat Negeri, Johor Corporation menerusi syarikat dalam Kumpulannya terlibat dalam bisnes teras merangkumi Perladangan Kelapa Sawit (KULIM), Kesihatan Pakar, Perkhidmatan Makanan dan Restoran, Hartanah, Perkhidmatan Pelabuhan, Hospitaliti, Intrapreneur serta Minyak & Gas.

### MISI



Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisyen serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.



Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.



Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.



Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab korporat.

### VISI

## MEMBINA DAN MEMBELA

### NILAI TERAS JOHOR CORPORATION 2.0



#### INTEGRITI

Kami melaksanakan tugas dengan amanah, jujur, adil dan berlandaskan undang-undang serta prinsip tadbir urus korporat.



#### PROFESIONAL

Kami komited melaksanakan tugas dengan efisyen untuk menghasilkan perkhidmatan cemerlang dan produk berkualiti.



#### INOVATIF

Kami berpengetahuan, berwawasan, kreatif, berani merintis, responsif dan panjang ikhtiar ke arah misi kesinambungan bisnes Johor Corporation.



#### SETIA

Kami melaksanakan tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan komitmen kepada visi dan misi Johor Corporation serta berdaya tahan dan setia sepenuhnya kepada Johor Corporation.



#### BERPASUKAN

Kami sekata untuk bekerja secara berpasukan, menyumbang kepada pencapaian matlamat bersama dan perkongsian visi dalam suasana interaksi yang kondusif.



# KANDUNGAN LAPORAN

## SEKSYEN 01

### Penyata Korporat

Perutusan Pengurus	2
Penyata Korporat	4

## SEKSYEN 02

### Mengenai Johor Corporation

Profil & Maklumat Korporat	11
Struktur Bisnes & Korporat	12
Lembaga Pengarah & Profil	14
Jawatankuasa Pelaburan	
Lembaga Pengarah	18
Jawatankuasa Tadbir Urus &	
Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah	19
Jemaah Lembaga Tawaran	
dan Jemaah Lembaga Pelantikan	
Perunding	19
Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi	
Kumpulan (TERAJU)	20
Jawatankuasa Teraju Korporat	22
Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)	24

## SEKSYEN 03

### Ringkasan Prestasi Kewangan

Ulasan Kewangan	26
Ringkasan Prestasi Kewangan	
JCorp & Kumpulan (2014-2018)	27

## SEKSYEN 04

### Prospek

Laporan Ekonomi	28
Bisnes Kulim	30
Bisnes Kesihatan Pakar	36
Bisnes Makanan & Perkhidmatan	
Restoran	40
Divisyen Hartanah	46
Divisyen Pembangunan Industri	52
Divisyen Pembangunan Bisnes	58
Divisyen Tanggungjawab Korporat	60
Divisyen Pengurusan Sumber Manusia	
Kumpulan	66
Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan	70

## SEKSYEN 05

### Tadbir Urus Korporat

Penyata Tadbir Urus Korporat	74
Penyata Pengurusan Risiko dan	
Kawalan Dalaman	79
Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus	
dan Ekosistem Bisnes Lembaga	
Pengarah	82

## SEKSYEN 06

### Penyata Kewangan

Penyata Kewangan	85
------------------	----



Sila imbas kod QR untuk maklumat lanjut mengenai topik-topik tertentu.



Laman web kami:  
[www.jcorp.com.my](http://www.jcorp.com.my)

## PERUTUSAN PENGURUSTI



# DATO' DR SAHRUDDIN BIN HAJI JAMAL

Menteri Besar Johor  
Merangkap Pengurusi Johor Corporation

Johor Corporation (JCorp) kini melangkah masuk ke era baru perjalanan korporatnya. Selama lima dekad, instrumen pembangunan Negeri Johor ini telah membuktikan peranan penting dalam terus melonjakkan ekonomi negeri.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JCorp yang meraikan sambutan 50 tahun penubuhannya pada 18 Mei 2018. Sambutan ini lebih bermakna apabila JCorp melancarkan logo baharu sebagai simbolik tekad untuk memposisikan entiti itu di persada tempatan mahupun podium antarabangsa. Majlis bersejarah ini tambah bermakna apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, berkenan bercemar duli berangkat untuk menyempurnakan pelancarannya.



## Perutusan Pengerusi

— Pencapaian 50 Tahun Johor Corporation

# 2018

**BISNES KULIM**

**BISNES KESIHATAN PAKAR**

**BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN**

**DIVISYEN HARTANAH**

**DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI**

**DIVISYEN PEMBANGUNAN BISNES**

**DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT**

**DIVISYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN**

**DIVISYEN KEMAJUAN ICT**

unia korporat, saya yakin JCorp berusaha Pelan Strategik Johor akan mengantarkan anggota pekerja Kumpulan

Op melancarkan lot-lot gerai untuk kelompok sasaran, Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Dalam Industri Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor bagi matlamat melahirkan 80 usahawan penternak ayam elang 2023.

Manahkan supaya memupuk budaya keusahawanan di kalangan muda. Aspirasi untuk meningkatkan Komuniti Usahawan lain dilaksanakan melalui Program Keusahawanan yang dikenalkan sejak 1992. JCorp memperkasakan inisiatif ini lebih komprehensif apabila memperkenalkan Program Pro Du-It dan Kelas Rancangan Usahawan (KRU) pada tahun 2018. Program ini memberi manfaat dan impak positif kepada 2,500 pelajar. Mendorong JCorp memperhebatkan lagi kedua-dua bila diperluaskan ke peringkat nasional dengan objektif mencapai perakaunan dan keusahawanan di kalangan pelajar.

JCorp juga terus diperkasa menerusi KPJ Healthcare Berhad, Malaysia College of Hospitality & Management serta Johor Development Centre. Ketiga-tiga institusi itu menawarkan peluang ini bagi melahirkan lebih ramai modal insan mahir dan berbakat modal insan Bumiputera seiring pertumbuhan bisnes di negeri Johor.

Mengambil ruangan ini untuk meletakkan sekalung penghargaan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan Menteri Besar Johor, YAB Dato' Osman bin Haji Sapian, atas segala sumbangan jasa dan anduan, sokongan mahupun pimpinan ketika menerajui

Pada prestasi JCorp terus cemerlang dan menyumbang kepada aspirasi Negeri Johor maka marilah kita sama-sama bersatu serta bekerjasama untuk menggapai status negeri berprestasi dan melebarluaskan manfaat untuk kemakmuran negeri dan rakyat Johor.

on

## PERUTUSAN PENGERUSTI



# DATO' DR SAHRUDDIN BIN HAJI JA]

Menteri Besar Johor  
Merangkap Pengurus Johor Corporation

Johor Corporation (JC Corp) kini melangkah masuk ke dalam baharu perjalanan korporatnya. Selama lima dekad pembangunan Negeri Johor ini telah membuktikan penting dalam terus melonjakkan ekonomi negeri.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada JC Corp yang meraikan sambutan 50 tahun penubuhannya pada 18 Mei 2018. Sambutan ini lekat bermakna apabila JC Corp melancarkan logo baharu sebagai simbolik tekad untuk memposisikan entiti itu di persada tempatan mahupun podium antarabangsa. Majlis bersejarah ini tambah bermakna apabila Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, berkenan bercemar duli berangkat untuk menyempurnakan pelancarannya.

### LOGO BAHARU JOHOR CORPORATION

**1**


#### BULAN SABIT

Bentuk dua bulan sabit yang hampir bercantum diketengahkan untuk melambangkan JC Corp sebagai sebuah entiti yang sentiasa berpegang dan menjunjung kepada syariah Islamiah.

**2**

#### LATAR BELAKANG

Latar belakang berwarna putih di mana terletaknya tulisan JC Corp adalah manifestasi JC Corp yang dalam menjalankan peranannya, terus memelihara nilai murni yang berteraskan keikhlasan dan kesucian niat, ibadah dan amanah, serta ketelusan dan tadbir urus yang berintegriti.



**4**

#### JC CORP

Singkatan Johor Corporation iaitu JC CORP diletakkan di tengah-tengah logo menunjukkan ianya sebuah entiti yang kukuh dan fokus kepada tujuan penubuhannya berdasarkan Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).

**3**

#### WARNA

Warna merah dan biru yang dikekalkan daripada DNA logo asal adalah dari warna bendera Negeri Johor Darul Ta'zim di mana JC Corp merupakan agensi pembangunan kemajuan ekonomi negeri tersebut.

## Perutusan Pengerusi

Seiring usia 50 tahun dan kematangan dalam dunia korporat, saya yakin JCorp mampu mengharungi cabaran *megatrend* menerusi Pelan Strategik Johor Corporation serta kuasa kontingen lebih 60,000 anggota pekerja Kumpulan yang gigih, berdisiplin dan mahir.

Saya berharap dengan kepakaran dan pengalaman yang ditimba, JCorp dapat terus melunaskan peranan sebagai instrumen pembangunan negeri yang terbukti berjaya meneruskan kelangsungan bisnesnya serta melaksanakan tanggungjawab korporat dengan lebih efisyen mahupun meluas; sama seperti sejak 50 tahun lalu.

Penyertaan JCorp di dalam arus ekonomi perdana menyaksikan penglibatan institusi ekonomi ini di dalam sektor-sektor mutakhir seperti teknologi maklumat, perkhidmatan jalur lebar masyarakat, pembangunan aplikasi dan asimilasi teknologi terkini ke dalam aktiviti-aktiviti ekonomi konvensional sedia ada. Projek Penjanaan Kekayaan Generasi Baru (*New-Wave Wealth Generation*) yang dipelopori syarikat tujuan khas milikan penuhnya iaitu N2W Corporation Sdn Bhd merupakan langkah yang tepat sebagai persediaan menyertai era Industri 4.0, kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) dan realiti maya (*augmented reality*).

Meneliti laporan sepanjang 2018, JCorp menerusi DPI telah berjaya menarik pelaburan berjumlah RM11.17 bilion ke zon perindustrian di Negeri Johor, dan mewujudkan lebih 7,406 peluang pekerjaan.

Menerusi DPI juga, JCorp telah menawarkan 1,031 hektar tanah industri terutama di Pengerang Industrial Park (PIP) serta Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (KPTL) masing-masing kepada pelabur industri hiliran minyak dan gas (O&G) serta industri berat dan pukal. Inisiatif ini dilakukan seiring aspirasi kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi berdasarkan O&G serta Industri 4.0 terutama di timur Johor.

JCorp juga terus memperkuatkannya komitmen menjayakan agenda Bumiputera khususnya menerusi bantuan modal bisnes, pembangunan premis perniagaan dan juga pelbagai inisiatif pembudayaan keusahawanan yang tidak pernah culas dilaksanakan.

Antaranya, JCorp melancarkan lot-lot gerai untuk kelompok sasaran, meneruskan Program Pembangunan Usahawan Bumiputera Dalam Rantaian Halal Industri Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor bagi merealisasikan matlamat melahirkan 80 usahawan penternak ayam Bumiputera menjelang 2023.

JCorp turut diamanahkan supaya memupuk budaya keusahawanan di kalangan generasi muda. Aspirasi untuk meningkatkan Komuniti Usahawan Bumiputera itu antara lain dilaksanakan melalui Program Keusahawanan Bistari yang diperkenalkan sejak 1992. JCorp memperkasakan inisiatif itu melalui pendekatan lebih komprehensif apabila memperkenalkan Program Cilik Kewangan Pro Du-It dan Kelas Rancangan Usahawan (KRU) pada 2018 yang telah memberi manfaat dan impak positif kepada 2,500 pelajar. Pencapaian ini mendorong JCorp memperhebatkan lagi kedua-dua program itu apabila diperluaskan ke peringkat nasional dengan objektif mengasah potensi perakaunan dan keusahawanan di kalangan pelajar.

Sayap pendidikan JCorp juga terus diperkasa menerusi *KPJ Healthcare University College, Malaysia College of Hospitality & Management* serta *Johor Skills Development Centre*. Ketiga-tiga institusi itu menawarkan kursus-kursus terkini bagi melahirkan lebih ramai modal insan mahir dan profesional termasuk modal insan Bumiputera seiring pertumbuhan bisnes serta industri baharu.

Saya turut mengambil ruangan ini untuk meletakkan sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada mantan Menteri Besar Johor, YB Dato' Osman bin Haji Sapian, atas segala sumbangan jasa bakti termasuk panduan, sokongan mahupun pimpinan ketika menerajui JCorp.

Bagi memastikan prestasi JCorp terus cemerlang dan menyumbang kepada pencapaian aspirasi Negeri Johor maka marilah kita sama-sama berganding bahu serta bekerja untuk menggapai status negeri berprestasi tinggi seterusnya melebarluaskan manfaat untuk kemakmuran negeri dan kesejahteraan Bangsa Johor.

**Johor Corporation**

**16 April 2019**

## PENYATA KORPORAT



Prestasi Kewangan  
Kumpulan 2018



Hasil  
**RM5,616 juta**



Keuntungan Sebelum Cukai  
**RM415 juta**



Keuntungan Selepas Cukai  
**RM253 juta**

*and*

## **DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

**T**ahun 2018 amat bermakna kepada Johor Corporation (JCorp) apabila instrumen pembangunan ekonomi Negeri Johor ini berusia genap 50 tahun dengan membariskan pencapaian membanggakan.



## Penyata Korporat

### **ERA FASA BAHARU**

Tahun 2018 amat bermakna kepada Johor Corporation (JCorp) apabila instrumen pembangunan ekonomi Negeri Johor ini berusia genap 50 tahun dengan membariskan pencapaian membanggakan. Konsisten dengan perjuangan yang bersandarkan pelan strategik, dipandu misi dan visi, belajar daripada kesilapan serta komitmen anggota pekerjanya, JCorp sehingga 2018 terus berkeupayaan untuk melaksanakan tiga peranan iaitu agen pembangunan ekonomi negeri, entiti bisnes yang menerajui pasaran serta melunaskan tanggungjawab korporat tanpa culas.

DYMM  
Sultan Johor  
melancarkan  
logo baharu  
JCorp pada  
29 November  
2018.



**Hasil usaha gigih selama ini, JCorp dan rakyat Johor hari ini berbangga memiliki jenama popular di pasaran.**

Pencapaian cemerlang lima dekad JCorp antara lain diterjemahkan melalui nama besar dalam industri antaranya Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, QSR Brands (M) Holdings Bhd, Johor Land Berhad, TPM Technopark Sdn Bhd, TLP Terminal Sdn Bhd serta Damansara Assets Sdn Bhd selain pemilikan aset terus meningkat di peringkat Kumpulan yang bernilai RM22,891 juta pada 2018.

Hasil usaha gigih selama ini, JCorp dan rakyat Johor hari ini berbangga memiliki jenama popular di pasaran seperti ladang Kulim, hospital KPJ, restoran KFC dan Pizza Hut, Bandar Dato' Onn, Pelabuhan Tanjung Langsat, Taman Aktiviti Angry Bird, Menara KOMTAR, Menara JLand, KOMTAR JBCC, Larkin Sentral, Masjid Sultan Iskandar Bandar Dato' Onn, KPJ Healthcare University College, Klinik Waqaf An-Nur dan logo JCOP pada lengan jersi pemain bola sepak JDT.



Nilai Aset Kumpulan

**RM  
22,891  
juta**

Lebih terkesan bagi saya ialah ulang tahun ke-50 JCorp berjaya merapatkan lagi saf bagi menggembangkan kesepakatan dalam menyatukan komitmen, sumber dan keupayaan modal insan seluruh syarikat Kumpulan untuk membentuk sinergi baharu demi meneruskan perjuangan Kumpulan JCorp di pasaran.

## Penyata Korporat



### BISNES KULIM

Sungguhpun berdepan harga minyak sawit mentah (CPO) di pasaran global yang susut ketara sepanjang 2018, Kumpulan Kulim masih mampu mencatatkan perolehan memberangsangkan sebanyak RM1.39 bilion pada 2018, berbanding RM1.53 bilion sebelumnya.

Pencapaian ini juga membolehkan Kulim selaku antara tulang belakang JCorp; merekod Keuntungan Sebelum Cukai RM71.04 juta daripada RM34.42 juta pada 2017.

Dengan mengukuhkan strategi bisnes yang dikhususkan untuk setiap divisyen, Kulim kekal yakin serta optimis dengan prospek untuk mempertingkatkan daya saing dan menjana perolehan terutama melalui fokus kepada aktiviti dagangan dan sektor hiliran yang mampu menjana nilai komersial yang lebih tinggi. Visi Kulim untuk memacu teknologi bidang perladangan juga direalisasikan melalui pelancaran pusat R&D Kulim yang dijangka dapat meningkatkan prestasi operasi dan menyumbang kepada pertumbuhan dalam pelbagai aspek perladangannya.



*Maklumat lanjut di muka surat 30 hingga 35.*

### BISNES KESIHATAN PAKAR

KPJ Healthcare Berhad (KPJ) terus mencatatkan pencapaian cemerlang pada 2018. Dua hospital baharu dibuka pada 2018 iaitu KPJ Perlis dan KPJ Bandar Dato' Onn yang melengkapkan lagi rangkaian KPJ kepada 26 hospital di seluruh Malaysia. Prestasi memberangsangkan KPJ adalah hasil penambahbaikan kecekapan operasi dan peningkatan bilangan pesakit yang mendorong perolehan 2018 meningkat RM3.30 bilion berbanding RM3.20 bilion pada 2017, manakala keuntungan sebelum zakat dan cukai adalah sebanyak RM266.5 juta pada tahun ini berbanding RM233.3 juta pada tahun sebelumnya.

Pencapaian bisnes KPJ turut diimbangi inisiatif tanggungjawab korporat termasuk operasi 24 Klinik Waqaf An-Nur di seluruh negara dan lapan daripadanya mempunyai pusat dialisis dengan 68 mesin.

KPJ turut merangka strategi dan pakej khas untuk memasarkan pelancongan kesihatan sebagai cabang utama menggandakan perolehan dengan pemasaran secara giat di Indonesia, negara Timur Tengah dan Indo-China. Dua Pusat Informasi pula dibuka di Indonesia dan Bangladesh (satu).

Pembangunan digital adalah agenda utama pengukuhan operasi KPJ agar kualiti perkhidmatan tertinggi dari pelbagai aspek terus diberikan kepada pelanggan.



*Maklumat lanjut di muka surat 36 hingga 39.*



## Penyata Korporat

### BISNES MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN

QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) adalah pengendali restoran KFC di Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja yang mencatatkan prestasi memberangsangkan pada 2018. Ini didorong pertumbuhan berterusan bisnes restoran teras selain disokong bisnes perternakan ayam bersepadu serta bisnes sampingan.

Sejak cawangan pertama KFC di Malaysia dibuka pada 1973, QSR Brands memperluaskan rangkaian restoran kepada 713 di Malaysia, Singapura (84), Brunei (16) dan Kemboja (11). Pizza Hut pula mengendalikan 394 restoran di Malaysia dan 78 lagi di Singapura.

Dalam strategi pertumbuhan berterusan, KFC antara lain merangka program perluasan rangkaian restoran bagi tempoh empat tahun di Malaysia, Brunei, Singapura dan Kemboja di samping menggiatkan lagi akses kepada pengguna melalui strategi pemasaran digital dengan pelbagai kolaborasi strategik.



Maklumat lanjut di muka surat 40 hingga 45.

Jumlah Restoran Terkini

**824  
buah**

JLand Bina Kediaman

**36,700  
unit**

Aset JLand

**RM  
1.39  
bilion**



### DIVISYEN HARTANAH

Johor Land Berhad (JLand) adalah agen pembangunan harta tanah JCorp. Beroperasi lebih 46 tahun lalu, JLand mempunyai 790 hektar bank tanah di lokasi strategik dan memperluaskan portfolio dengan pembangunan perbandaran moden, bistari, berinovasi, berkualiti serta mampu dimiliki. Setakat 2018, JLand membina dan menyerahkan lebih 36,700 unit kediaman serta komersial kepada pelanggannya.

Sungguhpun 2018 menyaksikan senario pasaran harta tanah domestik yang agak pudar, namun JLand merekodkan prestasi baik dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM118 juta tahun ini berbanding RM71 juta pada 2017.

Kualiti lembaran imbalan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset bersih meningkat RM1.39 bilion berbanding RM1.31 bilion bagi tempoh sama.

Sementara itu, beberapa projek perumahan JLand disiapkan sepanjang 2018 termasuk di perbandaran premier Bandar Dato' Onn, Taman Bukit Dahlia dan Taman Mutiara Gading. JLand turut komited menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri melalui Rumah Mampu Biaya Johor dan menjayakan pembinaan Rumah Impian Bangsa Johor yang diilhamkan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

Profil JLand makin mantap dengan pembinaan Menara JLand - menara pejabat 37 tingkat yang mendapat sijil bangunan hijau dan pejabat gred 'A' yang mula diduduki penghujung 2018.

Menjelang temasya Sukan Malaysia 2020, JLand diamanahkan Kerajaan Johor melaksanakan pembinaan selain menaiktaraf kemudahan sukan dan infrastruktur untuk pembangunan Arena Larkin selaku venue utama kejohanan.



Maklumat lanjut di muka surat 46 hingga 51.

## Penyata Korporat



### DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Divisyen Pembangunan Industri (DPI) adalah pelaksana dan penggerak utama pembangunan perindustrian JCorp yang setakat ini memajukan 34 kawasan perindustrian seluas 6,587 hektar di Johor. Walaupun 2018 mencabar bagi sektor harta tanah industri termasuk di Johor namun permintaan terhadap harta tanah industri masih menggalakkan. DPI merekodkan pelaburan RM11.17 bilion ke Johor yang mewujudkan 7,406 peluang pekerjaan pada tempoh tersebut.

Sepanjang 2018, JCorp menawarkan 1,031 hektar tanah industri terutama di Pengerang Industrial Park dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat selaras aspirasi kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi terutama dalam sektor minyak & gas serta Industri 4.0.



*Maklumat lanjut di muka surat 52 hingga 57.*

**7,406**

Peluang Pekerjaan  
Diwujudkan

Jumlah Pelaburan

**RM11.17 billion**



### DIVISYEN TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Tanggungjawab korporat adalah peranan utama JCorp dan Divisyen Tanggungjawab Korporat diamanahkan melunaskannya melalui pelbagai inisiatif melibatkan kumpulan sasar rakyat dan kurang berasas baik di akar umbi. Program itu antaranya, dilaksanakan

melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Yayasan Johor Corporation serta Koperasi Perbadanan Johor bagi mencapai misi dan visi ‘Membina dan Membela’. Ia melibatkan penyaluran bantuan melalui program kebajikan, latihan, sukan, pendidikan serta keusahawanan.

WANCorp telah melancarkan Prospektus Wakaf Saham Larkin Sentral pada 18 Jun 2017 bagi menerbitkan 850 juta unit saham baharu bernilai RM0.10 setiap saham berjumlah RM85 juta. Dana wakaf itu diguna menaiktaraf Terminal Larkin Sentral melibatkan platform bas, ruang menunggu, sistem tiket online serta pembinaan lot bazar untuk golongan sasaran.

WANCorp turut menguruskan rangkaian enam masjid iaitu Masjid Sultan Iskandar serta Masjid An-Nur di Galleria@Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang serta Taman Cendana.

Sejak 1998, JCorp membangunkan 24 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara yang memberi 1,759,993 rawatan kepada pesakit setakat 2018. Ini termasuk 154,282 rawatan pesakit bukan Islam. KWAN turut mempunyai 68 mesin dialisis.

Divisyen ini turut melaksanakan program Jalinan Ukhuwah, menyediakan pembiayaan Dana Niaga, mengerakkan tiga Pusat Waqaf Komuniti serta menyatukan sukarelawan JCorp di bawah Briged Waqaf.

Yayasan Johor Corporation pula menjayakan Projek Tuisyen dan program Pengurusan Kewangan Pro Du-It serta pendidikan Kelas Rancangan Keusahawanan.



*Maklumat lanjut di muka surat 60 hingga 65.*

## Penyata Korporat

### **HASIL, EKUITI DAN ASET KUKUH**

Sehingga 31 Disember 2018, nilai aset Kumpulan JCorp terus meningkat sebanyak 4% kepada RM22,891 juta. Selain memainkan peranannya sebagai agen pertumbuhan ekonomi negeri, Kumpulan JCorp juga menyumbang terus kepada kerajaan melalui percuai sebanyak RM396.64 juta yang melibatkan potongan cukai berjadual (PCB), cukai perniagaan, cukai barang dan perkhidmatan dan juga cukai jualan dan servis (SST).

Pada 2018 juga, Kumpulan JCorp menyumbang kembali RM95.12 juta keuntungan kepada komuniti dan kumpulan sasaran untuk melaksanakan kegiatan tanggungjawab korporat.

### **SAMBUTAN 50 TAHUN JOHOR CORPORATION**

Tarikh 18 Mei 2018, menyaksikan genap 50 tahun usia penubuhan JCorp. Pelbagai kegiatan dianjurkan bagi menyemarakkan sambutan Jubli Emas tersebut. Antaranya, Majlis Bacaan Yasin, Tahliil dan Doa Selamat dengan menyantuni 30 masjid di seluruh Johor. JCorp turut menjelajah Kempas, Pontian dan Simpang Renggam bagi melaksanakan program Jalinan Ukhuwah sempena ulang tahun tersebut.

46 pendaki dari Kumpulan JCorp berjaya menyempurnakan misi Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu

Majlis JCorp's Media Nite pula dianjurkan sebagai tanda penghargaan Kumpulan JCorp kepada komuniti media. Kulim pula menganjurkan Kulim Eco Trail Run dan Kulim Kota Tinggi MTB Challenge.

### **PERISTIWA KORPORAT**



Tahun 2018 menyaksikan pelbagai peristiwa korporat, majlis rasmi dan program berlangsung. Melalui ruangan ini, JCorp dengan penuh takzim Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Kasih Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dan Duli Yang Maha Mulia Permaisuri Johor yang berkenan bercemar duli bagi menyempurnakan majlis anjuran JCorp sepanjang tempoh itu.

Pada 29 November 2018, Tuanku Sultan Johor berkenan berangkat bercemar duli merasmikan Pelancaran Logo Baharu JCorp sempena Majlis Sambutan Gala 50 Tahun JCorp.

Tuanku Sultan Johor turut berkenan berangkat bercemar duli menyempurnakan Majlis Penyerahan Sijil Tawaran, Rumah Impian Bangsa Johor, Bandar Dato' Onn & Bandar Baru Majidee pada 21 November 2018.



## Penyata Korporat

Pada 23 September 2018, Tuanku Permaisuri Johor turut berkenan bercemar duli bagi menyempurnakan Majlis Pertukaran Dokumen. Antara QSR Brands Dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi penubuhan Kursi Syed Naquib Al-Attas di UTM Johor.

Sementara itu, Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor berkenan bercemar duli berangkat merasmikan Majlis Pelancaran Sistem Permohonan Rumah Impian Bangsa Johor dan Perasmian Pejabat Urusan Yayasan Sultan Ibrahim Johor di Bangunan Terminal Larkin Sentral Johor Bahru, Johor pada 31 Oktober 2018.

Seterusnya, majlis Pelancaran Cawangan Baharu KFC di Residensi UTMKL, Jalan Semarak Kuala Lumpur oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada 20 September 2018.

Sidang Kemuncak Integriti dan Tadbir Urus Negeri Johor dengan tema 'Integriti Memacu Kemapanan Organisasi' yang disempurnakan oleh mantan Menteri Besar Johor, YB Dato' Haji Osman bin Haji Sapian pada 5 November 2018. Hadir sama, YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal-Ehwal Ekonomi Malaysia.

### **ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN**

Kulim mencatatkan pencapaian membanggakan apabila memenangi anugerah *Best Quality Leadership 2018 (Gold)* daripada European Society for Quality Research di Las Vegas, Amerika Syarikat. Kulim turut memenangi tiga kategori anugerah pada majlis *9<sup>th</sup> Annual Global CSR Summit and Awards 2017*.

Kulim Pineapple Farm pula meraih Anugerah Pengeksport Nanas Segar Jaya pada Ulang Tahun ke-60 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia manakala Danamin (M) Sdn Bhd dianugerahkan Sijil Penghargaan sebagai Kontraktor Bertambah Baik pada Forum Kontraktor Petronas 2017.

KPJ Healthcare pula diiktiraf menerusi anugerah *Digital Transformation Leader of the Year* yang dimenangi Presiden & Pengarah Eksekutifnya, YBhg Dato' Amiruddin Abdul Satar.

JLand menerusi Menara JLand menerima anugerah 'Best Commercial Development Award' sempena StarProperty.my Awards 2018: Jewels of Johor.

Seterusnya, QSR Brands meraih anugerah *Putra Brand Awards 2018* manakala KFC Malaysia merangkul anugerah *Putra Brand Icon Award 2018*.

### **SEKALUNG BUDI**

Pencapaian JCorp juga kerana sokongan padu dan kerjasama erat daripada pelbagai pihak. Untuk itu, saya bagi pihak JCorp mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor, Kerajaan Persekutuan, pemegang kepentingan, semua badan agensi berkaitan, pihak bank dan penasihat kewangan atas komitmen yang diberikan.

Penghargaan dan ucapan sama juga kami kalungkan kepada pelanggan, rakan strategik serta pemegang kepentingan terbesar termasuk semua pemegang saham senaraian awam serta institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat Kumpulan dan telah menyatakan atau memberi komitmen terhadap semua perancangan korporat mahupun transaksi bisnes sepanjang 2018.

JCorp juga merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh barisan Ahli Lembaga Pengarah atas segala sumbangan tidak ternilai melalui panduan, sokongan mahupun kebijaksanaan dan kepakaran yang mereka curahkan.

Ternyata, sumbangan semua pihak tersebut berjaya meletakkan JCorp di atas landasan kukuh serta di persada kejayaan bagi melalui fasa baharu perjalanan korporat kami untuk meneruskan operasi bisnes, melaksanakan amanah membangunkan negeri serta melunaskan tanggungjawab korporat demi menggapai visi dan misi 'Membina dan Membela'.

### **PENGHARGAAN**

**Sekalung penghargaan pastinya untuk lebih 60,000 anggota pekerja Kumpulan JCorp yang melunaskan amanah dan bertugas dengan gigih berlandaskan budaya kerja, integriti dan nilai-nilai murni, penuh kecekapan dan kemahiran serta menguasai bidang kerja demi mempertahankan JCorp dan syarikat Kumpulan kekal di podium kecemerlangan. Mereka sumber kekuatan sebenar kami untuk terus mengharungi cabaran serta terus mengukuh dan tumbuh merimbun menaungi semua.**

**Johor Corporation**  
**16 April 2019**

## PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

### PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

#### **Pejabat Berdaftar**

##### **JOHOR CORPORATION**

Level 11, Menara KOMTAR  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.  
Telefon : +607-219 2692  
Faks : +607-223 3175  
ISO Faks : +607-224 2692  
Emel : pdnjohor@jcorp.com.my

#### **Pejabat**

##### **JOHOR CORPORATION**

**CAWANGAN KUALA LUMPUR**  
Level 11, Menara JCorp  
No 249 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Telefon : +603-2787 2692  
Faks : +603-2787 2700

#### **Juruaudit**

##### **PricewaterhouseCoopers**

Level 16, Menara Ansar  
Jalan Trus, Peti Surat 296  
80730, Johor Bahru, Johor, Malaysia.

#### **Bank Utama**

##### **MAYBANK**

Lot M1-22, 106-108 City Square  
Jalan Wong Ah Fook  
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Perbadanan Johor Bil. 4, Tahun 1968 (Pindaan No. 5, Tahun 1995).**

Sebagai sebuah konglomerat negeri, Johor Corporation melalui syarikat Kumpulannya menceburi bisnes utama merangkumi:

- Bisnes Kulim – Kulim (Malaysia) Berhad.
- Bisnes Kesihatan Pakar – KPJ Healthcare Berhad.
- Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran – QSR Brands (M) Holdings Bhd.
- Bisnes Intrapreneur.
- Pembangunan Industri - TPM Technopark Sdn Bhd dan TLP Terminal Sdn Bhd.
- Pembangunan Hartanah – Johor Land Berhad, Damansara Assets Sdn Bhd, Al-Aqar Healthcare REIT dan Al-Salām REIT.

Johor Corporation menjadi peneraju pasaran domestik dalam beberapa bisnes utama dan telah melebarkan sayap operasinya ke seberang laut.

Bisnes Kulim memiliki operasi dan kepentingan di:

- Malaysia: 47,259 hektar.
- Indonesia: 8,345 hektar.\*

\*Kawasan di bawah Hak Guna Usaha.

Bisnes Kesihatan Pakar yang diterajui KPJ Healthcare Berhad, telah dikembangkan sehingga ke:

- Jakarta, Indonesia.
- Brisbane, Australia.
- Bangkok, Thailand.
- Dhaka, Bangladesh.

Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran pula melebar dari Malaysia ke:

- Singapura (KFC & Pizza Hut).
- Brunei (KFC).
- Kemboja (KFC).


Empat syarikat Kumpulan tersenarai di Bursa Malaysia:

- KPJ Healthcare Berhad.
- E.A. Technique (M) Berhad.
- Al-Aqar Healthcare REIT.
- Al-Salām REIT.




## STRUKTUR BISNES &amp; KORPORAT

MAKLUMAT ADALAH SEHINGGA 31 DISEMBER 2018



## Struktur Bisnes & Korporat

Maklumat Adalah Sehingga 31 Disember 2018



— Pembangunan Intrapreneur

— Pegangan Pelaburan

◀ WANCorp/OBA

— Pegangan Terus Ekuifi

— PENGURUSAN

— Amanah Pelaburan Harta Tanah

## LEMBAGA PENGARAH & PROFIL

### **YAB DATO' DR SAHRUDDIN BIN HAJI JAMAL**

Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 April 2019. Beliau berkelulusan Sarjana Perubatan (MD), Universitas Hasanuddin, Sulawesi Selatan, Indonesia. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.



### **YBHG TAN SRI DR ALI BIN HAMSA**

Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980.

### **YB DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2009 dan sebagai Pemangku Presiden & Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.



## Lembaga Pengarah & Profil



### **YB DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 2004 dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Ekonomi & Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1990. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Johor.



### **YB DATO' ISHAK BIN SAHARI**

Penasihat Undang-Undang Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 1 Januari 2014. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1986. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

### **YB DATO' HAJI A. RAHIM BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan Negeri Johor

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 20 Oktober 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.



## Lembaga Pengarah & Profil

### **YBHG DATUK SERI DR ISMAIL BIN HAJI BAKAR**

Ketua Setiausaha Negara

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Oktober 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran Ekonomi dan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan dari University of Hull, United Kingdom serta Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Negara.



### **YBHG DATUK SITI ZAUYAH BINTI MD DESA**

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)  
Kementerian Kewangan Malaysia

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 11 Mac 2013. Beliau berkelulusan Sarjana Perbankan Antarabangsa dari University of Manchester, United Kingdom, Sarjana Muda Sains Ukur Bahan (Kepujian) dari University of Reading, United Kingdom dan Diploma Pentadbiran Awam dari INTAN. Beliau kini merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan.

### **YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Mac 2016. Dato' Azman merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Beliau telah menggalas pelbagai jawatan kepimpinan di MIDA selama lebih dari tiga dekad pengalaman di dalam pembangunan perindustrian dan promosi pelaburan, di samping menjadi ahli lembaga pengarah bagi beberapa organisasi utama. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dari Universiti Putra Malaysia.



## Lembaga Pengarah & Profil

### **YBHG DATUK DR HAFSAH BINTI HASHIM**

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan  
Lembaga Pengarah Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Disember 2013. Mulai 1 Disember 2015 beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dari Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Pentadbiran dari Aston University, United Kingdom.



### **YB DATUK DR SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH**

Timbalan Menteri  
Wilayah Persekutuan

Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 15 Jun 2018. Beliau berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Bradford, United Kingdom. Beliau kini merupakan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.



### **YBHG DATUK IBRAHIM BIN AHMAD**

Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus &  
Ekosistem Bisnes  
Lembaga Pengarah Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 September 2017. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).



### **ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**

Setiausaha Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 1 Mac 2017.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 16 Oktober 1995.

Kini beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar, Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation.



## JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH

**PENGURUSI**
**1. YBHG DATUK DR HAFSAH  
BINTI HASHIM**

Ahli Lembaga Pengarah  
Johor Corporation

**AHLI-AHLI**
**2. YB DATO' KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

**3. YB DATO' HAJI AZMI  
BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan Johor


**4. YBHG DATO' AZMAN BIN MAHMUD**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Pelaburan  
Malaysia (MIDA)

**5. YBHG DATO' JAMELAH  
BINTI JAMALUDDIN**

Ahli Bebas

**SETIAUSAHA**
**6. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS**

Setiausaha Johor Corporation/  
Timbalan Pengurus Besar  
Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif

## JAWATANKUASA TADBIR URUS & EKOSISTEM BISNES LEMBAGA PENGARAH

**PENGURUSI****1. YBHG DATUK IBRAHIM  
BIN AHMAD**

Ahli Lembaga Pengarah  
Johor Corporation

**AHLI-AHLI****2. YB DATO' HAJI A. RAHIM  
BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan  
Negeri Johor

**3. PUAN HAJAH ZAINAH  
BINTI MUSTAFA**

Ahli Bebas

**SETIAUSAHA****4. TUAN HAJI ONN  
BIN ISMAIL**

Naib Presiden  
Divisyen Tadbir Urus &  
Ekosistem Bisnes

## JEMAAH LEMBAGA TAWARAN DAN JEMAAH LEMBAGA PELANTIKAN PERUNDING

**PENGURUSI****1. YB DATO' HAJI AZMI  
BIN ROHANI**

Setiausaha Kerajaan  
Johor

**AHLI-AHLI****2. YB DATO' HAJI  
A.RAHIM  
BIN HAJI NIN**

Pegawai Kewangan  
Negeri Johor

**3. YB DATO'  
KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua  
Eksekutif  
Johor Corporation

**4. TUAN HAJI ZULKIFLI  
BIN IBRAHIM**

Naib Presiden Kanan/  
Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan  
Industri/  
Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

**SETIAUSAHA****5. ENCIK ABDUL RAHIM  
BIN MUSTAFA**

Timbalan Pengurus  
Besar  
Unit Tanah  
Divisyen Pembangunan  
Industri

## JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)

**PENGERUSI****1. YB DATO' KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**

Presiden &amp; Ketua Eksekutif

**AHLI-AHLI****2. TUAN HAJI ZULKIFLI  
BIN IBRAHIM**

Naib Presiden Kanan/  
Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan Industri/  
Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

**3. TUAN HAJI LUKMAN  
BIN HAJI ABU BAKAR**

Naib Presiden Kanan/  
Ketua Eksekutif  
Divisyen Hartanah/ Pengarah  
Urusan Johor Land Berhad

**4. YBHG DATO' AMIRUDDIN  
BIN ABD SATAR**

Presiden & Pengarah  
Urusan  
KPJ Healthcare Berhad

**5. TUAN HAJI JAMALUDIN  
BIN MD ALI**

Naib Presiden Kanan  
Divisyen Tanggungjawab  
Korporat/ Ketua Eksekutif  
Waqaf An-Nur Corporation Berhad

**6. YBHG DATUK SERI  
MOHAMED AZAHARI  
BIN MOHAMED KAMIL**

Pengarah Urusan  
QSR Brands (M)  
Holdings Bhd

**7. TUAN HAJI ZULKIFLY  
BIN ZAKARIAH**

Pengarah Eksekutif  
Kulim (Malaysia) Berhad

**8. TUAN HAJI ONN  
BIN ISMAIL**

Naib Presiden  
Divisyen Tadbir Urus &  
Ekosistem Bisnes

## Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU)



**9. TUAN HAJI MOHD SAHIR  
BIN RAHMAT**

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan  
Bisnes

**10. ENCIK MOHAMAD SALLEH  
BIN MOHAMAD YUSOF**

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan  
Kumpulan

**11. YM UNGKU HARUN  
AL'RASHID BIN AHMAD**

Naib Presiden  
Divisyen Pengurusan Sumber  
Manusia Kumpulan

**12. ENCIK WAN AZMAN  
BIN ISMAIL**

Pengarah Eksekutif  
Damansara REIT Managers  
Sdn Bhd



**13. PUAN ROZANA BINTI RUSLI**

Naib Presiden  
Divisyen Kemajuan ICT

**14. PUAN WAN SU BINTI ALI**

Pengurus Besar  
Jabatan Undang-Undang &  
Kesetiausahaan Syarikat  
Kumpulan

### SETIAUSAHA BERSAMA

**15. ENCIK ALFADZILAH  
BIN HAJI MAT ARIS**

Setiausaha Johor Corporation/  
Timbalan Pengurus Besar  
Pejabat Presiden &  
Ketua Eksekutif

**16. PUAN NURALIZA  
BINTI ABDUL RAHMAN**

Pengurus  
Jabatan Kesetiausahaan  
Syarikat Kumpulan

## JAWATANKUASA TERAJU KORPORAT



### PENGERUSI

**1. YB DATO' KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif

### TIMBALAN PENGERUSI

**2. TUAN HAJI ZULKIFLI  
BIN IBRAHIM**

Naib Presiden Kanan/  
Ketua Eksekutif  
Divisyen Pembangunan  
Industri/Pengarah Urusan  
TPM Technopark Sdn Bhd

### AHLI-AHLI

**3. TUAN HAJI LUKMAN  
BIN HAJI ABU BAKAR**

Naib Presiden Kanan/  
Ketua Eksekutif  
Divisyen Hartanah/  
Pengarah Urusan  
Johor Land Berhad

**4. TUAN HAJI ZULKIFLY  
BIN ZAKARIAH**

Pengarah Eksekutif Kulim  
(Malaysia) Berhad



**5. TUAN HAJI JAMALUDIN  
BIN MD ALI**

Naib Presiden Kanan  
Divisyen  
Tanggungjawab  
Korporat/Ketua  
Eksekutif Waqaf An-Nur  
Corporation Berhad

**6. TUAN HAJI MOHD  
SAHIR BIN RAHMAT**

Naib Presiden  
Divisyen  
Pembangunan Bisnes

**7. ENCIK MOHAMAD  
SALLEH BIN  
MOHAMAD YUSOF**

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan  
Kumpulan

**8. YM UNGKU HARUN  
AL'RASHID BIN  
AHMAD**

Naib Presiden  
Divisyen Pengurusan  
Sumber Manusia  
Kumpulan

**9. TUAN HAJI BUKHARI  
BIN ABDUL RAHMAN**

Naib Presiden  
Divisyen  
Tanggungjawab  
Korporat

## Jawatankuasa Teraju Korporat



### 10. PUAN ROZANA BINTI RUSLI

Naib Presiden  
Divisyen Kemajuan ICT

### 11. PUAN NORSHIAH JURIANI

**BINTI JOHARI**  
Naib Presiden  
Penjenamaan dan  
Komunikasi Kumpulan

### 12. YBHG DATIN SRI AZLIN

**BINTI TAN SRI ARSHAD**  
Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Industri/  
TPM Technopark Sdn Bhd

### 13. PUAN WAN SU BINTI ALI

Pengurus Besar  
Jabatan Undang-Undang &  
Kesetiausahaans Syarikat  
Kumpulan



### SETIAUSAHA BERSAMA

### 14. PUAN RABIAHUL ADAWIAH BINTI ADNAN

Pengurus Besar  
Jabatan Pengurusan  
& Khidmat Hartanah

### 15. PUAN HAJAH AZIAH BINTI AHMAD

Pengurus Besar  
Jabatan Pemantauan  
& Nasihat Kewangan  
Kumpulan

### 16. ENCIK MD FAIZAL BIN ABDULLAH

Pengurus Besar  
Jabatan Strategi  
Korporat Kumpulan

### 17. CIK HAJAH NOOR LINDA BINTI IBRAHIM

Pengurus  
Pejabat Presiden &  
Ketua Eksekutif

### 18. PUAN NURUL AIDEA BINTI SENIN

Pengurus  
Jabatan  
Kesetiausahaans  
Syarikat Kumpulan

## JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

**PENGERUSI****1. TUAN HAJI MOHD  
SAHIR BIN RAHMAT**

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan  
Bisnes

**TIMBALAN PENGERUSI I****2. ENCIK MOHAMAD  
SALLEH BIN  
MOHAMAD YUSOF**

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan  
Kumpulan

**TIMBALAN PENGERUSI II****3. PUAN RABIATUL  
ADAWIAH  
BINTI ADNAN**

Pengurus Besar  
Jabatan Pengurusan  
& Khidmat Hartanah

**AHLI-AHLI****4. ENCIK MD ZIN  
BIN MD YASIN**

Pengurus Besar  
Kanan  
Damansara Assets  
Sdn Bhd

**5. PUAN HAJAH  
NORISHAH BINTI  
MOHD SETH**

Pengurus Besar  
Jabatan  
Pembangunan  
Sumber Manusia


**6. ENCIK MOHD  
BAHRIN BIN  
BAKRI @  
BAKRI**

Pengurus Besar  
Waqaf An-Nur  
Corporation  
Berhad

**7. ENCIK  
SHAMSUL  
ANUAR BIN  
ABDUL MAJID**

Pengurus Besar  
Jabatan  
Kajian &  
Pembangunan  
Bisnes

**8. ENCIK  
MUHAMMAD  
FARID BIN  
ABDULLAH**

Pengurus Besar  
Jabatan  
Pengurusan  
Program &  
Projek ICT

**9. CIK NARIMAH  
BINTI ABDULLAH**

Pengurus Besar  
(Operasi)  
TPM Technopark  
Sdn Bhd

**10. TUAN HAJI SETH  
BIN JAMALUDIN**

Timbalan  
Pengurus Besar  
Johor Land  
Berhad

**11. ENCIK MOHD  
FADZIL BIN  
MD NOOR**

Timbalan  
Pengurus Besar  
Jabatan  
Pentadbiran

## Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)



<b>12. PUAN NOR</b> <b>AKMAR BINTI</b> <b>MOHD BIDIN</b> Timbalan Pengurus Besar Jabatan Undang-Undang Kumpulan	<b>13. PUAN HAJAH</b> <b>NINA SAPURA</b> <b>BINTI RAHMAT</b> Timbalan Pengurus Besar Jabatan Strategi Korporat Kumpulan	<b>14. PUAN ANISAH</b> <b>BINTI RAMDAN</b> Timbalan Pengurus Besar Unit Pematuhan Kumpulan Divisyen Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes	<b>15. ENCIK MOHD</b> <b>KAMAL BIN</b> <b>AHMAD</b> Pengurus Kanan Jabatan Penjenamaan & Komunikasi Kumpulan	<b>16. ENCIK</b> <b>MOHAMAD RIZA</b> <b>BIN ABDUL HALIM</b> Pengurus Jabatan Pengurusan & Khidmat Hartanah	<b>17. PUAN NURUL</b> <b>AIDEA BINTI</b> <b>SENIN</b> Pengurus Jabatan Kesetiausahaann Syarikat Kumpulan
--	--	--	---	--	---



<b>18. PUAN NOR</b> <b>SAMSIAH</b> <b>BINTI MD NOH</b> Pengurus Jabatan Kewangan & Strategi Kewangan Kumpulan	<b>19. ENCIK MOHD</b> <b>NAZARUDDIN</b> <b>BIN ABU SAMAH</b> Pengurus Jabatan Pengurusan Sumber Manusia	<b>20. PUAN YUS ZIANA</b> <b>BINTI SELAMAT</b> Timbalan Pengurus Jabatan Pemantauan & Nasihat Kewangan Kumpulan	<b>21. PUAN SITI</b> <b>ROKIAH</b> <b>BINTI AHMAD</b> Timbalan Pengurus Jabatan Percubaan & Insuran Kumpulan	<b>22. ENCIK MOHD</b> <b>FADZLI BIN ABU</b> <b>BAKAR</b> Timbalan Pengurus Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif	<b>23. CIK NUR IZZATI</b> <b>BINTI AZMAN</b> Eksekutif Jabatan Kesetiausalem Syarikat Kumpulan
---	---	---	--	---	--

### SETIAUSAHA BERSAMA

## ULASAN KEWANGAN

AMAUN DALAM RM JUTA

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2018	2017	2018	2017
Hasil	<b>5,616</b>	5,564	<b>419</b>	245
Keuntungan kasar	<b>1,722</b>	1,741	<b>298</b>	225
EBITDA*	<b>1,038</b>	1,420	<b>203</b>	192
<b>Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>	<b>415</b>	583	<b>167</b>	93
Cukai	<b>(162)</b>	(112)	<b>6</b>	1
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	<b>253</b>	471	<b>173</b>	94
Keuntungan daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	<b>(4)</b>	(83)	-	-
<b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>	<b>249</b>	388	<b>173</b>	94


**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2018**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2018	2017	2018	2017
Aset bukan semasa	<b>17,957</b>	17,346	<b>6,092</b>	5,880
Aset semasa	<b>4,934</b>	4,614	<b>1,432</b>	1,256
<b>Jumlah aset</b>	<b>22,891</b>	21,960	<b>7,524</b>	7,136
Liabiliti bukan semasa	<b>9,124</b>	8,486	<b>4,048</b>	3,934
Liabiliti semasa	<b>4,707</b>	4,617	<b>1,198</b>	1,069
Jumlah liabiliti	<b>13,831</b>	13,103	<b>5,246</b>	5,003
Jumlah ekuiti	<b>9,060</b>	8,857	<b>2,278</b>	2,133
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>	<b>22,891</b>	21,960	<b>7,524</b>	7,136

\* EBITDA - Pendapatan sebelum faedah, cukai, susutnilai dan pelunasan

Penyata pendapatan komprehensif dan penyata kedudukan kewangan di atas diperolehi daripada penyata kewangan beraudit Johor Corporation.

## RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN JCORP & KUMPULAN (2014-2018)



## LAPORAN EKONOMI



**Secara keseluruhannya, asas-asas ekonomi yang kukuh, kepelbagaiannya sumber asas dan struktur ekonomi, serta penampang intrinsik yang sedia ada meletakkan Malaysia di kedudukan yang baik untuk menghadapi sebarang badai ekonomi atau mengendali sebarang kejutan di samping mampu mengelakkan negara daripada terjejas teruk dalam jangka masa panjang.**

### SOROTAN EKONOMI 2018

**S**etelah berkembang sederhana selama empat suku tahun berturut-turut sejak suku tahun keempat 2017 (S4 2017), pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia mula menunjukkan perubahan trend yang agak ketara pada S4 2018 dengan kadar 4.7% TKT (S3 2018: +4.4% TKT). Dengan pertumbuhan KDNK S4 2018 itu, ekonomi Malaysia juga telah berkembang pada kadar 4.7% bagi keseluruhan 2018. Meskipun agak perlahan berbanding 5.9% pada 2017, pertumbuhan seluruh 2018 masih boleh dianggap memuaskan.

Manakala sektor perkhidmatan berkembang lebih pesat pada kadar 6.8% (2017: +6.2%), sektor perkilangan dan pembinaan kelihatan seperti hilang momentum dengan kadar pertumbuhan lebih perlakan, masing-masing sebanyak 5.0% (2017: +6.0%) dan 4.2% (2017: +6.7%). Sektor pertanian dan sektor perlombongan pula masing-masing mengakhiri 2018 dengan penurunan sebanyak 0.4% dan 1.5%, akibat gangguan pengeluaran dan kejutan spesifik berkaitan komoditi yang lain.

Permintaan domestik sama sekali tidak mengecewakan dengan lonjakan 7.2% terutama bagi aspek diterajui oleh sektor swasta merangkumi perbelanjaan isi rumah dan pelaburan swasta yang masing-masing meningkat sebanyak 8.1% dan 4.5%.

Peristiwa yang memberi impak paling signifikan terhadap ekonomi Malaysia pada 2018 adalah keputusan Pilihan Raya Umum Malaysia yang ke-14 (PRU-14) yang berlangsung pada 9 Mei 2018 di mana buat pertama kali selepas 61 tahun, Malaysia menyaksikan perubahan Kerajaan Persekutuan dan peralihan kuasa kepada gabungan politik baharu yakni Pakatan Harapan (PH). Iltizam dan kegigihan pentadbiran PH dalam mengkaji, menyusun dan menetapkan semula pelbagai dasar nasional telah membawa hasil dengan pembentangan dua dokumen dasar utama iaitu Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-11 pada 18 Oktober 2018 dan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018.

Berikutnya pelbagai langkah dasar pasca PRU-14 pada separuh kedua 2018 khususnya penghapusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), penstabilan harga petrol RON95 dan diesel masing-masing pada kadar RM2.20 dan RM2.80 seliter serta penguatkuasaan yang lebih tegas pelbagai peruntukan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011, inflasi mencatatkan perubahan peratusan tahunan bagi Indeks Harga Pengguna (IHP) pada kadar purata 1.0% yakni rekod terendah sejak 2009.

Selepas kenaikan 25 mata asas pada Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) yang pertama bagi 2018 pada 25 Januari 2018, tekanan inflasi pada kadar terendah dalam rekod bertahun-tahun membolehkan Kadar Dasar Semalam (OPR) seterusnya kekal pada 3.25%.

Namun, Indeks Komposit Kuala Lumpur Bursa Malaysia (KLCI) dan Ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat mengakhiri 2018 dengan masing-masing jatuh 5.2% dan 2.8% kepada 1,690.58 dan RM4.1335 berbanding awal tahun. Harga dua komoditi global yang memberi kesan secara langsung ke atas Johor Corporation dan syarikat Kumpulan yakni minyak mentah

## Laporan Ekonomi

dan minyak mentah (Brent) juga dihimpit trend penurunan di mana keduanya menjunam lebih daripada 20% kepada RM1,952.50/tan dan AS\$53.17/setong pada 31 Disember 2018.

### PERSPEKTIF EKONOMI 2019

Dipengaruhi prospek ekonomi global yang dilihat semakin kelam akibat pelbagai ancaman dan kemungkinan termasuk antara lain, ketegangan perdagangan global yang kian meruncing terutama antara Amerika Syarikat (AS) dan China; pertumbuhan bawah jangkaan yakni sub-6% di China dan sub-1% di Zon Euro; peningkatan risiko geopolitik terutamanya di Timur Tengah, Eropah Timur, Asia Selatan malah Asia-Pasifik; ketidaktentuan berkaitan hala tuju Brexit; hutang isi rumah, korporat dan nasional yang semakin membengkak di seluruh dunia; konsensus pasaran menjangkakan pertumbuhan KDNK Malaysia sekitar 4.5% pada 2019 yakni dalam lingkungan julat unjuran BNM antara 4.3%-4.8%. Ini merupakan kadar pertumbuhan terendah sejak 2016 namun masih boleh dibanggakan berbanding dengan unjuran pertumbuhan KDNK di negara-negara serantau yang lebih maju.

Bukanlah sesuatu yang menghairankan sekiranya aspek ekonomi yang terdedah kepada ketidaktentuan luar termasuk industri berorientasikan eksport dan aktiviti berteraskan permintaan global berkemungkinan akan lebih dirundung malang pada 2019 akibat pelbagai risiko yang menghantui ekonomi dunia.



Sementara itu, perbelanjaan sektor swasta (penggunaan dan pelaburan swasta) dijangka terus menjadi tunjang pertumbuhan, mengimbangi kelemahan-kelemahan sektor awam berikutan langkah konsolidasi fiskal. Juga, sejajar dengan pertumbuhan ekonomi global yang dijangka semakin perlahan dan pelaksanaan rasionalisasi fiskal, sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan dijangka berkembang dengan lebih sederhana pada 2019.

Akur dengan persekitaran yang semakin mencabar dan berubah dengan pantas dalam jangka masa terdekat, sederhana dan panjang tatkala dunia menghampiri dekad ketiga abad ke-21, Majlis Tindakan Ekonomi atau Economic Action Council (EAC) yang menjadikan Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau National Economic Action Council (NEAC) semasa Krisis Kewangan Asia 1998 sebagai model, telah ditubuhkan pada Februari 2019. Badan penasihat ini mempunyai tiga objektif utama iaitu merangsang pertumbuhan ekonomi, memastikan pengagihankekayaan secara saksama dan menambahbaik kesejahteraan dan kebajikan rakyat dengan memberi tumpuan terhadap isu-isu sosioekonomi yang dihadapi rakyat terutama yang berkaitan dengan kos sara hidup, pekerjaan, kemiskinan dan pemilikan rumah.

Dengan tanda-tanda jelas nyahpecutan ekonomi yang seiring hampir di seluruh pelosok dunia termasuk Malaysia, Johor Corporation di samping syarikat-syarikat dalam kumpulan telah pun merancang beraneka strategi dengan mengambil kira pelbagai kemungkinan termasuk kemelesetan ekonomi, sungguhpun ia

bukan suatu kepastian. Namun, tanda-tanda amaran yang begitu banyak boleh berubah secara mendadak hingga menjadi pencetus kelembapan serius yang selanjutnya berkemungkinan besar ditransformasi menjadi kemelesetan total.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, asas-asas ekonomi yang kukuh, kepelbagaiannya sumber asas dan struktur ekonomi, serta penampang intrinsik yang sedia ada meletakkan Malaysia di kedudukan yang baik untuk menghadapi sebarang badai ekonomi atau mengendali sebarang kejutan di samping mampu mengelakkan negara daripada terjejas teruk dalam jangka masa panjang. Meskipun dalam suasana ekonomi mencabar, terdapat banyak peluang dalam setiap industri yang boleh dimanfaatkan khususnya barang dan perkhidmatan yang menepati dan bersesuaian dengan kehendak dan kemampuan golongan sasar terutama mereka yang berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40).



## Bisnes Kulim

Pendapatan Kumpulan

**RM1.39  
bilion**

Keuntungan Sebelum Cukai

**RM71.04  
juta**

**S**ebagai syarikat Kumpulan Johor Corporation (JCorp), pasukan Kulim terus mempamerkan iltizam yang teguh dan berusaha sebaik mungkin untuk memberi nilai kepada pihak berkepentingan di samping membuktikan daya tahananya biarpun berhadapan dengan keadaan persekitaran bisnes yang sukar. Dalam persekitaran operasi yang mencabar, pendapatan Kumpulan menurun sedikit kepada RM1.39 bilion pada akhir Disember 2018 daripada RM1.53 bilion yang dicatatkan pada 2017. Divisyen Perladangan kekal sebagai penyumbang utama kepada Kumpulan dengan menjana RM843.68 juta atau 60.80% daripada jumlah pendapatan.



Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) pula meningkat kepada RM71.04 juta daripada RM34.42 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Penyumbang utama kepada PBT Kumpulan adalah Bahagian Perladangan yang menyumbang RM49.97 juta dan Bahagian Minyak dan Gas (O&G) disebabkan oleh catatan semula kos tahun sebelumnya daripada projek Kejuruteraan, Perolehan, Kontrak, Pemasangan dan Pembinaan (EPCIC) oleh EA Technique (M) Berhad (EA Tech) sebanyak RM70.76 juta.

Kulim kekal teguh dalam mengembalikan nilai kepada pemegang saham dan selaras dengan komitmen ini, Ahli Lembaga Pengarah telah meluluskan pembayaran dividen sebanyak RM150 juta bagi tahun kewangan berakhir 2018.

**T**ahun 2018 merupakan satu lagi tempoh yang penuh bermakna bagi Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), menyaksikan Kumpulan sekali lagi membuktikan kekuahan asasnya dengan sekali lagi mencatatkan prestasi yang membanggakan, walaupun industri berhadapan dengan keadaan persekitaran yang tidak menentu.

## Bisnes Kulim

### PERKEMBANGAN KORPORAT

Dalam mengukuhkan kecekapan terasnya, Kulim berusaha memberikan tumpuan kepada kekuatan syarikat dan memperhalusi portfolio asetnya untuk memastikan hasil yang optimum bagi pemegang saham. Ini melibatkan pelbagai langkah korporat seperti pencairan aset dan pelaburan, pelupusan aset yang kurang menguntungkan atau yang tidak lagi selari dengan visi strategik Kumpulan serta mengukuhkan bisnes sedia ada.

Pada 22 Jun 2018, Kulim mendapat kelulusan Pelan Pembangunan (POD) daripada Kerajaan Indonesia untuk projek Kontrak Perkongsian Pengeluaran (PSC) di Wilayah Sumatera Barat. Dengan kelulusan ini, Kulim menyasarkan untuk menumpukan kepada penyelesaian Perjanjian Langganan dan Pembelian Saham Bersyarat (CSSPA) yang dijangka akan dimuktamadkan menjelang suku keempat 2019.

Tahun 2018 juga menyaksikan pelayaran dua unit *Fast Crew Boats* (FCB) baharu milik syarikat subsidiari Kulim, EA Tech iaitu *M.V. Nautica Gambir* dan *M.V. Nautica Langsat*, masing-masing pada 17 Ogos 2018 dan 28 September 2018. Perkembangan ini dijangka menyumbang secara positif kepada Kumpulan dalam tahun kewangan semasa dan seterusnya.

Pada 1 November 2018, pelupusan pegangan ekuiti sebanyak 95% dalam Pinnacle Platform Sdn Bhd (PPSB) yang dimiliki oleh EPA Management Sdn Bhd kepada syarikat IV Kulim, Extreme Edge Sdn Bhd (EESB) telah disempurnakan.



**Dividen  
Pemegang  
Saham**

**RM150  
juta**

Pada 30 November 2018, Kumpulan telah menyempurnakan pengambilalihan pegangan ekuiti sebanyak 49% dalam Pristine Bay Sdn Bhd (PBSB), milik Johor Land Holding Sdn Bhd, menjadikannya syarikat subsidiari milik penuh Kulim yang hala tuju dan masa hadapannya di kawal sepenuhnya oleh Kulim.

Pada 20 Disember 2018, Kulim menyempurnakan pelupusan Asia Economic Development Fund Limited (AEDFL) kepada Johor Logistics Sdn Bhd (JLog). Pelupusan ini selaras dengan hasrat Kulim untuk menyelaraskan aktiviti bisnes dan asetnya dengan memberi tumpuan kepada bisnes teras minyak sawit.

### ANUGERAH & PENGIFTIRAFAN



- 10<sup>th</sup> Annual Global CSR Summit Award 2018,
- 41<sup>st</sup> Association of Development Financing Institutions in Asia and the Pacific (ADFIAP) 2018
- Malaysia International HR Awards & Dinner Presentation 2018: Anugerah Kepimpinan Kualiti Terbaik 2018 (Emas).


## Bisnes Kulim

### SOROTAN BAHAGIAN

#### PERLADANGAN

##### Perlادangan di Malaysia

Tahun 2018 merupakan cabaran bagi Bahagian Perladangan Kulim di mana Kumpulan berhadapan dengan harga pasaran minyak sawit yang lebih rendah. Bagaimanapun, prestasi Kumpulan lebih tinggi daripada hasil purata yang dicapai oleh industri di Johor dan juga di Semenanjung Malaysia, masing-masing sebanyak 19.63 tan dan 17.44 tan. Bagi mengukuhkan prestasi kemapanannya, Kulim terus komited dalam program penanaman semula yang merupakan aspek penting dalam industri bagi meningkatkan profil umur tanaman dan mencapai produktiviti yang optimum. Untuk tujuan ini, 1,378 hektar telah ditanam semula dengan menggunakan klon berpenghasilan tinggi pada 2018.



##### Perlادangan di Indonesia

Pada 31 Disember 2018, jumlah kawasan bertanam adalah 8,345 hektar, di mana 5,302 hektar diuruskan oleh PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ) dan 3,043 hektar oleh PT Tempirai Palm Resources (PT TPR). Program pemulihan Kumpulan untuk perlادangan di Indonesia telah disempurnakan lebih awal dari masa yang dijadualkan pada April 2019. Pelaburan Kumpulan dalam pemulihan sejak dua tahun yang lalu telah terbukti bermanfaat, kerana ia mendorong peningkatan yang ketara dalam penghasilan tanaman. Kedua-dua ladang tersebut menghasilkan 5,856 tan Buah



Tandan Segar (BTS) iaitu 183.58% lebih tinggi daripada pengeluaran keseluruhan 2017 sebanyak 2,065 tan. Kedua-dua ladang tersebut juga berpotensi untuk terus mengeluarkan hasil yang memuaskan pada masa hadapan, berdasarkan keadaan ladang dan penambahbaikan sawit.

#### INTRAPRENEUR VENTURES (IV)

Bahagian Intrapreneur Venture (IV) ditubuhkan sebagai satu pertumbuhan teras Kulim dan memainkan peranan yang penting dalam menyumbang kepada pendapatan dan keuntungan Kumpulan, sekali gus meningkatkan nilai pemegang saham.



##### Program Penanaman Semula

**1,378 hektar**



##### Keluasan Ladang Sawit di Indonesia

**8,345 hektar**



##### Pengeluaran BTS - Indonesia

**5,856 tan**

## Bisnes Kulim

### MINYAK & GAS

Tahun 2018 merupakan tempoh yang memuaskan bagi Bahagian O&G dengan pelbagai inisiatif yang membawa hasil dan impak positif untuk kesinambungan bisnes ini.

Danamin (M) Sdn Bhd (Danamin), sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan kejuruteraan dan jaminan kualiti bagi memenuhi keperluan industri khusus, turut mencatatkan prestasi yang memuaskan pada 2018.

### AGRO MAKANAN

#### Projek Ternakan Lembu

Penglibatan Kulim dalam bisnes Agro Makanan adalah cabang yang sesuai dengan bisnes tradisional minyak sawit seiring aspirasi kerajaan dalam pematuhan terhadap Amalan Pengurusan Perniagaan Yang Baik (*Good Animal Husbandry Practices - GAHP*). Di bawah segmen integrasi Kumpulan, jumlah keseluruhan lembu pada 2018 adalah 6,199 ekor berbanding 6,277 ekor pada 2017.

Fidlot adalah komponen lain bagi program ternakan lembu Kulim, yang kini diuruskan oleh Kulim Livestock Sdn Bhd (KLSB) sebuah syarikat subsidiari milik penuh Kulim. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah keseluruhan bagi segmen fidlot yang dikendalikan oleh KLSB adalah 280 berbanding 653 ekor yang direkodkan pada tahun sebelumnya.



**Jumlah Lembu 2018**

**6,199  
ekor**



**Jumlah  
Keluasan  
Ladang Nanas  
MD2**

**219.82  
hektar**



**Jumlah  
Keluasan  
Kawasan  
Bertanam  
Kelapa Sawit**

**55,604  
hektar**



#### Nanas MD2

Kulim terlibat dalam industri nanas sejak 1994 melalui perladangan nanas MD2 yang diuruskan oleh Kulim Pineapple Farm (KPF) di Ulu Tiram dan Kluang, Johor. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah kawasan bertanam MD2 pelbagai premium adalah 219.82 hektar.

Dipasarkan di bawah jenama 'Melita', nanas MD2 yang dihasilkan oleh KPF menerima permintaan yang baik daripada pasaran tempatan dan luar negara. Pada 2018, jumlah pengeluaran nanas berjumlah 3,208 tan, di mana 92% telah dijual di dalam negara manakala bakinya dieksport ke negara seperti Iran, Lubnan, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan China.

#### HARTANAH

Kulim berhasrat meningkatkan nilai tanah milik Kumpulan yang akan melibatkan penukaran tanah ladang milik Kumpulan kepada projek-projek pembangunan harta tanah, terutama di lokasi-lokasi strategik yang berada dalam populasi pertumbuhan yang tinggi, dengan perumahan sedia ada dan permintaan komersial. Projek pembangunan harta tanah pertama Kulim terletak di Taman R.E.M dengan sasaran jualan pada pertengahan 2019.

### TINJAUAN DAN PROSPEK

#### Bahagian Perladangan

Matlamat Kulim adalah untuk mengukuhkan bisnes perladangan terasnya dengan meningkatkan kawasan bertanam dan secara tidak langsung akan meningkatkan pengeluaran Minyak Sawit Mentah (MSM) tahunan Kumpulan. Dengan memperluaskan kawasan bertanam lebih daripada kawasan sedia ada yang berjumlah 55,604 hektar, Kulim akan mampu meningkatkan pendapatannya melalui penglibatan dalam perdagangan, aktiviti pertengahan dan hiliran kelapa sawit.

## Bisnes Kulim

### Bahagian Intrapreneur Ventures (IV)

Kulim berhasrat mengekalkan prestasi Syarikat IV Kumpulan dan merancang keluar dari bisnes yang tidak berprestasi baik, menuai usahasama yang telah matang dan melupuskan sebahagian daripada pelaburan dalam usaha untuk mengoptimumkan pulangan bagi Kulim. Rancangan dan strategi yang berdaya maju juga telah ditetapkan selaras dengan persekitaran pasaran yang mencabar dan sentiasa berubah.

### Bahagian Minyak & Gas (O&G)

Memandang ke hadapan, E.A. Tech kekal yakin terhadap prestasi operasi segmen bisnesnya. Asas syarikat tetap kukuh, disokong jumlah pesanan yang besar kira-kira RM572.49 juta pada 31 Disember 2018, dengan potensi tambahan RM216.65 juta. Syarikat mempunyai kontrak jangka panjang untuk kapal lautnya, yang menyediakan aliran pendapatan yang stabil dan berulang.



Melangkah ke hadapan, Danamin mempunyai jumlah pesanan kira-kira RM305 juta untuk lima tahun kontrak Perkhidmatan Pemantauan dan Kawalan Kakisan (ICMS) dengan Kumpulan Syarikat Petronas. Merujuk kepada aktiviti kilang penggulungan keluli, Danamin menyasarkan dua kontrak bernilai RM50 juta dengan MMHE, yang dijangka dilaksanakan pada Jun 2019.



Bisnes baharu syarikat dalam penyelenggaraan juga semakin meningkat, dengan anggaran pendapatan RM6 juta dihasilkan daripada pelbagai pelanggan, yang meliputi penyelenggaraan tangki, kilang umum dan pelbagai penyelenggaraan mod pengangkutan.

### Bahagian Agro Makanan


Berikutan sambutan pasaran yang positif terhadap nanas MD2, Kulim merancang memperluaskan penanaman nanas dan menyelia 12 usahawan tani di bawah kategori B40 bagi projek penanaman nanas MD2 di Tanah Abang, Mersing, Johor dengan kawasan bertanam merangkumi 48.58 hektar melalui kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM). Matlamat KPF adalah untuk menjadi pengeluar utama nanas MD2, mempromosikan *Melita* sebagai jenama premium dan berpatut. KPF turut meneroka projek hilir dengan menghasilkan pelbagai produk berdasarkan nanas termasuk tin jus, tart, jem, kerepek dan kepingan.

Bagi projek ternakan lembu, Kulim merancang untuk mengembangkan penanaman rumput napier di Tebing Tinggi, Segamat dengan sasaran kawasan bertanam sehingga 12 hektar pada 2019 untuk menghasilkan pelet daripada napier.

### Bahagian Hartanah

Kerja-kerja pembinaan projek perumahan Kulim di Taman R.E.M, Kota Tinggi, yang terdiri daripada 457 unit, telah selesai pada Disember 2018. Kulim berhasrat untuk melancarkan penjualan rumah pada pertengahan 2019. Melangkah ke hadapan, Kumpulan merancang membuka kunci nilai bisnes hartaahnya menerusi pencairan aset dan meningkatkan nilai tanah melalui penukaran ladang Kumpulan kepada pembangunan hartaah.

## Bisnes Kulim





### PENCAPAIAN KEWANGAN

Pendapatan meningkat sebanyak 4% kepada RM3.3 bilion, daripada RM3.2 bilion pada tahun 2017. Keuntungan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan telah meningkat sebanyak 18% kepada RM503.1 juta pada tahun 2018, berbanding RM428.0 juta pada tahun 2017, dipacu oleh peningkatan operasi hospital-hospital KPJ di Malaysia.



# Bisnes Kesihatan Pakar

Jumlah Hospital

**26**  
buah

Pengalaman  
KPJ

**38**  
tahun



#### BISNES KESIHATAN PAKAR BAGI TAHUN 2018

**K**PJ Healthcare Berhad (KPJ), bisnes kesihatan pakar di bawah Johor Corporation (JCorp), telah mencatatkan pencapaian positif pada tahun 2018.

Berpaksikan pembabitannya selama 38 tahun dalam industri kesihatan swasta, KPJ kini mempunyai 26 hospital pakar di Malaysia, 2 di Indonesia, 1 di Bangladesh dan sebuah lagi di Thailand. KPJ juga kini memiliki lima pusat jagaan warga emas yang terletak di Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah, Pahang dan di Australia.

**S**elain daripada hospital pakar, KPJ juga kini memiliki lima pusat jagaan warga emas yang terletak di Kuala Lumpur, Sarawak, Sabah, Pahang dan di Australia.

## Bisnes Kesihatan Pakar



Keuntungan sebelum zakat dan cukai adalah sebanyak RM266.5 juta pada tahun 2018, berbanding RM233.3 juta pada tahun sebelumnya. KPJ mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM186.2 juta pada tahun 2018 berbanding RM166.9 juta pada tahun sebelumnya. Antara penyumbang kearah pencapaian ini adalah dua buah hospital KPJ, iaitu KPJ Rawang dan KPJ Bandar Maharani, yang mula menjana keuntungan sejak mula beroperasi pada tahun 2014.

### Pertambahan Hospital

Tahun 2018 menyaksikan Majlis Perasmian Hospital Pakar KPJ Perlis, satu-satunya hospital pakar di negeri paling utara di Semenanjung Malaysia. Ia adalah hasil usahasama KPJ dengan Yayasan Islam Perlis (YIPs). Hospital ini bakal memenuhi keperluan masyarakat tempatan selain pelancong-pelancong kesihatan, khususnya dari Selatan Thailand.

Hospital Pakar KPJ Selangor telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pada 22 Disember 2018. Di selatan tanah air, Hospital Pakar KPJ Bandar Dato' Onn di Johor di buka dengan 30 katil dan 9 orang konsultan perubatan.

Tidak terhad kepada pembukaan hospital, KPJ Sabah juga telah melancarkan Pusat Onkologi dan Radioterapi pertama di Sabah pada 9 Disember 2018. Selain daripada itu, hospital-hospital KPJ di Lembah Klang sedang membangunkan perkhidmatan rawatan untuk penyakit angin ahmar.

### INOVASI DI KPJ

#### Rangkaian Kemudahan Kesihatan

KPJ Healthshoppe (KPJHS) adalah inisiatif untuk mempertingkatkan kebolehpasaran rangkaian farmasinya. Selain dari itu, JX Pharmacy mula diperkenalkan pada akhir tahun 2018, sebagai satu cabang farmasi di



luar hospital, yang turut dimiliki oleh KPJ Healthshoppe. Modus operandi perniagaan JX Pharmacy adalah berkONSEPkan moden kontemporari dan ia menyediakan perkhidmatan asas kesihatan.

JX Pharmacy yang pertama adalah di Bangi, Selangor, dan dijangka akan dikembangkan lagi ke beberapa lokasi strategik sepanjang tahun 2019.

### Pengurusan Modal Insan & Pembentukan Budaya Integriti Korporat

KPJ Healthcare Berhad (KPJ) komited dalam pembangunan modal insan dalam kumpulan. Dengan sokongan daripada 13,711 pekerja, KPJ terus memastikan individu yang berkelayakkan diberi kesempatan untuk melanjutkan pelajaran. Sebanyak RM11.3 juta telah dibelanjakan untuk pembangunan anggota pekerja terutamanya dari segi MedTech dan pendigitalan.

Melalui inisiatif Employee Share Option Scheme (ESOS) Kumpulan, 267,253,656 unit saham dikhaskan untuk anggota pekerja yang berkhidmat selama tiga tahun dan ke atas. Selain daripada itu, anak-anak anggota pekerja diberikan peluang untuk mendapat biasiswa untuk menyambung pengajian di KPJ Healthcare University College (KPJUC) dan Malaysian College of Hospitality and Management (MCHM), iaitu anak-anak syarikat yang dimiliki penuh oleh KPJ Healthcare Berhad.

## Bisnes Kesihatan Pakar

### Pelancongan Kesihatan

KPJ telah memasang strategi yang kukuh dalam pelancongan kesihatan, merangkumi negara-negara seperti Indonesia, Timur Tengah dan IndoChina.

KPJ Johor merupakan penyumbang utama kepada pendapatan pelancongan kesihatan iaitu sebanyak 40% dari jumlah keseluruhan. Kebanyakan pelancong kesihatan merupakan warga Indonesia.

Tiga Pusat Informasi telah dibuka dalam tahun 2018 iaitu di Batam dan Palembang, Indonesia serta di Dhaka, Bangladesh.



### Tanggungjawab Korporat

KPJ menjalankan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, terutamanya melalui inisiatif Klinik Waqaf An-Nur (KWAN). Kini terdapat 19 buah Klinik Wakaf An-Nur dengan 5 klinik bergerak.

Tahun 2018 menyaksikan KWAN di Masjid Jamek Seberang Jaya, Pulau Pinang telah berpindah ke bangunan baharu bersebelahan masjid setelah mendapat kelulusan lesen baru pada November 2018.

Terdapat perancangan untuk membuka 2 lagi klinik, iaitu di Masjid Kampung Pasir Baru, Semenyih, Selangor (di bawah seliaan KPJ Kajang) dan KWAN di Masjid Kg. Tengah, Kluang (di bawah seliaan Hospital Pakar KPJ Kluang Utama).

KWAN sedang berusaha membuka lebih banyak Klinik Bergerak. Buat masa ini pihak KWAN sedang berurusan dengan pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Majlis Agama Islam Sabah untuk meneruskan usaha murni ini.

### Anugerah

Presiden & Pengarah Urusan KPJ telah dinobatkan sebagai Digital Transformation Leader of The Year bagi tahun 2018, yang dianugerahkan oleh International Data Corporation (IDC).



Dua hospital KPJ, Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri dan Hospital Pakar KPJ Damansara, menjadi hospital pertama di Asia Pasifik menerima anugerah *Gold -Level Excellence in Person – Centred Care*, dari Planetree International. Anugerah Planetree ini membuktikan tingginya tahap kualiti perkhidmatan dan penjagaan di hospital KPJ.

KPJ dianugerahi sebagai Hospital of The Year in Malaysia-Global Health and Travel Awards yang dianugerahkan oleh Global Health & Travel and Ab Bernstein. KPJ turut menerima anugerah CSR Malaysia Awards 2018. KPJ juga telah memenangi Reader's Digest Trusted Brands Awards, selain diperakui sebagai salah satu Best Companies to Work in Asia 2018 oleh HR Asia.

### MELANGKAH KE TAHUN 2019

Sejajar dengan transformasi digital 4.0, KPJ akan terus memberikan fokus dalam usaha pemasaran digital melalui media sosial, aplikasi mobil dan laman sesawang untuk meluaskan lagi capaian pasaran. Ini sejajar dengan strategi demi mencapai matlamat jangka masa panjang serta kestabilan pembangunan perniagaan yang mampan.

## Bisnes Kesihatan Pakar

<b>HOSPITAL PAKAR</b>			<b>33</b>
<b>26</b> Malaysia	<b>2</b> Indonesia	<b>1</b> Bangladesh	<b>PROGRAM DITAWARKAN</b> TERMASUK SARJANA DAN PHD
<b>BILANGAN ANGGOTA PEKERJA</b>			
<b>13,395</b>	<b>376</b>	<b>374</b>	<b>1</b> Kolej Universiti   <b>2</b> Kolej
<b>PAKAR PERUBATAN</b>			<b>HOSPITAL BERAKREDITASI</b>
<b>1,036</b>	<b>109</b>	<b>31</b>	<b>19</b> MSQH   <b>4</b> JCI
<b>BILANGAN KATIL</b>			<b>PUSAT PENJAGAAN WARGA EMAS</b>
<b>3,107</b>	<b>156</b>	<b>50</b>	<b>4</b> Malaysia   <b>1</b> Australia
<b>KADAR PENGHUNIAN</b>			
<b>65%</b>	<b>45%</b>	<b>74%</b>	



**KFC**

Pada 2018, KFC telah merekodkan pertumbuhan bilangan urus niaga sebulan di Malaysia dan Brunei, KFC Malaysia mencatatkan pertumbuhan tahunan 4.15% kepada 8.59 juta transaksi sebulan dan KFC Brunei mencatatkan pertumbuhan kukuh 7.13% kepada 87,050 transaksi sebulan. Cawangan KFC di Singapura dan Kemboja bagaimanapun mencatatkan transaksi lebih rendah sebulan. KFC Singapura pada tahun 2018 telah merekodkan 1.26 juta transaksi berbanding 1.31 juta transaksi tahun sebelumnya. KFC Kemboja pula merekodkan penurunan dalam transaksi sebanyak 13.59% sebulan kepada 61,840 bagi tempoh sama.



# Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

Pendapatan keseluruhan QSR Brands

**RM4.6**  
bilion

## QSR BRANDS (M) HOLDINGS BHD

**Q**SR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands) mencatatkan prestasi memberangsangkan untuk Tahun Kewangan 2018, didorong pertumbuhan bisnes restoran terasnya yang berterusan serta disokong bisnes ternakan bersepada dan sampingan. QSR Brands mendapat manfaat positif daripada pendekatan ‘farm-to-fork’ bersepada bisnesnya bagi memaksimumkan margin pendapatan, mencapai kecekapan operasi serta memastikan kestabilan dan kemapanan.



**B**isnes restoran mencatatkan pendapatan RM4.17 bilion pada 2018 berbanding RM3.97 bilion tahun sebelumnya susulan pembukaan kedai baharu sepanjang tahun serta operasi penuh cawangan yang dibuka pada 2017.

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

Sepanjang tahun 2018, jualan menu teras 'chicken-on-the-bone' di KFC Malaysia, Singapura, Brunei dan Kemboja sebanyak 74.6%, 48.8%, 72.5% dan 52.4%.

Struktur bisnes berintegrasi vertikal membolehkan KFC menggunakan bahan halal berkualiti tinggi serta mempunyai kawalan terhadap rantai bekalan dan kos melalui sumber ayam berkualiti yang selamat, boleh dipercayai serta stabil. Penyelidikan dan pemahaman KFC terhadap permintaan pelanggan mengikut setiap pasaran turut membolehkan KFC membangunkan penawaran produk bersesuaian dengan permintaan pelanggan.

KFC Malaysia komited memperbaharui pengalaman pelanggan dengan memperkenalkan pembayaran QRPay di restorannya melalui kerjasama Maybank bagi membolehkan pembayaran tanpa tunai kepada pelanggan menggunakan kad kredit atau kad debit.

Pada akhir 2018, jumlah restoran KFC Malaysia ialah 713 cawangan. Di Singapura, KFC mengendalikan 84 cawangan.

Antara cabaran dihadapi KFC Singapura sepanjang 2018 termasuk soal pengambilan dan pengekalan pekerja apabila ramai pengurus restoran berpindah ke negara maju untuk mendapatkan status penduduk tetap (PR) selain perubahan peraturan buruh yang turut memberi kesan kepada pengambilan pekerja asing.



**Transaksi  
KFC Malaysia  
sebulan**

**8.59  
juta**



KFC merangka program pengembangan empat tahun untuk KFC Malaysia, Brunei, Kemboja dan Singapura meliputi hasrat membuka 67 cawangan KFC baharu di Malaysia dan Brunei, lima di Kemboja dan empat di Singapura bagi tempoh 2018-2021.

### Pizza Hut

Pada 2018, Pizza Hut mengendalikan 394 cawangan di Malaysia dan 78 di Singapura.

### Pizza Hut Malaysia

Pada 2018, Pizza Hut Malaysia mencatatkan 17.16 juta urus niaga, sedikit lebih rendah daripada 17.90 juta urus niaga pada 2017 disebabkan persekitaran kompetitif yang mencabar dalam segmen pasaran. Rantaian restoran mencatatkan purata 1.43 juta transaksi bulanan pada 2018 berbanding 1.49 juta transaksi bulanan purata pada 2017.

Makanan kombo Pizza Hut Malaysia menyumbang sebahagian besar jualan sebanyak 42.9% berbanding 39.9% pada 2017. Ini diikuti piza 35.8% berbanding 37.4% bagi tempoh sama serta pembuka selera, 11.2% berbanding 11.6% pada 2017.

Pizza Hut Malaysia juga menawarkan menu lebih ekstensif di cawangan premium serta menu WOW, dengan harga promosi untuk piza *ala carte* serta menu kombo.

Pizza Hut Malaysia juga melaksanakan usaha mengekalkan anggota pekerjanya termasuk pengenalan program TMX bagi membina keupayaan mereka untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dalaman dan luaran bagi

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran



meningkatkan pengalaman pelanggan. Pertandingan National Champion League diadakan untuk mengiktiraf yang terbaik di kalangan anggota pekerja terbaik di semua cawangan Asia Pacific Champion League dan Champion Club pula arena bagi anggota pekerja bersaing di peringkat serantau.

Pizza Hut turut menggunakan pengiktirafan ‘Going Extra Miles Service’ (GEMS) iaitu piawaian ‘in-store hospitality’ untuk mengiktiraf kru perkhidmatan pelanggan.

QSR telah merangka rancangan masa depan untuk mencapai sasaran membuka 60 cawagan Pizza Hut tahun Januari 2019 hingga Disember 2021.

Pada 2019, kami berhasrat membuka 15 gerai Pizza Hut dan menempatkan 15 gerabak Pizza Hut dengan kos antara RM0.9 juta hingga RM1.7 juta bagi setiap outlet untuk mengukuhkan kedudukan pasaran kami.

### **Pizza Hut Singapura**

Pada 2018, jualan di Pizza Hut Singapura didorong terutamanya melalui penghantaran telah menyumbang 50% jualan sepanjang tahun dan 45% pada 2017.

Dari segi peningkatan jualan pula, makan dalam restoran di Pizza Hut Singapura telah meningkat kepada 38% daripada 35% daripada 2017 sementara jualan penghantaran juga mencatatkan peningkatan kecil kepada 16% daripada 15% dalam tahun tahun sebelumnya.

Pizza Hut Singapura juga telah mempromosikan jualan dan mengembangkan jangkauan pelanggannya termasuk kempen jenama yang disokong oleh produk Pan 2.0, kempen kebangsaan Cheesy 7 Rehit dan Kempen Krismas Pizza Knotty Cheesy, yang mewakili kempen itu tahun kedua berturut kerana ia dikembalikan kerana permintaan popular.

### **Pengendalian unggas bersepadu**

- Ayamas Food Processing Sdn Bhd
- Ayamas Integrated Poultry Industry Sdn Bhd
- Region Food Industry Sdn Bhd
- QSR Manufacturing Sdn Bhd
- QSR Trading Sdn Bhd

Segmen pengendalian unggas bersepadu kami menyumbang kepada keuntungan RM391.4 juta pada 2018 dibandingkan dengan RM544.4 juta pada 2017. Ini adalah kerana penurunan jualan makanan ternakan yang telah disebabkan oleh penaiktarafan formula makanan ternakan yang lebih baik bagi mengurangkan penggunaan makanan ternakan.

Selain itu penurunan keuntungan adalah juga disebabkan oleh pengenalan kepada ‘Malaysia Financial Reporting Structure’ (MFRS) 15 dan pengurangan jualan kepada pasaran luar ayam pedaging kepada pihak ketiga.

Kilang makanan ternakan di Pelabuhan Klang mempunyai keupayaan sebanyak 14,000 tan metrik setiap bulan, yang membekalkan semua makanan unggas ke ladang pembiak baka, ladang unggas dan ladang unggas kontrak kami. Semua penternak kontrak kami perlu membeli makanan daripada kilang makanan ternakan kami.

Pada 2018, keupayaan kadar penggunaan kilang makanan ternakan telah merekodkan sebanyak 54.3% daripada 65.5% pada akhir 2017. Trend penurunan dalam pengeluaran makanan ternakan adalah terutamanya akibat daripada formula makanan ternakan kami yang lebih baik yang membolehkan penternak kontrak ayam pedaging



## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

kami mengurangkan penggunaan makanan dalam mengeluarkan bilangan ayam pedaging yang sama tanpa mengurangkan berat ayam pedaging.

Kami mengendalikan empat ladang pembiak baka di seluruh Malaysia yang menghasilkan telur penetasan yang ditetas di pusat penetasan kami di Salak Tinggi Sepang, Selangor.

Ladang pembiakan baka kami terletak di Alor Gajah, Melaka; Bangi, Selangor; Linggi dan Tampin di Negeri Sembilan. Ladang pembiakan baka beroperasi dengan jumlah 64 rumah pembiakan dengan jumlah kapasiti 70.5 juta telur untuk ditetas pada satu kitaran.

Pusat penetasan kami di Salak Tinggi, mempunyai jumlah keupayaan penetasan telur sebanyak 4.1 juta telur setiap bulan yang berdasarkan purata 136,000 telur setiap inkubator sebulan.

Telur penetasan yang dikeluarkan oleh ladang pembiakan baka kami dihantar kepada pusat penetasan kami untuk ditetas menjadi 'day-old-chicks' (DOCs), yang kemudian dibekalkan kepada ladang ayam pedaging dan penterak kontrak kami untuk dipelihara.

Pada 2018, kadar penetasan telah menurun 81.3% dari 82.4% pada 2017. Antara faktornya adalah kerana kecekapan berkurang akibat daripada usia beberapa mesin inkubator.




Penurunan ini juga disebabkan oleh wabak 'Low-Pathogenic Avian Influenza' (LPAI) di ladang pembiak baka kami yang terletak di Linggi pada Oktober 2018, yang mengakibatkan penakaian semua stok induk dan telur kami yang terjejas disebabkan oleh LPAI.

Operasi pemprosesan utama syarikat melibatkan penyembelihan dan pengeluaran produk Halal ayam diproses JAKIM adalah agensi yang diiktiraf yang bertanggungjawab terhadap pemberian sijil Halal di Malaysia. Jakim telah mengakui bahawa kilang pemprosesan unggas Ayamas adalah sebagai rujukan kerana kawalan mutu yang ketat dan efektif.

Produk utama operasi pemprosesan kami adalah 'potongan 9 ketul', yang dibekalkan kepada kedai KFC kami. Operasi pemprosesan kami juga melibatkan pemprosesan daging ayam yang dihasilkan oleh operasi pemprosesan kami dan produk yang kami beli daripada pembekal pihak ketiga untuk mengeluarkan produk unggas yang pra-masak dan masak. Loji pemprosesan mengeluarkan 'toping' ayam yang dimasak sepenuhnya dan bahagian ayam, serta produk 'freezer-to-fryer', seperti patti ayam, nuget, patti burger, sosej dan bebola daging, untuk menyokong perniagaan restoran kami dan untuk dijual di pasaran terbuka di bawah jenama Ayamas. Pada 2018, kadar penggunaan pemprosesan unggas di kilang yang terletak di Port Klang menunjukkan penurunan kepada 87.8% dari 92.0% pada 2017.

Segmen Jualan, Pemasaran dan Perdagangan mengendalikan perniagaan jualan, pemasaran dan perdagangan yang menjual pelbagai jenis produk makanan di bawah jenama kami sendiri serta jenama yang dimiliki oleh pihak ketiga sama ada di peringkat domestik maupun antarabangsa. Produk makanan yang dijual melalui perniagaan jualan,



## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

pemasaran dan perniagaan kami termasuk tempura udang dan spaghetti, yang dijual kepada kedai Pizza Hut kami di Malaysia, patti daging lembu, yang dijual di bawah jenama Dara ke kedai KFC kami di Kemboja, dan produk makanan sejuk beku, yang dijual di bawah jenama Ayamas dan dieksport ke negara seperti Maldives, Bangladesh, Indonesia dan Mauritius.

Segmen Operasi Sampingan, terdiri daripada pembuatan sos dan kedai roti dan operasi ‘commisary’.

Region Food Industries Sdn Bhd (RFI) merupakan salah satu pengeluar sos terkemuka di Malaysia dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 3,384 tan metrik sos setiap bulan. RFI mengeluarkan sos di bawah jenama ‘Life’, yang dibekalkan kepada semua kedai KFC dan Pizza Hut di Malaysia dan Singapura. RFI juga membekalkan sos tomato dan sos cili kepada pengendali makanan segera lain. Produk-produk RFI juga terdapat di pasar raya, pasar raya hiper dan kedai-kedai barang runcit di Malaysia.

Sos-sos RFI dipasarkan di bawah jenama ‘Life’, ‘Best’s’ dan ‘Best Choice’. Produk-produk RFI dieksport ke seluruh dunia secara berasingan daripada perniagaan jualan, pemasaran dan perdagangan kami di bawah segmen unggas bersepada kami, termasuk di UK, Perancis, Australia, New Zealand, Jepun, Mauritius, Maldives, Dubai, Qatar, Arab Saudi, Brunei, Vietnam, Bangladesh dan Singapura.



### Tiga Kilang Proses Ayam

## 4.0 juta ekor

Pada 2018, anggaran 51% daripada pengilangan sos RFI adalah digunakan oleh segmen pengendalian restoran kami, manakala selebihnya dijual kepada pelanggan luar. Kami berhasrat untuk mengekalkan pertumbuhan hasil RFI dengan meningkatkan jualan kepada pelanggan luar melalui rangkaian produk baharu kami dan meluaskan saluran pengedaran kami melalui perkongsian strategik dengan pengedar pihak ketiga di peringkat antarabangsa.

Bakeri kami di Shah Alam mengeluarkan ban, doh piza dan produk konfeksioneri lain yang dibekalkan terutamanya ke restoran KFC dan Pizza Hut kami. Pada 2018, 95% daripada produk yang dikeluarkan melalui operasi bakeri kami telah dibekalkan ke kedai kami.

Bakeri kami mempunyai keupayaan pengeluaran lebih kurang 8.74 juta ban setiap bulan, 1.14 juta unit doh piza setiap bulan dan 99,941 unit produk lain (yang termasuk pastri seperti karipap, muffin dan pai) sebulan. Bakeri telah merekodkan kadar penggunaan 41.6% pada 2018 daripada 44.5% pada 2017. Kemerosotan dalam kadar penggunaan kemudahan pengeluaran ban kami adalah akibat daripada penaikan taraf talian pengeluaran ban yang meningkatkan keupayaannya sebanyak 100% daripada sebelumnya iaitu 4.37 juta ban setiap bulan.

Tambahan kepada operasi bakeri, operasi komisari kami di Shah Alam mengeluarkan ‘coleslaw’, produk sayur-sayuran segar dan tenusu yang dibekalkan kepada kedai KFC dan Pizza Hut kami. Kemudahan pengeluaran produk komisari kami mempunyai keupayaan pengeluaran lebih kurang 1,108 tan metrik ‘coleslaw’ sebulan, 102.7 tan metrik produk sayur-sayuran segar sebulan dan 14.1 tan metrik produk tenusu (yang termasuk produk telur dan susu tepung yang dibungkus semula) sebulan.

## Bisnes Makanan & Perkhidmatan Restoran

### KFC & PIZZA HUT

Pendapatan Bisnes Restoran

**RM4.17** bilion

KFC Malaysia <b>713</b> restoran	KFC Singapura <b>86</b> restoran	Pizza Hut Malaysia <b>394</b> restoran	Pizza Hut Singapura <b>78</b> restoran
Rancang Buka <b>44</b> restoran baharu		Pizza Hut Rancang Wujudkan <b>150</b> restoran premium	

Tiga Kilang Proses

**4.0** juta ayam sebulan

Empat Ladang Hasilkan

**70.5** juta telur penetasan

Pusat Penetasan Salak Tinggi Hasilkan

**3.3** juta anak ayam sebulan





## Divisyen Hartanah

Pengalaman Operasi      Bank Tanah  
46 tahun                    790 hektar

### JOHOR LAND BERHAD

**T**anggungjawab sebagai agen pembangunan harta tanah Johor Corporation (JCorp) digalas Johor Land Berhad (JLand) - antara pemaju utama di Johor. Beroperasi lebih 46 tahun, JLand mempunyai lebih 790 hektar bank tanah di lokasi strategik dan terus memperluas portfolio dengan pembangunan perbandaran moden dan kediaman berkualiti serta mampu dimiliki dengan menerapkan inovasi terkini.



**B**eroperasi lebih 46 tahun, JLand mempunyai lebih 790 hektar bank tanah di lokasi strategik dan terus memperluas portfolio dengan pembangunan perbandaran moden dan kediaman berkualiti serta mampu dimiliki dengan menerapkan inovasi terkini.

## Divisyen Hartanah

JLand tidak terkecuali menerima kesan daripada perkara di atas. Hasil pendapatan JLand merekodkan penurunan sebanyak RM374 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, berbanding RM481 juta pada 2017. Walaupun berdepan cabaran ekoran pasaran harta tanah yang tidak menentu, keuntungan sebelum cukai mencatatkan peningkatan sebanyak 66% kepada RM118 juta berbanding RM71 juta pada 2017. Kualiti lembaran imbangan JLand pada asasnya kekal teguh dengan aset bersih meningkat kepada RM1.39 bilion pada 2018 berbanding RM1.31 bilion pada 2017.

### PROJEK-PROJEK UTAMA



#### BANDAR DATO' ONN

**612.7**  
hektar | **17,200**  
unit kediaman | **GDV**  
**RM8 billion**

#### BANDAR TIRAM

**438**  
hektar | **11,000**  
unit kediaman  
dan komersial | **GDV**  
**RM5 billion**

#### TAMAN MUTIARA GADING

**95.5**  
hektar | **1,928**  
unit kediaman | **GDV**  
**RM700 juta**

#### TAMAN BUKIT DAHLIA

**168.8**  
hektar | **3,800**  
unit kediaman  
dan komersial | **GDV**  
**RM900 juta**

### PEMBANGUNAN RUMAH MAMPU MILIK

#### JOHOR

JLand bertanggungjawab dan komited menjayakan aspirasi Kerajaan Negeri melalui Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) dengan melaksanakan pembinaannya di 10 lokasi di Johor Bahru, Pasir Gudang, Mersing, Batu Pahat dan Muar. Baki 4,915 unit RMMJ dijangka siap sepenuhnya pada 2025.



- 304 unit di Taman Seroja
- 630 unit di Bandar Tiram
- 1,016 unit di Bandar Dato' Onn
- 156 unit di Kampung Dato' Ajib, Mersing
- 240 unit Kong Kong - Masai
- 64 unit di Lenga Muar
- 320 unit Rumah Impian Bangsa Johor (RIBJ) Bandar Baru Majidee
- 488 unit RIBJ Bandar Dato' Onn
- 210 unit RIBJ Taman Mutiara Gading

*Jumlah sehingga 2020: 3,428 unit*

## Divisyen Hartanah

### RUMAH IMPIAN BANGSA JOHOR

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor telah berkenan bercemar duli berangkat menyempurnakan Majlis Penyerahan Surat Tawaran RIBJ Bandar Dato' Onn dan Bandar Baru Majidee pada 21 November 2018.

### PERANAN AGEN PEMBANGUNAN

JLand diberi kepercayaan dan tanggungjawab besar oleh Kerajaan Negeri melaksanakan pembinaan serta kerja-kerja menaiktaraf kemudahan sukan dan infrastruktur untuk pembangunan Arena Larkin bagi membantu persediaan Kerajaan Negeri menganjurkan Sukan Malaysia 2020 serta pembangunan semula warisan dan kebudayaan di sepanjang Sungai Johor menerusi Program Kembara Wangsa Kota Tinggi.

### DAMANSARA ASSETS SDN BHD

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB), syarikat anak milik penuh JCorp dan bernaung di bawah Divisyen Hartanah. Sehingga 2018, DASB menguruskan 230,000 meter persegi ruang boleh disewa bernilai hampir RM2 bilion yang terletak di lokasi strategik di Lembah Klang dan Johor Bahru dengan purata kadar penghunian 87%.

Ruang itu diisi 1,528 penyewa meliputi badan korporat, agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat profesional dan persendirian serta peniaga kecil yang sebahagian besar syarikat Bumiputera. Kompleks beli-belah yang diuruskan DASB merekodkan peningkatan pengunjung daripada 24.7 juta orang pada 2017 kepada 25.2 juta orang pada 2018.

### Kedudukan Kewangan 2018

Perolehan Kumpulan DASB sehingga 31 Disember 2018 adalah RM133.7 juta berbanding RM126.2 juta bagi tempoh sama 2017. Sebahagian besar pertambahan itu disumbangkan melalui perolehan sewa. Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB bagi tempoh sama ialah RM68 juta berbanding RM37 juta pada 2017. Ini disumbangkan oleh peningkatan perolehan Kumpulan dan penjimatan kos melalui amalan perbelanjaan berhemah.

### Bangunan yang diuruskan oleh DASB



KOMTAR JBCC



GALLERIA@KOTARAYA



Pasaraya Komuniti @mart KEMPAS



Bangunan Malaysian College of Hospitality and Management

- Pusat Perniagaan Taman Dahlia
- Menara Komtar JBCC
- Larkin Sentral
- Menara Ansar
- Jeti Tanjung Leman
- Tunjuk Laut Beach Resort
- Menara VSQ1
- Menara KPJ
- Menara JCorp
- Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn, Johor Bahru
- Menara JLand

## Divisyen Hartanah

### **B5 Johor Street Market**

Pada 13 Januari 2018, pembangunan B5 Johor Street Market yang mempunyai 226 lot perniagaan di Pekan Tampoi dilancarkan dan bakal beroperasi akhir 2019. Pusat Komersial Pelancongan Setempat pertama di Johor itu terletak di Pekan Tampoi melibatkan tanah 2.4 hektar. Dengan gabungan lima elemen utama - 'retail bazar, box park', 'food truck', makanan dan minuman serta hab persempahan seni dan kebudayaan Johor.

### **Sistem Tiket Berpusat**

Keselesaan pengunjung adalah keutamaan DASB. Oleh itu, terminal pengangkutan awam Larkin Sentral dinaiktaraf daripada sistem konvensional kepada Sistem Tiket Berpusat yang beroperasi sepenuhnya 1 Julai 2018. Kini pengguna boleh membeli tiket bas ke semua destinasi melalui Kaunter Jualan Manual, Kiosk Tiket serta online. Kerja menaiktaraf sistem tiket dan Sistem Operasi Terminal di Larkin Sentral melibatkan kos RM20 juta.

### **Naiktaraf Pusat Perniagaan Taman Dahlia**

Bagi meningkatkan kualiti dan keselesaan penyewa serta pengunjung, DASB menaiktaraf pasar basah di Pusat Perniagaan Taman Dahlia. Seramai 67 penyewa terlibat dengan kerja naik taraf ini. Jumlah lot selepas naiktaraf adalah 106 berbanding 180 lot sebelumnya. Kerja naik taraf bermula Julai sehingga Disember 2019.

### **AI`AQAR HEALTHCARE REIT**

AI`Aqar Healthcare REIT ('AI`Aqar') telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 10 Ogos 2006. Pada 2018, AI`Aqar telah berkembang kepada 22 hartaan yang terdiri daripada 19 hospital dan 3 hartaan berkaitan penjagaan kesihatan meliputi seluruh Malaysia dan Australia. AI`Aqar diuruskan Damansara REIT Managers Sdn Berhad (DRMSB atau Pengurus), anak syarikat milik penuh Kumpulan JCorp dan disokong oleh KPJ Healthcare Berhad (KPJ). Sehingga 31 Disember 2018, nilai hartaan AI`Aqar mencapai RM1.48 bilion dengan modal pasaran bernilai RM0.96 bilion.



### **Prestasi Kewangan**

AI`Aqar mencatatkan pendapatan kasar berjumlah RM102.6 juta bagi 2018, peningkatan 3% berbanding 2017. Pendapatan sewa bersih turut meningkat 3.6% kepada RM96.6 juta daripada RM93.2 juta pada 2017.

Keuntungan bagi 2018 berjumlah RM85.4 juta (2017: RM82.2 juta) adalah daripada keuntungan direalisasikan sebanyak RM61.0 juta (2017: RM59.8 juta) dan keuntungan belum direalisasikan sebanyak RM24.4 juta (2017: RM22.3 juta). Jumlah agihan seunit bagi 2018 adalah 7.70 sen seunit berjumlah RM56.4 juta, yang mewakili 99% daripada pendapatan yang boleh diagihkan.

### **Anugerah 2017/2018**

- KOMTAR JBCC: 'Best Shopping Centre' sempena '20<sup>th</sup> Malaysia Tourism Award 2016/2017'.
- KOMTAR JBCC: Sijil 'Low Carbon Building Assessment - Greenpass Operation'.
- UTC Johor di Galleria@Kotaraya: Anugerah UTC Cemerlang 2017.
- DASB: Anugerah 'Productivity Champion'.
- DASB: Persijilan Amalan Persekutuan Berkualiti (QE/5S).
- DASB: Pensijilan ISO 9001:2015.

### **Ulasan Bisnes**

Sehingga 31 Disember 2018, AI`Aqar mempunyai 22 hartaan di Malaysia iaitu 19 hospital dan tiga hartaan berkaitan kesihatan. Jeta Gardens Aged Care & Retirement Village di Australia adalah aset asing tunggal yang dimiliki oleh AI`Aqar. Berdasarkan rekod prestasi KPJ dalam memastikan kecemerlangan perkhidmatan di samping menjadi antara syarikat penjagaan kesihatan terbesar di Malaysia, penyewa utama AI`Aqar itu terus komited mengadopsi kaedah baharu dan memiliki keupayaan memenuhi perubahan kehendak pengguna.

## Divisyen Hartanah



### **Prospek**

Al-`Aqar terus menarik minat pelabur memandangkan REIT kini berada di landasan untuk terus memberikan pulangan menarik ke tahun baharu. Pertumbuhan dalam pelancongan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat adalah petanda baik bagi prospek KPJ dan pengiktirafan jenamanya sebagai destinasi penjagaan kesihatan berkualiti melalui standard operasi dan perkhidmatan yang teguh.

### **AL-SALĀM REIT**

Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 29 September 2015, aktiviti utama Al-Salām REIT adalah melabur dalam harta tanah patuh Syariah yang pelbagai. Al-Salām REIT mempunyai portfolio harta tanah bernilai RM1.09 bilion, terdiri daripada empat segmen harta tanah utama: Runcit, Pejabat, Makanan dan Minuman (F&B), yang terdiri daripada restoran dan bukan restoran.

Portfolio harta tanah Al-Salām REIT ialah KOMTAR JBCC, Menara KOMTAR, @Mart Kempas, Mydin Hypermart Gong Badak, 22 restoran KFC dan Pizza Hut, lima harta tanah industri dan Malaysian College of Hospitality & Management. Semua aset ini terletak di lokasi strategik sekitar Johor Bahru dan bandar utama di seluruh Malaysia. Al-Salām REIT juga diuruskan oleh DRMSB dan sehingga 31 Disember 2018, Al-Salām REIT mempunyai modal pasaran RM469.8 juta.

### **Prestasi Kewangan**

Al-Salām REIT mencatat pendapatan kasar RM82.2 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, pertumbuhan 2.6% berbanding RM80 juta pada 2017. Keuntungan bagi 2018 ialah RM40.3 juta (2017: RM40.6 juta) merangkumi keuntungan yang dicapai sebanyak RM31.9 juta (2017: RM35.5 juta) dan keuntungan belum direalisasikan RM8.4 juta (2017: RM5.1 juta). Dividen yang diisyiharkan pada 2018 adalah 5.35 sen seunit berjumlah RM31 juta, mewakili 97.4% daripada pendapatan yang boleh diagihkan.



### **Nilai Hartanah Al-`Aqar Mencecah**

**RM1.48  
bilion**

Dengan Modal Pasaran Bernilai

**RM0.96  
bilion**



### **Al-Salām REIT Mempunyai Portfolio Hartanah Bernilai**

**RM1.09  
bilion**

### **Prospek**

Prestasi runcit terus menjadi pemacu utama hasil Al-Salām REIT pada masa hadapan. Pembangunan pesat di Pusat Bandaraya Johor Bahru termasuk pembangunan Daerah Perniagaan Antarabangsa Ibrahim (IIBD) serta kemasukan pelaburan dalam dan luar negeri ke Iskandar Malaysia yang berterusan dijangka meningkatkan prospek KOMTAR JBCC pada masa depan. Aset-aset restoran KFC dan Pizza Hut juga akan terus menjadi penyumbang besar kepada hasil Al-Salām REIT.

## Divisyen Hartanah

### MENARA JLAND

JLand melangkah setapak lagi dalam sektor pembangunan harta tanah dengan pembinaan Menara JLand di pusat Bandaraya Johor Bahru.

Anugerah

**'Best Office Development'**  
oleh Asia Property Awards  
(Malaysia) 2018

**'Best Commercial Development'**  
oleh StarProperty Awards 2018  
Jewels of Johor

**'Best Office Development (Malaysia)'**  
untuk Menara JLand dalam  
PropertyGuru Asia Property  
Awards Grand Final 2018

**'The Earth Conscious Award'**  
'Honours Winner'  
oleh StarProperty.my  
Award 2019



- 37 tingkat
- Pejabat Gred A
- Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) pada Ogos 2018
- Persijilan Emas bagi Indeks Bangunan Hijau (GBI)
- 262,592 kaki persegi ruang sewa
- Pelbagai Ciri-ciri Teknologi
  - Penggunaan 'double glazed low-E windows' - mengurangkan penyerapan haba matahari sehingga 50% & pengurangan elektrik sehingga 73%
  - Memaksima penggunaan sumber seperti tenaga, air dan bahan
  - Mengurangkan kesan bangunan ke atas kesihatan manusia dan alam sekitar
- Terletak di atas pusat beli belah Johor Bahru City Centre (JBCC)
- Zon strategik dalam Ibrahim International Business District (IIBD)
- Dilengkapi 'Sky Garden' di setiap dua tingkat
- 'Observation Deck', 'Sky Walk', Restoran atas Bumbung dan sebuah ruang hiburan keluarga, Skyscape di tingkat 34



Tahun 2018 mencabar bagi sektor harta tanah industri di Malaysia terutama di Johor namun permintaan terhadap harta tanah industri masih menggalakkan meskipun ekonomi dunia tidak menentu di mana DPI menarik pelaburan RM11.176 bilion ke Johor dan mewujudkan 7,406 peluang pekerjaan.

Pada 2018, JCorp menawarkan 1,031 hektar tanah industri yang majoritinya di Pengerang Industrial Park dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat (KPTL) selaras aspirasi kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi dalam sektor minyak dan gas (O&G) serta Industri 4.0.



## Divisyen Pembangunan Industri

Kawasan Perindustrian

**34**  
zon

Pelaburan Dibawa Masuk

**RM90.08**  
bilion

### DIVISYEN PEMBANGUNAN INDUSTRI

Divisyen Pembangunan Industri (DPI) ditubuhkan sebagai agen pelaksana dan penggerak utama pembangunan perindustrian Johor Corporation (JCorp) dan setakat ini telah memajukan 34 zon perindustrian dengan keluasan 6,587 hektar di seluruh Johor.



**S**emenjak penubuhannya, DPI telah menarik RM90.08 bilion pelaburan ke Negeri Johor daripada 1,946 pelabur. Pada tahun 2018 sahaja, DPI merekodkan pelaburan RM11.176 bilion ke Negeri Johor dan mewujudkan 7,406 peluang pekerjaan.

## Divisyen Pembangunan Industri

### TAMAN PERINDUSTRIAN SEDENAK

- a) **Hab Sedenak Industri 4.0 dan Pelan Induk Bandar Pintar** - Taman Perindustrian Sedenak ini sebahagian daripada zon 'Smart Valley' Sedenak-Kulai seluas 19,982 hektar di bawah Iskandar Malaysia. Tanah 2,834 hektar milik JCorp itu diperuntukkan bagi menjayakan pembangunan Pusat Industri 4.0 dan Bandar Pintar.
- b) **Sedenak Iskandar Data Hub (SIDH)** - Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan JCorp bekerjasama membangunkan SIDH sebagai pusat pangkalan data bertaraf antarabangsa dan pembangunan SIDH berdasarkan prinsip 'live-work-play'. Kerja pembangunan pusat data Tier III bermula pada 2016 dan sehingga Disember 2017 telah meliputi 121 hektar dan dijangka beroperasi pada 2020.
- c) **Pusat Robotik Nasional** - JCorp dan Siasun Robot Investment Co Ltd pada 14 Mei 2017 menandatangani 'Cooperation Intention Agreement' bagi membangunkan lapan projek meliputi empat institusi dan empat pusat dengan enam keberhasilan dalam tempoh enam tahun.



**Hab Perabot Muar Jana**

**RM1.3  
bilion  
pelaburan**

Februari 2018 dan dijangka mengambil masa lima tahun untuk siap sepenuhnya. Untuk 2018, seluas 119 hektar zon perindustrian dijual melibatkan 118 lot. Pembangunan hab ini dijangka menjana pelaburan RM1.3 bilion menerusi pembinaan 213 kilang.

### KAWASAN INDUSTRI SOKONGAN O&G PENGERANG

JCorp akan membangunkan zon perindustrian 437 hektar bagi industri sokongan O&G di Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC). Pemasaran giat dilakukan bagi menarik pengusaha aktiviti hilir seperti kompleks aromatik, pembuatan produk kimia, tapak penyimpanan peralatan O&G serta kejuruteraan dan perkhidmatan O&G. Untuk perancangan jangka panjang di PIPC, JCorp juga merangka pembangunan fasa kedua seluas 117 hektar bersebelahan pembangunan fasa pertama. Ia disasarkan untuk menyokong aktiviti di RAPID menerusi pengkhususan kepada industri kecil dan sederhana (IKS) serta khidmat komersial berkaitan industri O&G.

### TAMAN PERINDUSTRIAN PERKAYUAN MUAR

JCorp diamanahkan Kerajaan Johor menjadi pemaju pembangunan hab industri perabot bagi memenuhi keperluan pembuatan dan pemasaran produk perabot khasnya di Muar. Projek ini juga bertujuan menempatkan semula kilang perabot yang beroperasi di atas tanah pertanian di sekitar Muar ke zon yang tersusun serta lengkap kemudahan infrastruktur dan pemudahcara di tapak 399 hektar. Pembangunan fizikalnya bermula



### PEMBESARAN KOMPLEKS PERINDUSTRIAN TANJUNG LANGSAT (KPTL)

Zon perindustrian milik JCorp ini khusus untuk industri berat. Setakat ini, 122 pelabur tempatan dan luar negara komited dengan nilai pelaburan RM26.5 bilion. Daripada jumlah itu, 80 kilang dengan nilai pelaburan RM21.18 bilion telah memulakan operasi. Bagi memenuhi permintaan yang tinggi, terdapat perancangan pembesaran KPTL melibatkan zon 122.62 hektar.

## Divisyen Pembangunan Industri

### **TLP TERMINAL SDN BHD**

Pengurusan Pelabuhan Tanjung Langsat (PTL) diterajui syarikat anak milik penuh JCorp - TLP Terminal Sdn Bhd (TLPT) yang pada 2018 mencatat rekod baharu pengendalian kargo tertinggi berjumlah 14.3 juta metrik tan (MT) iaitu lonjakan 27% daripada pencapaian 2017. Petroleum dan kargo berasaskan petroleum menyumbang 13.3 juta MT (93%) manakala kargo minyak boleh dimakan (edible oil) 0.51 juta MT (4%) serta kargo pukal 0.45 juta MT (3%).

TLPT turut memperolehi kelulusan Kementerian Dalam Negeri pada 28 Februari 2018 ke atas penambahan keluasan Kawasan Larangan di TLP kepada 409.1 hektar manakala Zon Perdagangan Bebas seluas 75.3 hektar menerima pewartaan oleh Kerajaan Persekutuan pada 9 April 2018.



#### **Jumlah Kargo di PTL**

**14.3  
juta  
MT**

### **BISNES PELABUHAN**

Terletak 12 batu nautika dari laluan perkapalan antarabangsa serta dilengkapi fasiliti dermaga dan keupayaan mengendalikan kapal bersaiz Suezmax dan Aframax, PTL berusaha untuk kekal menjadi pelabuhan pilihan pedagang dan pelabur. Dengan tujuh dermaga cecair dan dua dermaga kering, PTL turut disokong oleh komponen kluster Tangki Penyimpanan Minyak, hab Oilfield Services & Equipment (OFSE) serta Pangkalan Bekalan Marin Serantau.

### **PEMUDAHCARA - ZON PERDAGANGAN BEBAS (FCZ)**

JCorp mengambil inisiatif memberi nilai tambah kepada pelabur menerusi cadangan pelaksanaan kawasan FCZ di PTL, selain memaksimumkan faktor lokasi yang strategik dan peningkatan kapasiti kemudahan pelabuhan sedia ada. Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan kepada JCorp untuk mewujudkan FCZ di zon 75 hektar pada Jun 2016.

Status FCZ telah diwartakan pada April 2018 dan operasi telah bermula sejak November 2018. Menerusi sasaran menjadikan PTL sebagai Hab Logistik Bersepadu di rantau ini, JCorp setakat ini telah memajak lebih 40% daripada keseluruhan zon projek itu.

### **PEMUDAHCARA - KLUSTER PERINDUSTRIAN MINYAK SAWIT**

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi memperuntukan geran RM103 juta bagi pembangunan Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) di KPTL. Terdiri daripada fasiliti pejabat dan kilang, kilang biomas, tangki simpanan minyak dan kemudahan

## Divisyen Pembangunan Industri

infrastruktur, POIC adalah inisiatif JC Corp menyediakan nilai tambah bagi menarik pelabur strategik industri minyak sawit. Terkini, 78 hektar (69%) daripada keseluruhan POIC telah beroperasi sepenuhnya.

### **PEMUDAHCARA – JOHOR SKILLS DEVELOPMENT CENTRE**


Aktiviti utama Johor Skills ialah menyediakan program latihan teknikal bagi melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir, seiring keperluan dan perkembangan sektor perindustrian negara. Sepanjang 2018, Johor Skills melatih 3,713 peserta menerusi pelbagai latihan kemahiran dan terdapat perancangan untuk menawarkan kursus latihan untuk industri perabot dan industri sokongan O&G.

### **TINGKATKAN KEMUDAHAN PELABUHAN**

DPI terus berusaha membawa masuk pelabur baharu ke KPTL menerusi penambahan nilai dan peningkatan berterusan terutama kemudahan serta perkhidmatan pelabuhan:

- i. **Kemajuan Teknologi dan Digitisasi** – Dengan aspirasi menjadikannya pelabuhan generasi akan datang, TLPT merangka Pelan Teknologi dan Digitisasi untuk memacu peningkatan produktiviti dan sekuriti. Fasa pertama menfokuskan kepada peningkatan infrastruktur rangkaian dan peningkatan sistem keselamatan pelabuhan serta melihat kepada inovasi seperti ‘Internet of Things’ (IoT) dan analisis ‘Big Data’.
- ii. **Perancangan Kontingensi dan Tindak Balas Kecemasan Berterusan** - TLPT aktif menganggotai Pasir Gudang Emergency Mutual Aid (PAGEMA) dan telah menyertai Latihan Kecemasan Pelabuhan (EXS-PORT 2018) selain latihan kecemasan di darat termasuk kawalan penyakit berjangkit EBOLA dan pengurusan pemindahan pesakit ke hospital.

**PTL turut merancang meningkatkan keupayaan dengan menambah dua dermaga kering bagi memenuhi keperluan pelabur dan pengguna pelabuhan**



### **TPM TECHNOPARK SDN BHD (TTSB)**

Syarikat anak milik penuh JC Corp di bawah DPI ini menawarkan perkhidmatan pengurusan pembangunan infrastruktur dan projek komersial selain agen pemasaran dan pemaju projek zon perindustrian milik JC Corp.

Untuk tahun 2019, TTSB akan terus aktif melaksanakan projek pembangunan perindustrian baharu di Pengerang dan Muar selain projek komersial lain. Pasaran harta tanah industri pula dijangka lebih mencabar susulan ketidaktentuan ekonomi dunia dan faktor di luar kawalan.

## Divisyen Pembangunan Industri



### **PEMASARAN TANAH INDUSTRI**

JCorp melalui TTSB sentiasa fokus dalam misi manarik pelaburan untuk memperkenalkan Johor sebagai lokasi pilihan pelaburan di Malaysia khususnya di KPTL serta zon perindustrian di Sedenak, Pengerang serta Muar. Bagi 2018, TTSB menyertai misi pelaburan anjuran Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ke Jepun, Korea Selatan dan Eropah selain menganjurkan Sesi Jaringan Kerja Bisnes bagi menjalin hubungan lebih rapat dengan pelabur dan pihak berkepentingan serta membuka ruang dan peluang bisnes kepada TTSB mahupun DPI. Bagi 2018, TTSB mencatat penjualan tanah 186.2 hektar bernilai RM477.11 juta dan mencapai kutipan jualan RM351.69 juta.

### **PENGURUSAN PROJEK**

TTSB turut memainkan peranan penting sebagai Pengurus Projek dengan menguruskan 30 projek JCorp dan Kumpulan bernilai RM105 juta sepanjang 2018. TTSB melalui JCorp juga bertindak selaku pengurus projek di bawah Jabatan Perdana Menteri menerusi Pejabat Pembangunan Negeri Johor (SDO). Sejak 2011, sebanyak 65 projek SDO bernilai RM134.48 telah dibangunkan. Sepanjang 2018, TTSB menyiapkan 23 projek dengan nilai RM56.08 juta melibatkan empat projek komersial dan 19 projek industri terutama di zon perindustrian Tanjung Langsat.



**TTSB Siapkan  
65 Projek SDO**

**RM  
134.48  
juta**

### **PEMBINAAN KILANG SIAP BINA**

Premium Corporate Premises meliputi 14 unit kilang siap bina di Zon 12B Fasa 2, Zon Perindustrian Pasir Gading adalah usaha TTSB menjana kepelbagaian sumber pendapatannya. Dilengkapi reka bentuk moden dan ciri-ciri terkini, TTSB telah menjual tujuh unit dan usaha promosi terus digiatkan. TTSB menerusi JCorp turut membangunkan 30 unit kilang siap bina di Zon Perindustrian Pasir Gudang menerusi pembiayaan geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM30 juta. Dibina bagi memenuhi permintaan IKS Bumiputera, projek ini telah siap dibina dan dijangka memperolehi Perakuan Penyiapan & Pematuhan (CCC) menjelang suku kedua 2019.

### **PENGURUSAN KAWASAN PERINDUSTRIAN**

Bagi meningkatkan nilai tambah kepada pelabur, TTSB telah dilantik untuk menyediakan perkhidmatan Pengurusan Kawasan Perindustrian untuk zon perindustrian milik JCorp. Perancangan pelaksanaan sedang disediakan dan dijangka digunakan menjelang 2020 untuk Taman Perindustrian Perkayuan Muar, Sedenak Iskandar Data Hub dan Taman Perindustrian Pengerang.

### **PROSPEK KESELURUHAN**

Berdasarkan perancangan strategik lima tahun syarikat, TTSB bercadang meningkatkan bank tanah industri yang akan menjana perolehan kepada TTSB dan JCorp. Perancangan itu dijangka tercapai melalui pembangunan zon perindustrian baharu. Dengan mengandaikan semua projek yang dirancang itu dapat dilaksanakan tanpa sebarang halangan, DPI dijangka mengekalkan statusnya sebagai antara penyumbang utama keuntungan dan tunai kepada JCorp dan kekal melaksanakan peranan pembangunan untuk JCorp dan Negeri Johor.

## Divisyen Pembangunan Industri





Melalui Skim Intrapreneur 2.0 yang diperkenalkan sejak 2017, Tiram Travel Sdn Bhd berjaya menyahut seruan ‘Graduasi Intrapreneur’ yang ditetapkan dalam tempoh lima tahun. Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WanCorp) telah menjual 75% saham miliknya kepada Tuan Haji Md Yusoff Bin Abdul Ghaffar dan Puan Hajah Sarah Binti Muhammad pada 31 Oktober 2018 dengan harga keseluruhan mencecah RM2,625,000. Sepanjang berada di bawah skim ini, syarikat tersebut telah membayar dividen berjumlah RM7,378,743 kepada WanCorp.



## Divisyen Pembangunan Bisnes

Syarikat Intrapreneur Catat Perolehan

**RM280  
juta**

Jumlah Syarikat Intrapreneur

**21**

### INTRAPRENEUR

**S**ehingga 31 Disember 2018, terdapat 21 syarikat diletakkan di bawah Skim Intrapreneur 2.0 dengan perolehan dicatatkan berjumlah RM280 juta. Sementara itu, prestasi keuntungan sebelum cukai secara keseluruhan bagi tempoh yang sama ialah RM4.9 juta, berbanding tahun sebelumnya dengan masing-masing melaporkan sebanyak RM411 juta dan RM8.5 juta. Tiga syarikat Intrapreneur kekal mencatatkan keuntungan sebelum cukai masing-masing melebihi tahap RM1 juta walaupun berlatarkan persekitaran ekonomi yang serba mencabar.



**P**restasi 21 Syarikat Intrapreneur yang bernaung di bawah Johor Corporation dan syarikat dalam Kumpulan mencatatkan perolehan memberangsangkan sebanyak RM280 juta dalam tahun 2018.

## Divisyen Pembangunan Bisnes



Pada 2018 juga, beberapa penstrukturian syarikat Intrapreneur melalui penggabungan dan pengambilalihan syarikat dilaksanakan. Penggabungan Extreme Edge Sdn Bhd dan Pinnacle Platform Sdn Bhd dilakukan kerana kedua-duanya menjalankan perniagaan yang sama. Penggabungan ini juga bertujuan memperkuatkan lagi sumber dalaman dan seterusnya mengurangkan daya saing sesama syarikat dalam mengintai pasaran lebih besar dan mempelbagaikan kegiatan perniagaan, di samping memacu misi masa hadapan ke arah penyenaraian di Bursa Malaysia.

Dua lagi syarikat Intrapreneur iaitu Kulim Safety Training & Services Sdn Bhd (KSTSSB) dan Optimum Status Sdn Bhd pula terlibat dalam penstrukturian syarikat melalui penggabungan serta pengambilalihan syarikat.

Melalui Program Pembangunan Usahawan Bumiputera dalam Rantaian Halal Industri Ayam Pedaging Berskala Besar Negeri Johor yang dilancarkan pada 2017, empat syarikat yang melibatkan 12 usahawan telah dikenal pasti oleh JCOP pada 2018 bagi menjayakan fasa pertama pelaksanaannya. Pada 2019, dijangkakan empat reban ayam dua tingkat jenis tertutup (*closed-system chicken house*) akan dibina di Simpang Renggam dan Kota Tinggi. Pembinaannya dibuat secara seragam mengikut spesifikasi ditetapkan serta mematuhi sistem biosecuriti yang ketat dengan operasi bercirikan mesra alam yang lestari. JCOP menyasarkan penglibatan 80 usahawan penternak ayam Bumiputera sehingga 2023. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama SME Corp dan Agrobank.

### **PEMBANGUNAN BISNES**

Jabatan Kajian dan Pembangunan Bisnes, JCOP dengan kerjasama Kulim menganjurkan JCOP Nature Guide Accreditation Programme pada 4 hingga 20 September 2018, bertempat di Kulim Eco Trail & Retreat, Sungai

Tiram, Johor. Program itu adalah salah satu komponen pembangunan dalam Titik Sentuhan Bajet Negeri Johor 2018 bagi Pelan Pengurusan Konservasi Paya Bakau Secara Mapan di Sungai Johor dan Sungai Lebam. Ia bertujuan melahirkan pemandu pelancong alam semulajadi bertauliah di Johor yang memiliki Green Badge dan diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

Seramai 31 orang menyertai program ini yang sebahagian besarnya terdiri daripada komuniti tempatan, termasuk tiga peserta Orang Asli Seletar. Program ini adalah inisiatif JCOP bagi meningkatkan peluang ekonomi komuniti tempatan melalui kegiatan ekopelancongan dan seterusnya menyokong aspirasi kerajaan Negeri Johor untuk menjadikan Sungai Johor sebagai destinasi ekopelancongan utama di negeri ini.

Peserta program kini giat membangunkan Paket Pelancongan Sungai Johor dan menjadi Duta JCOP bagi memupuk kesedaran mengenai kepentingan dan keunikan pelbagai bioflora dan fauna yang terdapat di Sungai Johor kepada pelancong agar ia kelak menjadi satu destinasi pelancongan yang terkenal.

Program ini mendapat kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, Jabatan Pelancongan Negeri Johor serta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar.



#### WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD

##### Waqaf Saham Larkin Sentral

Larkin Sentral Property Berhad (LSPB), melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), iaitu sebuah entiti yang ditubuhkan JCorp dan dilantik sebagai Nazir Khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor, telah melancarkan Prospektus Waqaf Saham Larkin Sentral pada 18 Jun 2017.



# Divisyen Tanggungjawab Korporat

KWAN Rawat

**154,282**

Pesakit Bukan Islam

Tanggungjawab korporat adalah amanah utama yang digalas Johor Corporation (JCorp). Divisyen Tanggungjawab Korporat JCorp berperanan melaksanakan program tanggungjawab korporat melalui aktiviti melibatkan pelbagai lapisan masyarakat di peringkat akar umbi bagi merealisasikan hasrat ini.



**J**Corp telah memanfaatkan sebaiknya beberapa syarikat di bawah naungannya seperti Waqaf An-Nur Corporation Berhad serta Yayasan Johor Corporation untuk menggerak dan menunjangi segala perancangan yang telah dirangka sepanjang 2018.

## Divisyen Tanggungjawab Korporat



### **WANCorp menguruskan Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn serta Rangkaian Masjid An-Nur di Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang dan Taman Cendana**

LSPB menerbitkan 850 juta unit saham baharu bernilai RM0.10 setiap saham yang berjumlah RM85 juta dan ia ditawarkan kepada institusi, syarikat serta orang awam untuk melanggan sekurang-kurangnya 1,000 unit saham atau sebanyak RM100. Saham ini kemudian diwakafkan kepada WANCorp melalui Hujjah Wakaf. Dana wakaf ini akan digunakan untuk menaik taraf Terminal Larkin Sentral.

LSPB memperolehi kelulusan Suruhanjaya Sekuriti untuk melanjutkan tempoh langganan sehingga 17 Mei 2019 dengan mendaftarkan Prospektus Tambahan WSLS pada 17 Mei 2018.

#### **Rangkaian Masjid An-Nur**

WANCorp menguruskan Masjid Sultan Iskandar di Bandar Dato' Onn serta rangkaian Masjid An-Nur di Galleria@Kotaraya, Larkin Sentral, Bandar Pasir Gudang, Kompleks Pasir Gudang dan Taman Cendana yang memainkan peranan penting dalam usaha menjadikannya tempat beribadah dan rekreasi kariah setempat. Pelbagai program diatur jawatankuasa masjid dan WANCorp bagi memastikan masjid terus diimarahkan oleh kariahnya.



#### **KWAN Sedia**

**68**  
**mesin dialisis**

**Jumlah Rawatan**

**1.75**  
**juta**  
**dengan caj**  
**RM5**

Sementara itu, Masjid Sultan Iskandar terus menjadi antara masjid ikon di negeri ini apabila menjadi Masjid Pelancongan, di mana kini Masjid Sultan Iskandar telah menerima lawatan pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara bagi melihat keindahan senibina masjid dan juga mendalamai agama Islam.

#### **Klinik Waqaf An-Nur (KWAN)**

Sejak 1998, JCorp membangunkan 24 KWAN di seluruh negara. Perkhidmatannya diberi kepada semua lapisan masyarakat hanya dengan caj RM5. Sehingga 2018, sejumlah 1.75 juta rawatan diberi kepada pesakit menerusi rangkaian KWAN dan 154,282 daripadanya rawatan kepada pesakit bukan Islam.

KWAN mempunyai 68 mesin dialisis berbanding hanya 64 pada 2014. Seramai 350 pesakit buah pinggang menjalani rawatan di situ dengan caj minimum RM90. Bermula Januari 2019, Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang ditukar tarafnya kepada KWAN dan menawarkan pemeriksaan kesihatan serta dialisis.



## Divisyen Tanggungjawab Korporat



### Program Jalinan Ukhuwah

**12 lokasi**

### Pusat Waqaf Komuniti

Pusat Waqaf Komuniti dibangunkan dengan mengambil manfaat daripada pembelian harta tanah oleh WANCorp. Konsep yang diperkenalkan pusat tersebut menjurus kepada usaha memberi latihan jahitan kepada golongan memerlukan, ibu tunggal serta orang kelainan upaya dan seterusnya memberi peluang mereka menjana pendapatan hasil daripada jahitan.

Setakat ini, tiga Pusat Waqaf Komuniti bertempat di Taman Bukit Tiram, Taman Bukit Dahlia dan Syarikat Velvet Textile, Kempas Town Centre. Bagaimanapun, Pusat Waqaf Komuniti di Velvet Textile mengetengahkan konsep kilang mini yang menerima tempahan jahitan secara pukal dan digerakkan sepenuhnya oleh lima bekas pelatih Pusat Waqaf Komuniti.



### Jalinan Ukhuwah

Jalinan Ukhuwah adalah program JC Corp turun padang untuk berinteraksi dan menyantuni pemimpin serta masyarakat setempat melalui gotong-royong, pemeriksaan kesihatan percuma, pengimaran masjid dan penyerahan sumbangan kepada golongan memerlukan. Aktiviti dilaksanakan dengan kerjasama anggota Brigid Waqaf JC Corp, Divisyen Tanggungjawab Korporat dan Jabatan Komunikasi Strategik. Bersempena Sambutan 50 Tahun JC Corp pada 2018, sebanyak 12 lokasi di Johor dipilih untuk diadakan Jalinan Ukhuwah.



**Sehingga 2018, jumlah pembiayaan mencecah RM943,300 melibatkan 413 penerima.**

### Dana Niaga

Dana Niaga dibentuk berteraskan konsep penyediaan pembiayaan tanpa faedah kepada usahawan mikro yang mahu mengembangkan bisnes. Dikenali sebagai Al-Qardhul Hassan, pembiayaan ini bertujuan meluaskan syiar Islam melalui bisnes, menggerakkan ekonomi umat Islam serta memberi manfaat kepada usahawan Islam yang memerlukan.

Sehingga 2018, jumlah pembiayaan Dana Niaga mencecah RM943,300 melibatkan 413 penerima. Dana Niaga menerima Lesen Pemberi Pinjam Wang daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta disahkan patuh syariah oleh Jabatan Mufti Johor serta Jawatankuasa Syariah WANCorp. Dengan lesen ini, ia secara jelas mengiktiraf WANCorp adalah pemberi pinjaman yang beretika dan dikawal selia sewajarnya serta membantu peniaga kecil yang memerlukan pembiayaan.

Terkini, produk pembiayaan Dana Niaga dikembangkan dengan menawarkan produk *Tawarruq* yang menyediakan pembiayaan sehingga RM20,000 dengan keuntungan minimum.

## Divisyen Tanggungjawab Korporat



Pada 2018, Pusat Waqaf Komuniti menambah aktiviti baharu iaitu latihan menggunting rambut selain latihan jahitan. Lima pelatih dan tiga tenaga pengajar terlibat dalam program ini. Sehingga Disember 2018, premis Pusat Komuniti Gunting Rambut di Kempas Town Centre masih lagi dalam proses ubah suai dan telah beroperasi Mac 2019. Premis ini mampu menempatkan sehingga 15 pelatih dan lima usahawan gunting rambut pada satu-satu masa.

### **Briged Waqaf™**

Briged Waqaf™ digerakkan sukarelawan di kalangan anggota pekerja JCorp dan syarikat Kumpulan. Antara pencapaian pada 2018 ialah penganjuran Majlis Perbarisan Briged Waqaf™ sebagai acara dwitahunan pada 28 Oktober 2018 sebagai antara wadah merapatkan lagi ukhuwah antara pihak kepimpinan dan anggota briged. Pada 2018 turut memperlihatkan peningkatan jumlah anggota Briged Waqaf™ iaitu 1,219 orang berbanding 800 orang pada 2017. Bagi tempoh sama, briged itu menyertai 12 siri gotong royong menerusi program Jalinan Ukhudah.

### **YAYASAN JOHOR CORPORATION**

#### **Projek Tuisyen Yayasan Johor Corporation**

Program Tanggungjawab Korporat JCorp ini dilaksanakan sejak 2012 melibatkan murid sekolah rendah terpilih dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Setakat 2018, seramai 5,295 murid dari 53 sekolah memperolehi manfaat program ini dan peserta menunjukkan prestasi cemerlang dalam peperiksaan yang diduduki.



#### **Projek Tuisyen Dimanfaatkan**

**5,295  
murid**



#### **Program Pro Du-It Disertai**

**1,800  
murid**

Projek Tuisyen ini disokong syarikat Kumpulan JCorp iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Johor Land Berhad serta QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd dan Damansara Assets Sdn Bhd.

#### **Program Pengurusan Kewangan Pro Du-It**

Program ini mula diperkenalkan ke sekolah terpilih di seluruh Johor pada 2017. Pada 2018, program ini diperluaskan ke sekolah di Zon Tengah iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Sehingga Disember 2018, seramai 1,800 murid dari 60 sekolah meraih manfaat daripada program ini. Sepanjang tempoh program, peserta dibekalkan sebuah buku log bagi tujuan mencatat perbelanjaan harian mereka. Usaha ini merekodkan simpanan terkumpul RM160,000 iaitu purata simpanan RM140 seorang berbanding RM49 seorang pada 2017. Ini membuktikan usaha melahirkan generasi ‘Celik Kewangan’ yang menyasarkan kanak-kanak berusia antara 7 hingga 12 tahun itu mula membuat hasil positif.



#### **Pendidikan Keusahawanan Kelas Rancangan Usahawan**

Penglibatan JCorp dalam aktiviti keusahawanan telah bermula sejak 1992 apabila program Tunas BISTARI dilaksanakan bagi memupuk semangat keusahawanan dalam diri pelajar sekolah menengah di Johor. Inisiatif itu diperkuatkannya lagi pada 2016 menerusi kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor dengan termeterai Surat Perjanjian Persefahaman (LOC) bagi menubuhkan Kelas Rancangan Usahawan (KRU) yang lebih tertumpu kepada pelajar tingkatan 4 dan 5 aliran Perdagangan, Ekonomi, dan Perakaunan.

## Divisyen Tanggungjawab Korporat



Program KRU Lahirkan

### 100 syarikat

Sehingga kini, 41 sekolah terpilih menyertai program KRU yang melibatkan penubuhan 82 syarikat. Iltizam Yayasan Johor Corporation melahirkan lebih ramai usahawan berpotensi semakin menyerlah apabila menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang berganding bahu untuk memberi latihan, pendedahan serta bimbingan keusahawanan kepada peserta KRU.

#### **Penajaan Pasukan Bola Sepak JDT**

JCorp bertindak sebagai penaja bersama pasukan bolasepak Johor Darul Ta'zim (JDT) sejak 2013. Penglibatan itu masih berterusan sehingga kini. Penajaan untuk sukan itu bukan sahaja kerana ia melibatkan jutaan peminat dan penonton malah sebagai pernyataan sokongan terhadap DYAM Brigadier Jeneral Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor, selaku Penaung Diraja Persatuan Bola Sepak Negeri Johor dalam membangunkan bola sepak Johor serta melonjakkan penguasaan pasukan JDT.

Hasil sentuhan kecekapan pengurusan dan aspirasi DYAM Tunku Mahkota Johor itu, Bangsa Johor kini berbangga dengan pasukan JDT yang ternyata cemerlang dalam liga tempatan setelah menjadi juara Liga Super selama lima tahun berturut-turut iaitu pada 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018.

#### **Mutiara Johor Corporation**



Mutiara Johor Corporation (Mutiara) ditubuhkan untuk menjaga kebajikan ahli dari kalangan anggota pekerja wanita dan isteri anggota pekerja lelaki JCorp. Badan itu juga aktif mengatur dan menganjurkan pelbagai aktiviti keagamaan, sosial, pendidikan, kebajikan dan sukan.



Bangsa Johor kini berbangga dengan pasukan JDT yang ternyata cemerlang dalam liga tempatan setelah menjadi juara Liga Super selama lima tahun berturut-turut iaitu pada 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018.

## Divisyen Tanggungjawab Korporat



Setiap biro dan Ahli Jawatankuasa Mutiara turut berusaha memastikan lebih ramai ahli dan kumpulan sasar mendapat manfaat daripada program yang dianjurkan. Pada 2018, antara program yang dianjurkan termasuk kelas fardu ain, pengurusan jenazah dan solat hajat bagi anak-anak yang menduduki peperiksaan UPSR, PT3, SPM dan STPM.

Pada 16 Januari 2018 Mutiara melancarkan buku resipi berjudul '*Nak Masak Apa Mak? Meh Mak Tunjuk...*' Kandungan buku resipi itu digarap berdasarkan kolaborasi Mutiara Johor Corporation dan Women Onwards (WOW) Kulim (Malaysia) Berhad dengan sokongan JCorp serta rakan strategik projek iaitu Ayamas. Hasil kutipan daripada buku ini yang mengandungi 60 jenis resipi diagihkan kepada golongan memerlukan seperti ibu tunggal, orang kelainan upaya dan mereka yang kurang berasib baik serta badan bukan kerajaan.

Pada 2018, Mutiara turut meraikan hari Asyura dengan menyantuni Anak-anak Yatim Baitul Maryam. Agenda Mutiara diteruskan dengan penganjuran program 'Sembang Santa' di Masjid Sultan Iskandar, Bandar Dato' Onn. Bersempena Sambutan 50 Tahun JCorp, Mutiara turut terlibat mengelola Program Solat Hajat Perdana.

Mutiara tampil lebih giat melakukan amal kebaikan pada Ramadan dengan mengadakan majlis berbuka puasa dengan menyantuni golongan kurang berasib baik. Mutiara juga amat prihatin terhadap kebajikan anggota pekerja dan menganjurkan majlis Sumbangan Amal Ramadan 2018 yang menyaksikan bantuan dihulur kepada 900 anggota pekerja syarikat Kumpulannya.

### **PPNJ Dan MSA**

JCorp turut melunaskan tanggungjawab korporat dan turut mempelopori pembangunan sukan pelayaran dengan penglibatan dalam Persatuan Pelayaran Negeri Johor (PPNJ) dan Persatuan Pelayaran Malaysia (MSA). YB Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden & Ketua Eksekutif JCorp menerajui kedua-dua persatuan itu selaku Presiden. Kedua-dua persatuan itu aktif dalam memberi galakan dan membangunkan sukan perahu layar di peringkat tempatan



**Di Temasya Sukan Asia 2018,  
Atlet Sukan Layar Sumbang**

### **5 pingat**

mahupun antarabangsa. Hasilnya, atlet sukan itu dilihat semakin menguasai arena tempatan manakala sebahagian lagi kini berupaya mencapai kejayaan memberangsangkan di peringkat antarabangsa.

Pada temasya Sukan Asia 2018 di Jakarta, atlet pelayaran menunjukkan prestasi cemerlang dengan menyumbangkan satu pingat emas, satu perak dan tiga gangsa. Persatuan juga menerima berita gembira apabila dua atletnya berjaya menempa kejayaan dan mengesahkan tempat ke Sukan Olimpik 2020 di Tokyo, Jepun.

### **Kelab Motor Johor**

Berpayung di bawah Persatuan Automobil Malaysia (AAM), Kelab Motor Johor antara kelab paling aktif dalam memacu perkembangan sukan pemotoran di Johor. Justeru, pelbagai bentuk perlumbaan dan kejohanan sering dianjurkan di sekitar Johor, antaranya:

- Johor Clubman Race
- Johor Sprint Challenge
- Saturday Nite Sprint
- Petronas AAM Malaysian Cub Prix
- Kejohanan Motocross



PEDOMAN Johor Corporation 2018 telah berlangsung pada 17 Januari 2018 di Persada Johor dan melibatkan lebih 1,000 anggota pekerja dari ibu pejabat mahupun syarikat di bawah Kumpulan. Majlis tersebut turut menyaksikan pelantikan pengurus serta pengarah dan pengenalan anggota pekerja baharu, di samping penganugerahan pensijilan MS ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) untuk PBT Pengerang.



# Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

PEDOMAN bermula tahun

**1985**

Anggaran anggota terlibat

**1,000**  
pekerja setahun

**P**elbagai perancangan dan aktiviti telah disusun dan dilaksanakan oleh Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan sepanjang 2018 termasuk sesi perhimpunan tahunan yang dianjurkan secara konsisten sejak 1985 dan dikenali sebagai Majlis Perhimpuan Dialog dan Amanat (PEDOMAN).



**M**ajlis tahunan PEDOMAN bertindak sebagai wadah untuk memaklumkan berkenaan hala tuju syarikat, perancangan perniagaan bagi tahun semasa, pencapaian beberapa tahun kebelakangan dan untuk mengumpul maklum balas secara dua hala di antara pihak pengurusan tertinggi Johor Corporation (JCorp) dengan anggota pekerja.

## Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan

Bagi memberikan penerangan terkini serta pemakluman berkenaan pencapaian berdasarkan perancangan yang dirangka pada 17 Januari 2018, satu lagi sesi PEDOMAN (Pertengahan Tahun) JC Corp telah diadakan pada 18 Julai 2018. Selain mengadaptasi pendekatan berkenaan dengan penerangan yang diberikan sebelumnya pada kedua-dua sesi PEDOMAN yang telah dijalankan, para anggota pekerja turut berpeluang bertanya dan berdialog secara langsung dengan Presiden dan Ketua Eksekutif JC Corp.

Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan telah mengadakan pelbagai inisiatif antara inisiatif Sesi Kopitiam yang diadakan bermula 23 Januari 2018 hingga 23 Disember 2018 bagi membolehkan anggota pekerja mendapat maklum balas secara langsung daripada Naib Presiden Divisyen. Program Hari Terbuka Sumber Manusia yang menjadi platform memberikan maklumat terkini berkaitan sumber manusia telah diadakan sebanyak enam kali bermula 8 Februari 2018 sehingga 23 Disember 2018. Pada masa yang sama, Sistem Pengurusan Modal Insan (HCMS) bersepada juga telah dilancarkan pada 7 Februari 2018 bagi modul HR Core dan HR Recruitment.

Jom Sihat telah diatur seperti Taklimat Pemeriksaan Kesihatan pada 23 Julai 2018; Program Pemeriksaan Kesihatan PERKESO pada 26 Julai 2018; Jom Sihat: Larian 50 tahun JC Corp pada 24 Oktober 2018 dan Pemeriksaan Mata pada 6 Disember 2018, serta aktiviti senamrobik.

Divisyen ini turut menyertai Kembara Kerjaya 5.0 anjuran Kerajaan Negeri Johor melalui Unit Swadaya Insan Negeri Johor dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Negeri Johor pada 25 hingga 28 Januari meliputi Johor Bahru (Iskandar Puteri), Batu Pahat, Muar, Kluang dan Kota Tinggi.

Divisyen ini turut melancarkan Sistem Penilaian Prestasi dalam Talian untuk diguna pakai oleh anggota pekerja JC Corp. Sebanyak 22 bengkel diadakan untuk Fasa Penentuan Petunjuk Prestasi Utama, 15 bengkel untuk Fasa Pertengahan Tahun dan 17 bengkel untuk Fasa Akhir Tahun dilaksanakan sepanjang 2018.

**Basic Management Programme menyasarkan kumpulan eksekutif yang berkhidmat kurang daripada tiga tahun.**



Pelaksanaan Kad Skor Seimbang (BSC) turut diperluaskan kepada syarikat Kumpulan JC Corp bagi memastikan matlamatnya adalah seiring bermula daripada peringkat korporat atau atasan sehingga ke peringkat individu atau pekerja di tahap jabatan dan unit. Tindakan ini juga dapat memastikan bahawa kesinambungan usaha pengukuhan 'Budaya Prestasi Tinggi' di JC Corp dilaksanakan secara holistik.

Proses Perancangan Penggantian diteruskan dengan menghalalkan tumpuan terhadap program pembangunan berstruktur untuk 30 anggota pekerja yang berpotensi tinggi dalam kalangan Bakat Kepimpinan Kumpulan untuk meningkatkan keupayaan kepimpinan selain mempersiapkan mereka untuk mengambil alih tampuk pimpinan sekiranya berlaku kekosongan. Bagi menyokong proses penggantian yang mantap, divisyen ini telah menghasilkan kerangka Pelan Pergerakan Kumpulan bagi membentuk anggota pekerja dengan peranan yang bakal digalas di jabatan atau syarikat Kumpulan yang berkeperluan.



### Perancangan Penggantian Melibatkan

**30 anggota pekerja**

Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan juga telah membangunkan lima Kamus Teknikal Kompetensi pada 2018 antaranya ialah Kamus Teknikal Sumber Manusia; Kamus Teknikal Audit; Kamus; Teknikal Pengurusan Projek; Kamus Teknikal Pengurusan Kontrak dan Kamus Teknikal Kejuruteraan.

## Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan



Projek ini akan diteruskan dengan membangunkan lima lagi kamus teknikal pada 2019.

Sementara itu, divisyen ini telah melaksanakan Audit Pembangunan Kepimpinan JC Corp bagi mengenal pasti bilangan anggota pekerja yang diperlukan untuk jawatan pengurusan pertengahan sehingga atasan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Divisyen ini pula meneruskan program *Johor Corporation Education Sponsorship Programme* (JESP) dengan memantau secara menyeluruh kesemua pelajar yang ditaja di dalam dan luar negara.

Pemantauan berterusan juga dilakukan terhadap para pelatih *Johor Corporation Chartered Accountancy Programme* (JCAP) yang bakal menjadi Akauntan Bertauliah di Johor. Persediaan turut dibuat bagi menerima pelatih yang telah menamatkan penempatan selama tiga tahun di firma perakaunan dan kembali untuk memulakan khidmat serta kerjaya mereka di JC Corp dan syarikat Kumpulan setelah berjaya memperoleh pentaulahan profesional seperti ICAEW, ACCA, MICPA dan CPA Australia.

Sementara itu, JC Corp melancarkan Program Bersekutu Pengurusan Kumpulan (GMAP) sebagai inisiatif membina *talent pool* atau kelompok pekerja yang berbakat di peringkat pengurusan. Program ini dilaksanakan menerusi pengambilan pelajar lepasan ijazah yang berkelulusan cemerlang dalam bidang berkaitan dan bakat mereka digilap dengan memberi pendedahan menyeluruh selama 24 bulan menerusi penempatan mereka di JC Corp dan syarikat Kumpulan.

**Program Upskilling yang bertujuan melahirkan angota pekerja profesional bertauliah diperluaskan mencakupi bidang kerja di JC Corp iaitu Audit Dalaman, Pengurusan Risiko, IT dan Percukaian menerusi pentaulahan oleh beberapa badan profesional.**

Program Upskilling yang bertujuan melahirkan angota pekerja profesional bertauliah diperluaskan mencakupi bidang kerja di JC Corp iaitu Audit Dalaman, Pengurusan Risiko, IT dan Percukaian menerusi pentaulahan oleh beberapa badan profesional Certified Internal Auditor (CIA); Certified Information System Auditor (CISA); Certified Integrity Officer (CeIO); Enterprise Risk Manager (ERM); Qualified Risk Auditor (QRA); Information Technology Infrastructure Library (ITIL); Certified Data Centre Professional (CDCP) dan Kursus Skim Latihan Khas (SLK) Bagi Menjadi Ejen Cukai Di Bawah Seksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan 1967.

Lanjutan daripada Rangka Kerja Pembangunan Pengurusan Kepimpinan (LMDF) JC Corp yang diluluskan pada Disember 2016, satu program berorientasikan kepimpinan telah dizahirkan daripada struktur LMDF. Ia dikenali sebagai *Basic Management Programme* yang dikendalikan oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia - Akademi. Program ini menyasarkan kumpulan eksekutif yang berkhidmat kurang daripada tiga tahun dan disertai oleh 27 eksekutif JC Corp. Selain itu, seramai 28 pegawai pengurusan kanan Kumpulan JC Corp telah menyertai *Advanced Johor Corporation Leadership Programme* (Advanced JLP) yang dijangka berakhir pada April 2019.

Pada Disember 2018 menyaksikan 34 peserta terdiri daripada kumpulan eksekutif dan pengurusan pertengahan Kumpulan JC Corp menamatkan *Johor Corporation Leadership Programme* (JLP) Cohort 3 yang bermula pada Januari 2016. Program berstruktur yang memakan masa selama dua tahun ini mula dilaksanakan sejak 2013. Bagi memastikan objektif melahirkan barisan pelapis kepimpinan yang berdaya saing dapat diteruskan, *JLP Cohort 4* telah dirangka secara lebih menyeluruh dan bersesuaian dengan keperluan semasa.

## Divisyen Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan



**Bagi menjayakan program ini, seramai 23 anggota pekerja yang merupakan wakil daripada setiap jabatan/divisyen telah dilantik sebagai Culture Champions (CC).**

JCorp melalui Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Akademi juga telah merangka satu program yang dikenali sebagai *Self Transformation Programme* (STP). Perancangan dan pembangunan modul bagi program ini telah mula dimulakan sejak 2018 dan dijangkakan bermula pada Februari 2019.

wakil daripada setiap jabatan/divisyen telah dilantik *Culture Champions* (CC) sebagai duta dalam merancang dan mempromosikan idea-idea baharu bagi tujuan pengukuhan dan penambahbaikan budaya korporat di JCorp.



JCorp melaksanakan *Culture Intervention Plan* (CIP) yang kini telahpun memasuki fasa kedua pembangunan budaya korporat di JCorp. Program yang bermula Julai 2018 ini bertujuan mengukuhkan lagi penghayatan Nilai Teras JCorp 2.0 dalam kalangan anggota pekerja, yang kemudian diterjemahkan kepada pelaksanaan JCorp *Culture Blueprint*. Bagi menjayakan program ini, seramai 23 anggota pekerja yang merupakan

Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) juga sentiasa ditambahbaik di mana Pensijilan Semula ISO 9001:2015 oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd diteruskan sehingga 2021. Pada 2018, JCorp telah menerima sijil pengiktirafan bagi Amalan Persekutaran Berkualiti (QE/5S) dengan penarafan tiga (3) bintang, melalui Audit Pensijilan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 30 Oktober 2018.

JCorp juga meneruskan agenda menggalakkan aktiviti peningkatan budaya kualiti dan inovasi di peringkat dalaman melalui penganjuran program Konvensyen Q JCorp yang berlangsung pada 12 dan 13 Disember 2018 dengan tema ‘Kesinambungan Bisnes Menerusi Kualiti dan Inovasi’. Penyertaan pada 2018 dilihat meningkat kepada 34 berbanding 27 pada tahun sebelumnya. Kategori yang dipertandingkan sepanjang program ialah Kumpulan Inovatif & Kreatif (ICC), Kaizen serta Video Pendek.



## Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan

**D**i JCorp, kami memahami dan seterusnya memacu transformasi digital semasa. Gelombang perubahan masa kini terletak pada potensi data dan maklumat yang di terima, dianalisa dan keputusan yang diambil dalam memahami keperluan semasa dan membawa syarikat maju ke hadapan.

Kefahaman yang diperolehi telah mengubah cara kami menjalankan bisnes dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan. Memandangkan tumpuan menjalankan bisnes boleh berubah dalam sekelip mata, maka tindakan pantas bagi menyokong bisnes tersebut melalui kefahaman yang dipacu oleh data telah menjadi asas dalam menjalankan bisnes di Johor Corporation.

Memajukan keupayaan Teknologi Maklumat adalah kritikal kepada kelangsungan business di JCorp, dan perkara yang perlu diuruskan secara syumul dan berterusan adalah aspek keselamatan.



**D**unia digital hari ini mengundang kemungkinan yang tidak berkesudahan, justeru keselamatan siber memainkan peranan yang lebih besar dalam memastikan kepentingan syarikat terus terjamin di samping memberikan kelebihan daya saing kepada JCorp.

## Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan

Tahun 2018 menyaksikan beberapa pencapaian yang hebat oleh Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan melalui pelbagai agenda yang dirangka dan dilaksana secara dalaman maupun luaran.

### **ACARA ICT:**

#### **1. Digital Johor 4.0**

JCorp menyertai Karnival Digital Johor 4.0, bagi mengetengahkan inisiatifnya seperti *JCorp Wifi*, iaitu akses internet percuma berkelajuan tinggi untuk rakyat Johor. Usaha ini memperlihatkan penyediaan *JCorp Wifi* di seluruh Negeri Johor, bagi memberi perkhidmatan internet 24/7 melibatkan 309 lokasi dengan 800 *hotspot* di tempat awam.

#### **2. CIO Circle**

Tahun 2018 menyaksikan penganjuran program *CIO Circle* yang dikendalikan dengan jayanya oleh Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) dan Johor Land Berhad (JLand).

Kulim mempamerkan perjalanan transformasi digital mereka dalam industri perladangan kelapa sawit yang telah diceburi sejak bertahun-tahun lamanya, sambil menambah baik segala proses kerja menerusi inovasi dan automasi proses kerja.

Manakala JLand pula menganjurkan siri *CIO Circle* dengan tema 'Bandar Pintar, Mampu dan Mapan'.

#### **3. Hari Terbuka ICT 2018**

Hari Terbuka ICT 2018 memasuki tahun kedua dengan menampilkan pameran, seminar dan demonstrasi teknologi terkini, dengan kerjasama rakan strategik serta pembekal strategik ICT. Acara ini menyaksikan kehadiran dan sambutan meriah dari lebih 300 anggota pekerja JCorp dan syarikat dalam kumpulan.

**Dalam memperjuangkan Revolusi Industri 4.0, JCorp menyokong objektif Kerajaan Negeri untuk mengubah Johor ke arah ekonomi digital.**



#### **4. Lawatan ke Pusat Operasi Rangkaian (NOC) Telekom Malaysia**

Perkongsian antara JCorp dan Telekom Malaysia (TM) diperteguhkan lagi melalui lawatan pengurusan tertinggi ke Pusat Operasi Rangkaian TM di Cyberjaya. Lawatan yang diketuai oleh Dato' Kamaruzzaman Abu Kassim, Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, bagi menjayakan kolaborasi dalam penyediaan perkhidmatan Data Center Hub di samping menarik minat anggota delegasi terhadap keupayaan dan kemajuan TM dalam mengurus perkhidmatan serta memantau rangkaianya di seluruh negara.

## Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan

**5. Trend Micro Lab di Tokyo, Jepun**

Dalam memenuhi keperluan bisnes yang sentiasa berubah, JCorp berhasrat menuju ke Pusat Operasi Keselamatan (SOC) untuk syarikat kumpulan. SOC kendalian kumpulan profesional keselamatan siber terlatih, akan membolehkan JCorp menyediakan 24/7 pengurusan insiden, pemantauan serta sokongan jika berlaku insiden keselamatan.

Pada Oktober 2018, JCorp dan syarikat kumpulan telah melawat kemudahan SOC di Jepun. Lawatan ini memberi peluang kepada delegasi menilai proses dan teknologi di sana. Pemantauan keselamatan yang proaktif dan responsif adalah faktor penting bagi menguruskan insiden keselamatan. JCorp berhasrat memastikan kesediaan keselamatan siber Kumpulan standing amalan terbaik di dalam industri.

**PENCAPAIAN TRANSFORMASI DIGITAL**

**1. Sistem Pengurusan Tanah 3.0**

Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan beserta Jabatan Perkhidmatan Pengurusan Tanah telah bekerjasama dalam penambahbaikan Sistem Pengurusan Tanah 3.0 (LMS 3.0). Sistem yang baharu dibangunkan ini disepadukan dengan teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang merangkumi pendigitalan imej yang menambah ketepatan data dalam mengakses asset tanah berkaitan kepunyaan JCorp di seluruh Negeri Johor.





**2. Kesedaran Keselamatan Siber**

Kebanyakan syarikat melabur sejumlah wang dan sumber yang besar bagi mendapatkan teknologi terkini tetapi tidak banyak perhatian diberikan dalam melindungi anggota pekerja. Sebarang usaha keselamatan teknikal terbaik juga akan gagal jika syarikat mempunyai budaya keselamatan yang lemah. Natijahnya, insan dan bukan teknologi, menjadi titik paling lemah dalam keselamatan siber.

JCorp memahami pentingnya program kesedaran yang berterusan dalam memupuk amalan keselamatan yang baik dan meningkatkan budaya keselamatan di JCorp. Kempen simulasi ‘phishing’ juga dijalankan bagi mengukur kecendurungan pekerja terhadap taktik kejuruteraan sosial.

**3. Platform Analisis Data**

Pelan Induk 6 Tahun ICT JCorp memaparkan analisis data sebagai satu Pusat Kecemerlangan (COE) dalam teras strategik untuk membina keupayaan tenaga kerja profesional dan kompeten. Pada 2018, inisiatif ‘Big Data’ atau ‘Data Analytics’ dibangunkan bukan sahaja untuk menyediakan pengurusan JCorp dengan kemudahan lebih baik dalam membuat keputusan selain peluang menyediakan perkhidmatan berdasarkan data kepada bisnesnya dan memanfaatkan data yang merata-rata di seluruh organisasi serta maklumat yang diambil dari pada elbagai sumber di peringkat nasional mahupun global.

Penambahbaikan Dashboard Pengurusan dibangunkan pada 2017 telah membantu dalam proses membuat keputusan pada tahun 2018. Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan terus membangunkan platform analisis datanya melalui kerjasama dengan sektor penjagaan kesihatan dan makanan, ke arah memantapkan keupayaan divisyen dalam perkhidmatan dan Platform Analisis Data.

## Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan



**Divisyen Kemajuan ICT Kumpulan** terus membangunkan platform analisis datanya melalui kerjasama dengan sektor penjagaan kesihatan dan makanan, ke arah memantapkan keupayaan divisyen dalam perkhidmatan analisis data.

### 4. Penyatuan Pusat Data

Dalam mengoptimumkan platform teknologi secara menyeluruh, selaras dengan pelan tindakan ICT, Divisyen Kemajuan ICT melaksanakan penyatuan bilik-bilik server di JCorp di lokasi-lokasi berbeza di dalam Kumpulan. Inisiatif ini bertujuan mengatasi risiko single-point-of-failure beserta memastikan infrastruktur ICT digunakan sepenuhnya.

Pelan Pusat Data JCorp akan menempatkan pusat datanya dengan peluang untuk menyediakan perkhidmatan pusat data bukan sahaja kepada bisnes JCorp malah bisnes di pusat Bandaraya Johor Bahru dan sekitarnya.

### 5. Keselamatan dan Tadbir Urus Siber

Rangka Kerja Kawalan Bersepada JCorp menzahirkan kawalan keselamatan yang komprehensif mencakupi semua bidang di seluruh piawaian yang berbeza sehingga membolehkan organisasi memantau secara berkesan segala bentuk risiko dalam persekitaran IT. Ia diwujudkan sebagai asas kepada rangka kerja pematuhan dan tadbir urus ICT Kumpulan JCorp. Garis dasar diguna untuk membangunkan pelan mitigasi dan pelan tindakan keselamatan yang bertujuan memberi kesedaran mengenai keselamatan siber kepada semua pihak berkepentingan.



## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tahun 2018 menyaksikan Negara mengalami perubahan pucuk kepimpinan pemerintahan namun Johor Corporation (JCorp) tetap dengan amalan ketelusan tadbir urus korporatnya di dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnesnya. Sebagai sebuah Perbadanan Kerajaan Negeri Johor, JCorp adalah tertakluk kepada Undang-undang tubuhnya iaitu Enakmen Johor Corporation Bil.4 Tahun 1968 (Pindaan No.5 Tahun 1995), Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

Adalah menjadi dasar JCorp untuk memastikan organisasi dan syarikat-syarikat di dalam Kumpulannya mengamalkan prinsip-prinsip tadbir urus yang baik dengan sistem kawalan yang jelas selari dengan inisiatif Kerajaan. JCorp percaya tadbir urus yang baik akan memberi keyakinan kepada pihak-pihak berkepentingan terutamanya di kalangan pelabur, sekali gus menyumbang kepada kemajuan dan kemapanan organisasi.

### **LEMBAGA PENGARAH DAN JAWATANKUASA**

#### **LEMBAGA**

Bagi memastikan kelancaran operasi, memudahkan proses membuat keputusan dan pada masa sama memastikan kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh tiga jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah, Jemaah Lembaga Tawaran & Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding.



Lembaga Pengarah

Jawatankuasa Pelaburan  
Lembaga Pengarah (BIC)

Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes  
Lembaga Pengarah (BGBEC)

Jemaah Lembaga Tawaran &  
Jemaah Lembaga Pelantikan Perunding

Jawatankuasa Tadbir Urus &  
Ekosistem Bisnes Kumpulan (GGBEC)

### **LEMBAGA PENGARAH**

#### **Komposisi**

Seperi yang termaktub di dalam Enakmen Johor Corporation Bil.4 Tahun 1968 (Pindaan No.5 Tahun 1995), keanggotaan Lembaga Pengarah JCorp adalah terdiri daripada:

- i. Seorang Pengerusi yang memegang jawatan Menteri Besar Johor;
- ii. Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Raja;
- iii. Tiga orang wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor (memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri Johor);
- iv. Pengarah Perbadanan yang dilantik di bawah Seksyen 12 (dikenali sebagai Presiden & Ketua Eksekutif);
- v. Tiga orang wakil dari Kerajaan Persekutuan;
- vi. Tiga orang Pengarah Bebas yang dilantik oleh Raja yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam perkara-perkara berkenaan dengan bank, perkilangan, perumahan, perniagaan, kewangan, profesional atau pentadbiran.

Kesemua Lembaga Pengarah merupakan Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Pengarah Perbadanan yang juga dikenali sebagai Presiden & Ketua Eksekutif.

#### **Tugas dan Tanggungjawab**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi JCorp dengan menetapkan hala tuju dan objektif, memastikan JCorp memenuhi peranan utamanya iaitu sebagai peneraju pembangunan ekonomi Negeri Johor yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif, menerajui entiti bisnes komersial yang menguasai pasaran dan berdaya saing; dan juga menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat melalui pelaksanaan tanggungjawab korporatnya.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

Lembaga Pengarah menjadi pemangkin kepada amalan tadbir urus yang baik, mengawal selia operasi, prestasi kewangan dan bisnes, mengenal pasti risiko-risiko utama dan juga sistem kawalan dalaman JCorp.

### Kehadiran Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat untuk menganalisa prestasi terkini JCorp dan membincangkan perkara yang berkaitan dengan isu dasar dan strategik bisnes dalam JCorp dan syarikat Kumpulan. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima orang Ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang 2018, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak tiga kali.

No	Nama	Jawatan	Pengarah	Tarikh Mesyuarat			Tarikh Dilantik
			(Bebas/ Bukan Bebas)	BOD 181 5/3/2018	BOD 182 1/7/2018	BOD 183 7/10/2018	
1	YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin (Mantan)	Menteri Besar Johor / Pengerusi, Johor Corporation	Pengarah Bukan Bebas	/	(Perubahan di dalam struktur Kerajaan Negeri Johor)		5/5/2013 - 11/5/2018
	YAB Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian (Mantan)		Pengarah Bukan Bebas		/	/	
	YAB Dato' Dr Sahruddin Bin Haji Jamal		Pengarah Bukan Bebas		(Pelantikan Baharu)		
2	YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	Timbalan Pengerusi, Johor Corporation	Pengarah Bebas	X	/	/	1/11/2009
3	YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	1/12/2010
4	YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	1/1/2017
5	YB Dato' Ishak Bin Sahari	Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	1/1/2014
6	YB Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin	Pegawai Kewangan Negeri Johor	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	20/10/2017
7	YBhg Datuk Seri Dr Ismail Bin Haji Bakar	Ketua Setiausaha Negara	Pengarah Bukan Bebas	X	X	/	1/10/2017
8	YBhg Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	11/3/2013
9	YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	Pengarah Bukan Bebas	/	/	/	1/3/2016
10	YBhg Datuk Dr Hafsaah Binti Hashim	Lembaga Pengarah, Johor Corporation	Pengarah Bebas	/	/	/	1/12/2013
11	YBhg Datuk Seri Ibrahim Bin Ahmad	Lembaga Pengarah, Johor Corporation	Pengarah Bebas	/	/	/	1/9/2017
12	YB Datuk Dr Shahruddin Bin Md Salleh	Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan	Pengarah Bebas		/	/	15/6/2018
13	YB Datuk Haji Md Jais Bin Haji Sarday	Pengerusi Jawatankuasa Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Johor	Pengarah Bebas	/	(Peletakan jawatan berikut Pilhan Raya Umum ke-14)		1/9/2013 - 16/4/2018

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### JAWATANKUASA PENGURUSAN JOHOR CORPORATION

JCorp mendukung dan mengamalkan proses membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Presiden & Ketua Eksekutif pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa berkaitan. Berikut merupakan Jawatankuasa Pengurusan utama JCorp:

1

#### **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**

Komposisi Jawatankuasa ini adalah seramai 16 keanggotaan yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif JCorp. Peranan Jawatankuasa ini adalah membincang dan memutuskan isu strategik JCorp dan syarikat dalam Kumpulan. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap bulan.

2

#### **Jawatankuasa Teraju Korporat**

Komposisi Jawatankuasa ini adalah seramai 18 keanggotaan yang dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif JCorp. Peranan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap minggu.

3

#### **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**

Komposisi Jawatankuasa ini adalah seramai 23 keanggotaan (dari kalangan pengurusan JCorp) dan dipengerusikan oleh Naib Presiden. Jawatankuasa ini membincangkan perkara yang berkaitan operasi, kewangan dan memajukan cadangan yang signifikan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat untuk pertimbangan dan kelulusan lanjut. Jawatankuasa ini bermesyuarat setiap minggu.



#### **SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT**

Semua fungsi kesetiausahaannya dalam syarikat milik Johor Corporation diuruskan oleh Jabatan Kesetiausahaannya Syarikat Kumpulan. Fungsi jabatan ini disokong oleh barisan Setiausaha Syarikat berkelayakan dan ia bertanggungjawab dalam memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 2016, Bursa Malaysia serta Suruhanjaya Sekuriti, mana-mana yang bersesuaian. Ia juga bertanggungjawab memastikan Ahli Lembaga Pengarah Syarikat-Syarikat milik JCorp mematuhi polisi yang digariskan dan seterusnya mencapai objektif syarikat.

Di samping itu, Jabatan Kesetiausahaannya Syarikat Kumpulan bertanggungjawab menyelaras pelantikan Pengarah syarikat setiap tahun serta memastikan syarat-syarat pelantikan yang telah ditetapkan dipenuhi.

#### **TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JOHOR CORPORATION**

Terdapat empat entiti dalam Kumpulan JCorp yang tersenarai di Bursa Malaysia iaitu KPJ Healthcare Berhad, E.A Technique (M) Berhad, Al-Aqar Healthcare REIT dan Al-Salām REIT. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit masing-masing.

## Penyata Tadbir Urus Korporat

### **PENGUKUHAN INTEGRITI & TADBIR URUS JOHOR CORPORATION**

Bagi memperkuuhkan proses dalaman dan rangka kerja tadbir urus korporat JCorp di samping memantapkan lagi peranan sebagai sebuah institusi ekonomi Negeri Johor, beberapa inisiatif dan program telah dilaksanakan oleh Divisyen Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes iaitu:

- i. Mengadakan Latihan Pengurusan Kontrak yang bertujuan untuk memberi pemahaman mengenai prosedur kontrak, tanggungjawab pegawai-pegawai yang terlibat dengan kontrak, penggunaan borang yang betul dan tindakan bagi menangani isu-isu yang berkaitan dengan kontrak.
- ii. Mengadakan Program Kriteria Pemilihan Kontraktor/Konsultan yang bertujuan bagi mengenal pasti kriteria-kriteria penilaian dan pemilihan kontraktor serta tatacara pelaksanaan bagi mewujudkan pemilihan kontraktor yang lebih telus, terperinci dan seragam.
- iii. Mengadakan Bengkel *Integrity Risk Management* bagi mendapatkan input terkini berhubung langkah-langkah mitigasi dan intervensi yang harus dilaksanakan ke arah penginstitusian nilai-nilai teras integriti dan persiapan ke arah pensijilan *Anti-Bribery Management System (ABMS) ISO 37001:2016*.
- iv. Mengadakan Sidang Kemuncak Integriti & Tadbir Urus Negeri Johor bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai integriti kepada kemapanan organisasi, memantapkan tadbir urus serta membina dan memelihara hubungan baik antara JCorp dengan pemegang kepentingan terutamanya di Johor.
- v. Bekerjasama dengan *Malaysia Anti-Corruption Academy (MACA)* dalam melatih 23 anggota pekerjanya (termasuk syarikat di dalam kumpulan) menghadiri program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).
- vi. Mengadakan Bengkel Pelan Integriti JCorp 2019-2021 bagi memupuk budaya integriti selaras dengan Nilai Teras 2.0 JCorp.

JCorp akan terus merancang untuk memperkuuhkan proses dalamannya dengan mengadakan beberapa inisiatif lain seperti pelaksanaan *ISO 22301 - Business Resumption Management System (BRMS)* dan *ISO 37001 - Anti-Bribery Management System*.

Dalam usaha mempertingkatkan Integriti secara berterusan, JCorp telah melaksanakan polisi-polisi berikut:

1. Polisi Tiada Hadiah dan Keraian  
Mewujudkan budaya tidak menerima apa-apa hadiah atau keraian sebelum, semasa atau selepas menunaikan urusan rasmi dengan anggota pekerja.
2. Polisi *Whistleblowing*  
Bertujuan memudahkan anggota pekerja JCorp, kontraktor, pembekal, ejen atau mana-mana pihak luar untuk membuat pendedahan berkaitan kelakuan tidak wajar yang berlaku dalam pengetahuan mereka. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi perlindungan kepada pemberi maklumat yang membuat pendedahan mengenai kelakuan tidak wajar tersebut.

### **KETELUSAN**

#### **Ketelusan Dalam Proses Membuat Keputusan**

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan adalah satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberi pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Konvensyen Q, mereka yang menyumbangkan idea berasas dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada JCorp.

#### **Ketelusan Terhadap Rakan Niaga**

JCorp juga mempunyai saluran komunikasi untuk penyampaian maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban (sejak tahun 2010) yang digunakan oleh kontraktor dan pembekal yang mempunyai bisnes dengan JCorp. Kontraktor dan pembekal boleh menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

## Penyata Tadbir Urus Korporat



### **Ketelusan Terhadap Anggota Pekerja**

Borang Perakuan Peradaban Perkhidmatan telah diwujudkan oleh JC Corp bagi mengesan dan mencegah sebarang penyelewengan yang bertentangan dengan pegangan asas-asas nilai Islam dikalangan Anggota Pekerja. Ini adalah penting untuk memastikan Anggota Pekerja jujur dan amanah bagi menjamin kesinambungan kecemerlangan JC Corp.

Bagi memastikan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dapat dicapai berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan, semua anggota pekerja hendaklah memastikan segala keputusan, perancangan, strategi yang telah dipersetujui dilaksanakan dengan penuh dedikasi dan komited. Bagi menambahbaik pengukuran pencapaian KPI, bermula pada 2017, JC Corp telah menggunakan penilaian prestasi berdasarkan konsep ‘Balanced Scorecard (BSC)’ bagi memastikan tindakan dan sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai serta menepati objektif dan matlamat JC Corp demi kelangsungan bisnes yang mapan. Seterusnya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia - Strategik akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Mesyuarat Penilaian Prestasi.

### **AKAUNTABILITI DAN AUDIT**

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah menekankan ketepatan penyata kewangan yang dibentang supaya penilaian secara seimbang dapat dibuat

mengenai kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah pula membincangkan laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi-polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

### **Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman**

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang menggariskan skop, inisiatif, tugas dan tanggungjawab, ciri-ciri utama kawalan dalaman JC Corp bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 79.

### **Perhubungan Dengan Juruaudit**

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah boleh dirujuk di dalam Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah pada muka surat 82.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

**Pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh telah diwujudkan oleh Johor Corporation (JCorp) sejajar dengan amalan tadbir urus yang baik. JCorp sentiasa menambah baik sistem pengurusan risiko dan kawalan dalamannya dari semasa ke semasa dan kekal komited dalam mengurus risiko dan kawalan dalaman untuk mencapai visi, misi dan objektif strategiknya.**

### **Pengurusan Risiko**

Untuk mencapai visi, misi dan objektif secara berkesan, adalah penting bagi JCorp dan Kumpulan untuk memiliki keupayaan menguruskan risiko ke tahap yang boleh diterima bagi memberi jaminan kepada pihak berkepentingan yang lain. Pengurusan risiko yang berkesan akan meningkatkan keupayaan JCorp dan Kumpulan untuk bertindak balas terhadap persekitaran yang dinamik dan sekali gus membuat keputusan yang lebih baik.

Rangka kerja Pengurusan Risiko JCorp adalah berasaskan amalan terbaik Piawaian bagi Pengurusan Risiko Australia/New Zealand (AS/NZS 4360:2004); Jawatankuasa Organisasi Penaja Suruhanjaya Treachway (*Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission - COSO*) dalam Pengurusan Risiko Organisasi – Rangka kerja Bersepadu (2004); dan Organisasi Piawaian Antarabangsa – Prinsip dan Garis Panduan Pelaksanaan (ISO 31000:2018).

Berdasarkan kepada prinsip dan garis panduan pelaksanaan ISO 31000:2018, kitara lengkap proses pengurusan risiko melibatkan polisi, prosedur dan amalan yang sistematik seperti komunikasi dan konsultasi, mewujudkan konteks, mengenal pasti, menganalisa, menilai dan merawat risiko, pemantauan yang berterusan, mengkaji, merekod dan melaporkan risiko. Menerusi proses pengurusan risiko, JCorp dan Kumpulan dapat mengenal pasti ancaman risiko dengan lebih awal dan menyediakan strategi kawalan untuk membendung risiko di samping membantu dalam proses membuat keputusan.

### **Inisiatif Utama Pengurusan Risiko Yang Dilaksanakan Pada 2018**

Berikut adalah inisiatif utama yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan pada tahun 2018 iaitu:

**Mengkaji semula Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko selaras dengan ISO terkini, ISO31000:2018**

**Mengadakan latihan dalaman ISO 31000:2018 Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan Pelaksanaan**

**Ke arah pensijilan ISO 22301:2012 (BCMS) – Pembangunan Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Semula Perniagaan (*Business Resumption Management*)**

### **Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan ('GGBEC')**

Penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan telah diluluskan pada 28 Julai 2017, selaras dengan resolusi mesyuarat Jawatankuasa Audit ke-34. Jawatankuasa ini adalah untuk memperkuuhkan dan meningkatkan lagi pengurusan institusi, operasi dan ekosistem perniagaan JCorp dan Kumpulan.

### **Objektif Penubuhan GGBEC**

Menyokong fungsi Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah (BGBEC) sebagai institusi yang menjalankan tugas dan tanggungjawab berhubung semakan dan imbangian serta memangkin kelancaran pengurusan dan operasi JCorp dan Kumpulan.

## Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

### Terma Rujukan GGBEC

**Mengkaji dan membincangkan penemuan, kesimpulan dan cadangan berhubung dengan:**

- Aktiviti audit dalaman oleh Kumpulan JCorp serta mencadangkan tindakan yang seterusnya;
- Risiko utama yang dikenalpasti, kategori risiko, kesan dan mitigasi serta mencadangkan tindakan seterusnya;
- Peningkatan ke arah amalan tadbir urus korporat dan pengurusan projek yang lebih baik;
- Keperluan pengawal seliaan utama, dasar dan prosedur institusi.

**Menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urus niaga yang diketengahkan oleh Kumpulan JCorp.**

**Segala perkara yang dibincangkan dalam Jawatankuasa hendaklah dianggap sebagai sulit**

**Jawatankuasa akan menangani sebarang konflik kepentingan yang timbul**

**Prosedur mesyuarat:**

- Kekerapan - Suku Tahunan
- Penggerusi - Ketua Divisyen Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Johor Corporation
- Ahli Jawatankuasa - Ketua Tadbir Urus dalam Kumpulan JCorp (Perniagaan Teras)

Bagi tahun pelaporan berakhir 31 Disember 2018, GGBEC telah bermesyuarat sebanyak 3 kali iaitu pada bulan Mei, Julai dan November bagi membincangkan dengan lebih terperinci status dan laporan yang berkaitan dengan fungsi Tadbir Urus kumpulan meliputi audit dalaman, pengurusan risiko, pematuhan, integriti, pemantauan projek dan pagaudit teknikal.

### Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalam *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi harta tanah dan pengurusan sumber manusia.

### Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan *Balanced Scorecard (BSC)* dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

### Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang disediakan untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanan perkhidmatan yang optimum serta keputusan kewangan yang dirancangkan. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemah serta melindungi aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurankannya pada tahap yang wajar.

## Penyata Pengurusan Risiko Dan Kawalan Dalam

### **Penilaian Pelaburan**

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan bagi perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah sebelum dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.



### **Memantau Kawalan**

Keberkesanan sistem kawalan dalam kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh Jabatan Audit Dalaman Kumpulan (GIA). GIA menggunakan perancangan audit berdasarkan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko itu sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah dan memantau pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahanbaikan.

### **Audit Dalaman**

JCorp mempunyai fungsi audit dalaman yang dijalankan oleh Audit Dalaman Kumpulan (GIA) dan melapor terus kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah. GIA menerima laporan daripada Jabatan Audit Dalaman bahagian-bahagian untuk tujuan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan dan seterusnya untuk makluman kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah. GIA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

JCorp juga adalah ahli korporat di dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IIAM). Secara tidak langsung, GIA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerima piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan seperti kebebasan, kecekapan profesional, skop kerja, pelaksanaan kerja audit dan pengurusan aktiviti audit dalaman.

Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional dan cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka sentiasa relevan dan terkini, GIA juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya. Ini termasuk program Juruaudit Dalaman Bertauliah (*Certified Internal Auditor*). Terdapat seramai 11 orang juruaudit dalaman bertauliah yang berkhidmat dalam Kumpulan pada masa kini.

## LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS DAN EKOSISTEM BISNES LEMBAGA PENGARAH

### **Komposisi**

Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri Ibrahim Ahmad, Pengarah Bebas dan dianggotai oleh tiga ahli.

Yang Berhormat Dato' Haji A. Rahim Haji Nin adalah Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (JCorp) dan juga Pegawai Kewangan Negeri Johor. Puan Zainah Mustafa pula ialah Ahli Bebas Jawatankuasa dan merupakan Fellow Association of Chartered Certified Accountant (FCCA) United Kingdom.

Seorang lagi Ahli Bebas, Yang Berbahagia Tan Sri Abu Kassim Mohamed telah menamatkan perkhidmatan beliau berkuatkuasa 14 Mei 2018 setelah dilantik sebagai Ketua Pengarah di Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah, Jabatan Perdana Menteri. Oleh itu, terdapat kekosongan di Jawatankuasa ini.

### **Kehadiran Mesyuarat**

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Pada tahun 2018, Jawatankuasa telah mengadakan lapan kali mesyuarat (termasuk lima mesyuarat khas) sebagaimana berikut:

	<b>TARIKH MESYUARAT</b>							
	<b>26 FEB</b>	<b>20 APR</b>	<b>11 JUN</b>	<b>23 JUL</b>	<b>3 SEP</b>	<b>19 OKT</b>	<b>9 NOV</b>	<b>11 DIS</b>
	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)	(Mesy. Khas)
YBhg Datuk Seri Ibrahim Ahmad	/	/	/	/	/	/	/	/
YB Dato' Haji A. Rahim Haji Nin	/	/	/	-	-	/	/	/
Puan Zainah Mustafa	/	/	/	/	/	/	/	-
YBhg Tan Sri Abu Kassim Mohamed (menamatkan perkhidmatan pada 14 Mei 2018)	/	-	-	-	-	-	-	-

### **Tugas Dan Tanggungjawab**

Jawatankuasa Tadbir Urus dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah membincangkan perkara berkaitan:

#### **Audit Dalaman**

- Mengawasi proses audit dalaman di dalam JCorp dan syarikat dalam kumpulan;
- Meneliti dan mengesahkan perancangan tahunan audit dalaman JCorp dan syarikat dalam kumpulan;
- Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan jabatan audit dalaman JCorp dan jabatan audit dalaman bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahbaikan yang perlu diambil;

- Memastikan rangka kerja yang komprehensif untuk audit yang dinamik, tadbir urus dan pelaksanaan audit dalaman dan luaran; dan
- Memangkin kepada perhubungan yang baik antara fungsi audit dalaman dan audit luaran JCorp dengan pihak pengurusan dan operasi.

#### **Audit Luaran dan Penyata Kewangan**

- Menyemak penyata kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan ke atas:
  - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang lain;
  - Sebarang perubahan ke atas polisi dan amalan kewangan;

## Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus Dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah

- Pelarasian-pelarasian utama lanjutan dari kerja audit;
- Andaian ketekalan.
- Mengadakan pertemuan secara berasingan dengan juruaudit luar;
- Meneliti penemuan-penemuan oleh juruaudit luar dan maklumbalas oleh pengurusan;
- Membincangkan masalah atau pemerhatian yang timbul dari kerja-kerja sementara dan akhir audit;
- Mencadangkan untuk pertimbangan dan kelulusan ahli Lembaga Pengarah ke atas Penyata Kewangan JCorp.

### **Pengurusan Risiko**

- Memastikan proses pengurusan risiko adalah menyeluruh dan berterusan; dan
- Meneliti penemuan, kesimpulan dan cadangan penambahbaikan oleh Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan JCorp di samping membincangkan risiko utama yang dikenalpasti berdasarkan kategori risiko, kesan serta menilai tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

### **Pematuhan**

Memastikan pengurusan, operasi dan aktiviti perniagaan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan memenuhi keperluan perundangan yang berkaitan, polisi dan prosedur institusi.

### **Inspektorat**

Meneliti dan membincangkan penemuan, kesimpulan dan cadangan oleh Jabatan Inspektorat dan Pemantauan Projek Kumpulan JCorp serta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek.

### **Etika dan Integriti**

Mengawasi, meneliti dan memberi nasihat mengenai perkara berkaitan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urus niaga yang diketengahkan/ dibangkitkan oleh JCorp dan syarikat dalam kumpulan.

### **Pengurusan Kesinambungan Bisnes**

- Meneliti, membincangkan dan memberi nasihat pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp yang memberi tumpuan kepada:
  - Pelaksanaan Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat JCorp;
  - Pelaksanaan projek yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Inovasi Strategik dan Tanggungjawab Korporat JCorp dan aktiviti/inisiatif berkaitan;
  - Penciptaan ekosistem inovasi yang kondusif;
  - Kemampanan perniagaan; dan
  - Meneliti dan menilai keberhasilan pelaksanaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp.

### **Pelan Perancangan Strategik**

Sekiranya perlu, menyemak dan meneliti pelan perancangan strategik JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

### **Tanggungjawab Lain**

- Memangkin komitmen institusi kepada kawalan dalaman yang kuat dan berkesan;
- Penelitian dan pemantauan yang berterusan terhadap polisi berkaitan audit, pengurusan risiko, inspektorat dan pemantauan projek, etika dan integriti, dan pematuhan terhadap keperluan kawal selia, konflik kepentingan, dan pencegahan penipuan (*fraud*);
- Memantau dan meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan;
- Memastikan akses terhadap maklumat yang diperlukan adalah mencukupi untuk tujuan prestasi fungsi dalaman JCorp yang berkesan.

## Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus Dan Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah

### **Ringkasan Aktiviti**

Aktiviti yang dijalankan Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Lembaga Pengarah sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

Meneliti laporan mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus & Ekosistem Bisnes Kumpulan yang diadakan pada 14 Mei 2018, 19 Julai 2018 dan 2 November 2018

Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan 2018 dan 2019

Meneliti laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan oleh jabatan audit dalaman JCorp dan jabatan audit dalaman bahagian-bahagian serta mencadangkan tindakan penambahaikan yang perlu diambil

Membincangkan masalah dan perkara yang timbul ketika audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup

Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya

Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka

Meneliti penyempurnaan inisiatif strategik kesinambungan bisnes JCorp yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018 oleh Jabatan Pengurusan Kesinambungan Bisnes

Membincangkan penemuan pengawasan projek yang dilaporkan Jabatan Inspektorat dan Pemantauan Projek JCorp beserta cadangan penambahbaikan ke atas amalan tadbir urus serta pengurusan projek

Membincangkan mengenai Akta dan Garispanduan yang perlu dipatuhi JCorp dan syarikat dalam kumpulan serta laporan status pematuhan dan pelan mitigasi

Membincangkan risiko-risiko utama JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulan serta pelan mitigasi

Membincangkan penyempurnaan inisiatif dan aktiviti yang telah dijalankan Unit Integriti Kumpulan sepanjang 2018

Meneliti status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan



# PENYATA KEWANGAN

---



Sijil Ketua Audit Negara	86
Laporan Para Pengarah	90
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)	93
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation	94
Penyata Pendapatan Komprehensif	95
Penyata Kedudukan Kewangan	97
Penyata Perubahan Ekuiti	99
Penyata Aliran Tunai	102
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	105
Senarai Syarikat-syarikat Anak, Syarikat-syarikat Bersekutu dan Syarikat-syarikat Usahasama	270



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN JOHOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 90 hingga 293.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Johor dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Johor dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 18 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

#### **Hal-hal Lain**

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Perbadanan Johor telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Financial Reporting Standards* (MFRS) mulai 1 Januari 2018 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2017. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan 1 Januari 2017, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2018 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
28 MAC 2019



## LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018.

### **KEGIATAN UTAMA**

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, intrapreneur venture, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

### **KEPUTUSAN KEWANGAN**

	<b>Kumpulan RM Juta</b>	<b>Johor Corporation RM Juta</b>
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	253	173
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	(4)	-
 Keuntungan bersih selepas cukai	 249	 173
 Keuntungan dikaitkan kepada:		
Milikan Johor Corporation	99	173
Kepentingan bukan kawalan	150	-
 	 249	 173

### **RIZAB DAN PERUNTUKAN**

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

## Laporan Para Pengarah

### **LEMBAGA PENGARAH**

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan dalam tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

YAB Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian	(Dilantik menjadi Pengerusi pada 12 Mei 2018)
YAB Dato' Mohamed Khaled Bin Nordin	(Bersara pada 11 Mei 2018)
YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Timbalan Pengerusi)
YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Presiden & Ketua Eksekutif)
YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani	
YB Dato' Ishak Bin Sahari	
YB Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin	
YBhg Datuk Seri Dr Ismail Bin Haji Bakar	
YBhg Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	
YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	
YBhg Datuk Dr Hafsa Binti Hashim	
YBhg Datuk Ibrahim Bin Ahmad	
YBhg Datuk Dr Shahruddin Bin Md Salleh	(Dilantik pada 15 Jun 2018)
YB Datuk Haji Md Jais Bin Haji Sarday	(Bersara pada 16 April 2018)

### **IMBUHAN PENGARAH**

Maklumat mengenai imbuhan para Pengarah dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

### **MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN**

- (a) Sebelum Penyata Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
  - (i) untuk memastikan tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilai aset semasa seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilainya kepada satu aman yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
  - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
  - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
  - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

## Laporan Para Pengarah

### **MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amanah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
  - (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
  - (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN**  
**Pengerusi**



**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**  
**Presiden & Ketua Eksekutif**

Johor Bahru

28 MAC 2019

## PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION

Kami, Dato' Haji Osman Bin Haji Sapien dan Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

**DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIEN**  
**Pengerusi**

**DATO' KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**  
**Presiden & Ketua Eksekutif**

Johor Bahru

28 MAC 2019

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Mohamad Salleh Bin Mohamad Yusof, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Johor Bahru pada 28 MAC 2019



Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah

Lot K1 & K2 Podium 2  
Bangunan Ansar, 65 Jalan Trus  
80000 Johor Bahru  
Johor (Bersebelahan UTC)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2018	2017	2018	2017
<b>Operasi berterusan</b>					
Hasil	4	<b>5,616</b>	5,564	<b>419</b>	245
Kos jualan		<b>(3,894)</b>	(3,823)	<b>(121)</b>	(20)
Keuntungan kasar		<b>1,722</b>	1,741	<b>298</b>	225
<b>Lain-lain item pendapatan</b>					
Lain-lain pendapatan	5	<b>389</b>	490	<b>387</b>	173
<b>Lain-lain item perbelanjaan</b>					
Perbelanjaan pengedaran		<b>(54)</b>	(34)	<b>(1)</b>	(4)
Perbelanjaan pentadbiran		<b>(1,175)</b>	(1,226)	<b>(171)</b>	(128)
Lain-lain perbelanjaan	6	<b>(147)</b>	(58)	<b>(194)</b>	(51)
Kos kewangan	7	<b>(451)</b>	(432)	<b>(152)</b>	(122)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		<b>27</b>	14	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		<b>104</b>	88	-	-
<b>Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>	8	<b>415</b>	583	<b>167</b>	93
Cukai	11	<b>(162)</b>	(112)	<b>6</b>	1
<b>Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>		<b>253</b>	471	<b>173</b>	94
<b>Operasi yang dihentikan</b>					
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	<b>(4)</b>	(83)	-	-
<b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>		<b>249</b>	388	<b>173</b>	94

## Penyata Pendapatan Komprehensif

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	<b>Kumpulan 2018</b>	<b>2017</b>	<b>Johor Corporation 2018</b>	<b>2017</b>
<b>Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>				
Keuntungan bersih atas aset kewangan sedia untuk dijual	-	14	-	-
Pertukaran mata wang asing dari operasi asing	<b>46</b>	31	-	-
Sebarang susutnilai terkumpul harta prishatin pada tarikh penilaian semula ditolak dengan amaun dibawa kasar aset dan jumlah bersih dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Lebihan penilaian semula termasuk di dalam rizab penilaian semula aset adalah berkenaan dengan aset yang dipindahkan ke rizab hasil apabila dilupuskan.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan lain diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu dan susutnilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam amaun dibawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain akan diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

Tanah pajakan	15 - 904 tahun
Aset penghasil	20 tahun dari tahun matang
Bangunan	4 - 50 tahun
Harta prishatin	50 - 999 tahun
Loji dan jentera	3 - 25 tahun
Peralatan pejabat	5 - 15 tahun
Lekapan dan kelengkapan	2 - 20 tahun
Kenderaan bermotor	3 - 5 tahun
Pengubahsuaihan	10 tahun

Modal kerja dalam pelaksanaan yang dimasukkan ke dalam harta, loji dan kelengkapan tidak disusutnilai kerana aset tersebut masih belum digunakan. Semua perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit (belum matang) diklasifikasikan dibawah aset penghasil. Kos ini akan dilunaskan ke atas hayat berguna apabila mencapai kematangan. Tarikh kematangan untuk aset penghasil adalah pada satu tempoh masa iaitu apabila kawasan penanaman baru mencapai 48 bulan dari tarikh penanaman awal.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)**

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan disemak bagi rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan aset tersebut dinyahiktiraf.

#### **2.8 Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Selepas pengiktirafan awal, hartenah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urus niaga bagi hartenah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dengan sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartenah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya dinilai.

Hartenah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartenah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatkan penggunaan atau pelupusan hartenah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun kewangan penamatkan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartenah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartenah pelaburan kepada hartenah dihuni sendiri, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta dihuni sendiri kepada hartenah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dinyatakan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

#### **2.9 Aset biologi**

Aset biologi merangkumi ternakan, tumbuhan penghasil yang mengeluarkan hasil dan lain-lain aset biologi. Aset-aset biologi diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama tolak kos untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama ditentukan berdasarkan pada nilai semasa kaedah keluaran dijangkakan dan anggaran harga pasaran aset biologi.

Aset biologi dikategorikan sebagai aset semasa bagi tumbuhan penghasil yang dijangka akan dituai dan untuk ternakan yang dijangka akan dijual atau digunakan untuk pengeluaran pada tarikh tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Baki diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.10 Aset tidak zahir**

##### **(a) Muhibah**

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan menguji kerosotan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh perolehan, kepada setiap satu unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit penjanaan tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit penjanaan tunai tersebut mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan amaun dibawa bagi unit penjanaan tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan amaun boleh pulih bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada amaun dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosot nilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

##### **(b) Aset tidak zahir lain**

Aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos. Kos aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosotnilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan dirosotnilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas anggaran tempoh hayat berguna aset-aset seperti berikut:

Perbelanjaan pembangunan perisian	5 tahun
Lain-lain	1 - 2 tahun

Aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk rosotnilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai. Aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

Untung atau rugi daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.11 Rosotnilai asset-asset bukan kewangan**

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran amaun boleh pulih daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk dijual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah di mana terdapat aliran tunai Unit Penjanaan Tunai ("UPT") yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Dalam menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskauan pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika amaun dibawa sesuatu aset melebihi amaun boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan amaun dibawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan amaun dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan asas pro-rata.

#### **Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi**

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, amaun dibawa aset tersebut ditingkatkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susutnilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

#### **2.12 Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak**

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Bagi pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Di mana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan tersebut telah dinilai dan diambilkira dalam amaun diperolehi semula. Lihat dasar perakaunan dalam rosotnilai aset bukan-kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat anak di mana Johor Corporation tidak menjangkakan bayaran balik pada masa hadapan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan Johor Corporation dalam syarikat-syarikat anak.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama**

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam kewangan dan keputusan dasar operasi penerima pelaburan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Usahasama adalah pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang tersebut dalam pengaturan bersama mempunyai hak kawalan bersama ke atas aset bersih pengaturan bersama. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usahasama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama.

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam penerima pelaburan diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam amaun dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada amaun dibawa pelaburan dan sebaliknya termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau untung atau rugi usahasama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usahasama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh di mana penerima pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usahasama.

Di bawah kaedah ekuiti, pada permulaan pengiktirafan pelaburan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf pada kos, dan amaun dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usahasama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan urus niaga berkenaan menunjukkan bukti rosotnilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat bersekutu dan syarikat usahasama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan sejajar dengan dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan MFRS 9 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada adakah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan kerugian rosotnilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Apabila perlu, amaun dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk rosotnilai menurut MFRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tunggal, dengan membandingkan amaun yang boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos untuk dijual) dengan amaun yang dibawa. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf setakat mana amaun pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama dikira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan amaun dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Di mana indikasi rosotnilai wujud, amaun dibawa pelaburan akan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada amaun boleh diperolehi semula. Lihat dasar perakaunan rosotnilai aset bukan kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

**2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****2.14 Instrumen kewangan**

MFRS 9 menggantikan peruntukan MFRS 139 yang berkaitan dengan pengiktirafan, klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan, penyahiktirafan instrumen kewangan dan kerosotan nilai aset kewangan.

Penggunaan Instrumen Kewangan MFRS 9 dari 1 Januari 2018 mengakibatkan perubahan dalam dasar perakaunan dan pelarasannya kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih untuk menggunakan pengecualian terhad dalam MFRS 9 yang berkaitan dengan peralihan untuk klasifikasi dan pengukuran dan rosotnilai, dan tidak menjelaskan tempoh perbandingan pada tahun awal penggunaan. Kesannya:

- (a) sebarang pelarasannya untuk membawa amaun aset atau liabiliti kewangan diiktiraf pada permulaan tempoh pelaporan semasa, dengan perbezaan diiktiraf dalam baki awal perolehan tertahan
- (b) aset kewangan tidak dikelaskan semula dalam penyata kedudukan kewangan untuk tempoh perbandingan
- (c) peruntukan bagi kemerosotan nilai tidak dinyatakan semula dalam tempoh perbandingan

**Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran**

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018

## (I) Klasifikasi

Dari 1 Januari 2018, Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori pengukuran berikut:

- akan diukur kemudiannya pada nilai saksama (sama ada melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("OCI") atau melalui untung atau rugi), dan
- akan diukur pada kos yang dilunaskan

Klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset-aset kewangan dan terma-terma kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian akan direkod sama ada dalam untung atau rugi atau lain-lain pendapatan komprehensif. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Kumpulan dan Johor Corporation telah membuat pemilihan yang tidak boleh dibatalkan pada masa pengiktirafan awal untuk merekod pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI").

Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk mengurus aset tersebut berubah.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran (sambungan)**

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018 (sambungan)

(ii) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh di mana Kumpulan dan Johor Corporation komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Johor Corporation telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

(iii) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Johor Corporation mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam kes aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), kos urus niaga yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang dibawa pada FVTPL dibelanjakan dalam untung atau rugi.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap keseluruhanya apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah Semata-mata Pembayaran Prinsipal dan Faedah ("SPPI").

##### **Instrumen hutang**

Pengukuran seterusnya instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Johor Corporation untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori pengukuran yang mana Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

(a) Kos terlunas

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI diukur pada kos terlunas. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Sebarang untung atau rugi dan kerugian rosotnilai yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi dan dibentangkan dalam keuntungan/ (kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran (sambungan)**

Dasar perakaunan yang diguna pakai mulai 1 Januari 2018 (sambungan)

- (iii) Pengukuran (sambungan)

##### **Instrumen hutang (sambungan)**

- (b) Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam jumlah dibawa diambil melalui OCI, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosotnilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diiklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain dan perbelanjaan rosotnilai dibentangkan sebagai item berasingan dalam penyata untung atau rugi.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan.

- (c) Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Johor Corporation juga boleh menetapkan aset kewangan FVTPL secara tidak boleh batal jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang timbul pada aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi dan dibentangkan bersih dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam tempoh di mana ia timbul.

##### **Instrumen ekuiti**

Kumpulan dan Johor Corporation seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam OCI, tiada klasifikasi semula keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas untung atau rugi berikutan pengiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran dipastikan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran (sambungan)**

###### Dasar perakaunan yang digunakan sehingga 31 Disember 2017

###### (i) Klasifikasi

Sehingga 31 Disember 2017, Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori berikut:

- aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"),
- pembiayaan dan penghutang,
- pelaburan dipegang hingga matang, dan
- aset kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana pelaburan diperolehi. Pengurusan menentukan klasifikasi pelaburannya pada pengiktirafan awal dan, dalam kes aset yang diklasifikasi sebagai dipegang hingga matang, kedudukan ini dinilai semula pada akhir setiap tempoh pelaporan.

###### Aset kewangan Pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")

Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi jika ia diperoleh terutamanya untuk tujuan jual dalam jangka pendek, iaitu dipegang untuk dagangan. Ia dinyatakan sebagai aset semasa jika ia dijangka akan dijual dalam tempoh 12 bulan selepas berakhirnya tempoh pelaporan; jika tidak, ia dinyatakan sebagai aset bukan semasa.

###### Pembiayaan dan penghutang

Pembiayaan dan penghutang adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak tersiar harga dalam pasaran aktif. Jika kutipan jumlah dijangka dalam satu tahun atau kurang, ia diklasifikasikan sebagai aset semasa. Jika tidak, dinyatakan sebagai aset bukan semasa. Pembiayaan dan penghutang Kumpulan dan Johor Corporation terdiri daripada 'penghutang perdagangan dan lain-lain', 'baki tunai dan bank' dan 'pinjaman kepada syarikat-syarikat anak' dalam penyata kedudukan kewangan.

###### Aset kewangan dipegang hingga matang

Aset kewangan dipegang hingga matang adalah aset kewangan tersiar harga bukan derivatif dengan pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan kematangan tetap di mana pengurusan Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Sekiranya Kumpulan dan Johor Corporation menjual selain daripada jumlah aset kewangan dipegang hingga matang yang tidak ketara, keseluruhan kategori akan terkesan dan diklasifikasikan semula sebagai AFS. Aset kewangan dipegang hingga matang termasuk dalam aset bukan semasa, kecuali bagi yang mempunyai kematangan kurang daripada 12 bulan dari akhir tempoh pelaporan, yang diklasifikasikan sebagai aset semasa.

###### Aset kewangan tersedia untuk dijual ("AFS")

Aset kewangan AFS bukan derivatif yang sama ada ditetapkan dalam kategori ini atau tidak dikelaskan dalam mana-mana kategori lain. Ia termasuk dalam aset bukan semasa kecuali pelaburan matang atau pengurusan berhasrat untuk melupuskannya dalam tempoh 12 bulan dari tempoh akhir pelaporan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran (sambungan)**

Dasar perakaunan yang digunakan sehingga 31 Disember 2017 (sambungan)

(ii) Klasifikasi semula

Kumpulan dan Johor Corporation boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan perdagangan bukan derivatif daripada kategori perdagangan yang dipegang jika aset kewangan tidak lagi dipegang untuk tujuan menjualnya dalam jangka masa terdekat. Aset kewangan selain daripada pembiayaan dan penghutang dibenarkan untuk diklasifikasikan semula daripada kategori perdagangan yang dipegang hanya dalam keadaan yang jarang timbul daripada satu peristiwa yang luar biasa dan tidak mungkin berlaku dalam jangka masa terdekat. Di samping itu, Kumpulan dan Johor Corporation boleh memilih untuk mengklasifikasikan semula aset kewangan yang akan memenuhi definisi pembiayaan dan penghutang daripada yang dipegang untuk dagangan atau kategori AFS jika Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai niat dan keupayaan untuk memegang aset kewangan ini untuk masa hadapan atau sehingga matang pada tarikh klasifikasi semula.

Klasifikasi semula dibuat pada nilai saksama pada tarikh diklasifikasi semula. Nilai saksama menjadi kos baru atau kos terlunas yang bersesuaian, dan tiada pembalikan keuntungan atau kerugian nilai saksama yang direkodkan sebelum tarikh klasifikasi semula dibuat kemudiannya. Kadar faedah efektif bagi aset kewangan yang diklasifikasi semula kepada pembiayaan dan penghutang dan kategori dipegang hingga matang ditentukan pada tarikh klasifikasi semula. Peningkatan anggaran aliran tunai selanjutnya mengubah kadar faedah efektif secara prospektif.

(iii) Pengukuran seterusnya

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan penghutang dan pelaburan dipegang hingga matang dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif.

Aset kewangan AFS dan aset kewangan pada FVTPL kemudiannya dibawa pada nilai saksama.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL, termasuk kesan daripada terjemahan mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana perubahan tersebut timbul.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan AFS diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian rosotnilai (lihat dasar perakaunan dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas aset kewangan Nota 2.6(b))

Lihat Nota 2.24(h)(iii) bagi dasar perakaunan mengenai pengiktirafan pendapatan faedah dan Nota 2.24(h)(i) untuk pengiktirafan pendapatan dividen ke atas aset kewangan AFS.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan**

Dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2018

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan dirosotnilai.

- (i) Kemerosotan nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai secara berpandangan ke hadapan Kerugian Kredit Dijangka ("ECL") yang berkaitan dengan instrumen hutangnya yang dibawa pada kos terlunas dan pada FVOCI dan kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan. Metodologi rosotnilai yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai empat jenis instrumen kewangan yang tertakluk kepada model ECL:

- Penghutang perdagangan dan lain-lain
- Pinjaman kepada syarikat-syarikat anak
- Aset kontrak
- Kontrak jaminan kewangan

Walaupun tunai dan kesamaan tunai juga tertakluk kepada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian kemerosotan nilai yang dikenalpasti adalah tidak material.

ECL mewakili anggaran kebarangkalian wajaran perbezaan antara nilai semasa aliran tunai mengikut kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan oleh Kumpulan dan Johor Corporation, sepanjang baki hayat instrumen kewangan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL adalah perbezaan di antara pembayaran yang dijangkakan untuk membayar balik kepada pemegang instrumen hutang terjamin ditolak apa-apa jumlah yang Johor Corporation dijangka terima daripada pemegang, penghutang atau mana-mana pihak lain.

Pengukuran ECL menunjukkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

- (a) Pendekatan umum 3-peringkat untuk penghutang lain, pinjaman kepada syarikat-syarikat anak dan kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Johor Corporation mengukur ECL melalui elauan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL jika risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau kumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, elauan kerugian pada jumlah yang sama dengan jangka hayat ECL diperlukan.

Nota 24 menyatakan butiran ukuran ECL.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

- (i) Kemerosotan nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)
- (b) Pendekatan mudah untuk penghutang perdagangan dan aset kontrak.

Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan pendekatan mudah MFRS 9 untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL jangka hayat untuk semua penghutang perdagangan dan aset kontrak.

Nota 24 menyatakan butiran ukuran ECL.

##### Dasar perakaunan yang digunakan sehingga 31 Disember 2017

Pada tahun sebelumnya, Kumpulan menilai rosotnilai aset kewangan berdasarkan model kerugian yang ditanggung.

- (i) Rosotnilai aset kewangan

##### Aset dibawa pada kos terlunas

Kumpulan menaksir pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dirosotnilai. Aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan dirosotnilai dan kerugian kemerosotan hanya berlaku jika terdapat bukti objektif rosotnilai akibat daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan pasti.

Bukti rosotnilai mungkin termasuk petunjuk bahawa penghutang atau sekumpulan penghutang mengalami kesulitan kewangan yang ketara, kemungkiran atau kegagalan dalam pembayaran faedah atau prinsipal, kebarangkalian bahawa mereka akan mengalami kebangkrutan atau penyusunan semula kewangan lain, dan di mana data yang dapat dilihat menunjukkan bahawa terdapat pengukuran yang menurun dalam aliran tunai masa depan yang dianggarkan, seperti perubahan tunggakan atau keadaan ekonomi yang berkaitan dengan kegagalan.

Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa depan yang belum ditanggung) yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan jumlah kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi. Jika 'pembentukan dan penghutang' atau 'pelaburan dipegang hingga matang' mempunyai kadar faedah yang berubah-ubah, kadar diskauun untuk mengukur sebarang kerugian rosotnilai adalah kadar faedah efektif semasa yang ditentukan di bawah kontrak. Sebagai usaha yang praktikal, Kumpulan boleh mengukur rosotnilai berdasarkan nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran yang boleh dilihat.

Jika, dalam tempoh yang berikutnya, jumlah kerugian rosotnilai menurun dan penurunan boleh dikaitkan secara objektif kepada kejadian yang berlaku selepas rosotnilai diiktiraf (seperti penambahbaikan dalam kedudukan kredit penghutang), pembalikan kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila aset tidak dapat dikutip semula, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan yang berkaitan. Aset tersebut dihapuskan setelah semua prosedur yang diperlukan telah selesai dan amaun kerugian telah ditentukan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

- (i) Kemerosotan nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)

Dasar-dasar perakaunan yang digunakan sehingga 31 Disember 2017 (sambungan)

Aset yang diklasifikasi sebagai AFS

Kumpulan menilai pada akhir tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan dirosotnilai.

Bagi sekuriti hutang, Kumpulan menggunakan kriteria dan pengukuran kerugian rosotnilai yang dikenakan untuk 'aset yang dibawa pada kos terlunas' di atas. Sekiranya, dalam tempoh yang berikutnya, nilai saksama instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai AFS meningkat dan peningkatan boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosotnilai diterbalikkan melalui untung atau rugi.

Dasar-dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2018

- (ii) Peningkatan risiko kredit yang ketara

Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan kebarangkalian kemungkiran pada pengiktirafan awal ke atas aset dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang setiap tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, Kumpulan dan Johor Corporation membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset pada tarikh pelaporan dengan risiko kemungkinan pada tarikh pengiktirafan awal. Ia menganggap terdapat maklumat yang berpandangan ke hadapan yang boleh dipercayai dan boleh disokong.

Petunjuk berikut diambilkira:

- penarafan kredit dalaman
- penarafan kredit luar (setakat yang tersedia)
- perubahan negatif sebenar atau yang dijangkakan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka menyebabkan perubahan ketara kepada kebolehan penghutang untuk memenuhi kewajipannya
- perubahan sebenar atau jangkaan yang ketara dalam keputusan operasi penghutang
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain penghutang yang sama
- perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong kewajipan atau kualiti jaminan pihak ketiga atau peningkatan kredit
- perubahan ketara dalam prestasi dan kelakuan penghutang yang diharapkan, termasuk perubahan dalam status pembayaran penghutang dalam kumpulan dan perubahan dalam keputusan operasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Tanpa mengambil kira analisis di atas, kenaikan risiko kredit adalah dianggap ketara jika penghutang melebihi 90 hari dalam membuat pembayaran kontraktual.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

Dasar-dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2018 (sambungan)

- (iii) Definisi aset kewangan yang mungkir dan kredit terjejas

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan instrumen kewangan sebagai kemungkiran, selaras dengan definisi kredit terjejas, apabila memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan instrumen kewangan sebagai mungkir, apabila pihak satu lagi gagal membuat pembayaran kontrak dalam masa 90 hari apabila tiba masanya.

Kriteria kualitatif:

Penghutang memenuhi kriteria untuk tidak membayar, yang menunjukkan penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan perkara berikut:

- penghutang melanggar waad kewangan
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- ia menjadi kemungkinan bahawa penghutang akan memasuki kebankrutan atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak solven

Instrumen kewangan yang mengalami kredit terjejas dinilai secara individu.

- (iv) Pengumpulan instrumen untuk ECL diukur secara kolektif

- (a) Penilaian kolektif

Untuk mengukur ECL, penghutang dagangan dan aset kontrak yang timbul daripada minyak sawit, prishatin, harta tanah, industri, restoran khidmat cepat dan intrapreneur venture telah dikumpulkan berdasarkan ciri risiko kredit bersama. Aset kontrak berkaitan dengan kerja yang belum selesai dalam proses dan mempunyai ciri risiko yang sama dengan penghutang perdagangan untuk jenis kontrak yang sama. Oleh itu, Kumpulan dan Johor Corporation membuat kesimpulan bahawa jangkaan kadar kerugian bagi penghutang perdagangan adalah anggaran yang munasabah mengenai kadar kerugian bagi aset kontrak.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

Dasar-dasar perakaunan yang digunakan mulai 1 Januari 2018 (sambungan)

- (iv) Pengumpulan instrumen untuk ECL diukur secara kolektif (sambungan)

- (b) Penilaian individu

Penghutang perdagangan dan aset kontrak yang dalam keadaan mungkir atau mengalami kredit terjejas dinilai secara individu.

Pinjaman kepada anak-anak syarikat dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation dinilai atas dasar individu untuk pengukuran ECL, kerana maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau berdasarkan setiap pinjaman kepada anak syarikat.

- (v) Hapuskira

- (a) Penghutang perdagangan dan aset kontrak

Penghutang perdagangan dan aset kontrak dihapuskan apabila tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Petunjuk bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk, antara lain, kegagalan penghutang untuk terlibat dalam pelan pembayaran balik dengan Kumpulan dan Johor Corporation, dan kegagalan membuat pembayaran kontrak untuk tempoh yang lebih besar dari 365 hari tempoh masa.

Kerugian rosotnilai pada penghutang perdagangan dan aset kontrak dinyatakan sebagai kerugian rosotnilai bersih dalam keuntungan operasi. Perolehan selanjutnya amaun yang sebelum ini dihapuskan dikreditkan terhadap item baris yang sama.

- (b) Penghutang lain

Kumpulan dan Johor Corporation menghapuskan aset kewangan secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila ia telah melakukan semua usaha pemulihan praktikal dan telah membuat kesimpulan tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah. Penilaian tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah adalah berdasarkan ketidakupayaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi untuk membayar balik amaun tersebut. Kumpulan dan Johor Corporation boleh menghapuskan aset kewangan yang masih tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan.

- (c) Pinjaman kepada syarikat anak

Johor Corporation akan menghapuskan pinjaman kepada syarikat anak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila ia telah menghabiskan semua usaha pemulihan praktikal dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak ada harapan yang munasabah untuk pemulihan berdasarkan pada sumber pendapatan atau aset syarikat anak yang tidak dapat diperolehi untuk menghasilkan aliran tunai masa depan yang mencukupi untuk membaiki amaun tersebut. Johor Corporation boleh menghapuskan aset kewangan yang masih tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan terdiri daripada pembiayaan perdagangan dan lain-lain, pinjaman atau pembiayaan, amaun yang terhutang kepada syarikat-syarikat anak dan pihak berkaitan dan derivatif.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, ditambah, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung. Bagi pinjaman kepada syarikat-syarikat anak Johor Corporation, mereka diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara nilai tunai dan nilai saksama pada pengiktirafan awal, perbezaan tersebut akan diambilkira sebagai pelaburan tambahan dalam syarikat anak kerana ia mencerminkan kepentingan urus niaga.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kewangan yang efektif kecuali bagi derivatif dalam kedudukan kerugian yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktirafkan, dan melalui proses pelunasan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dalam untung atau rugi bersih. Keuntungan atau kerugian bersih pada derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, yang merupakan aset yang semestinya mengambil masa yang panjang untuk bersiap sedia untuk kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan, ditambah kepada kos aset tersebut, sehingga masa aset sedia untuk digunakan atau dijual.

Perbezaan pertukaran asing dipermodalkan setakat permodalan kos pinjaman berkaitan. Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Yuran yang dibayar atas penubuhan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga ada kemungkinan atau sebahagian daripada semua kemudahan tersebut akan ditarik balik. Dalam kes ini, bayaran ditangguhkan sehingga penarikan berlaku. Setakat tidak ada bukti bahawa ada kemungkinan atau sebahagian daripada semua kemudahan itu akan ditarik balik, yuran tersebut dipermodalkan sebagai pra-pembayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan yang berkaitan dengannya.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dimansuhkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan oleh yang lain dari pemberi pinjaman yang sama dengan ketetapan yang sangat ketara, atau syarat-syarat liabiliti sedia ada diubahsuai dengan ketara, pertukaran atau pengubahsuaiannya sedemikian dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

Dari 1 Januari 2018, apabila pinjaman yang diukur pada kos terlunas diubahsuai tanpa mengakibatkan penyahiktirafan, sebarang keuntungan atau kerugian, perbezaan di antara aliran tunai kontrak asal dan aliran tunai yang diubahsuai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal, akan diiktiraf dengan segera dalam untung atau rugi dalam kos kewangan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

### **2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.14 Instrumen kewangan (sambungan)**

##### **Liabiliti kewangan (sambungan)**

###### Kontrak jaminan kewangan

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Johor Corporation untuk membuat bayaran tertentu untuk membayar balik pemegangnya atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang yang dinyatakan gagal membuat pembayaran apabila tiba tempoh, selaras dengan syarat-syarat instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan dan liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan berdasarkan nilai semasa perbezaan aliran tunai antara bayaran kontrak yang diperlukan di bawah instrumen hutang dan pembayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk menunaikan kewajipan.

Elaun kerugian untuk amaun yang ter hutang daripada pihak berkaitan (bukan perdagangan) pada 31 Disember 2018 diselaraskan dengan pembukaan elaun kerugian bagi peruntukan seperti berikut:

<b>Johor Corporation</b>	<b>Berprestasi</b>	<b>Kurang berprestasi</b>	<b>Tidak berprestasi</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Pada 1 Januari 2018 sebelum dinyatakan semula - dikira di bawah FRS 139</b>	-	<b>107</b>	-	<b>107</b>
Amaun dinyatakan semula menerusi pembukaan perolehan tertahan (Nota 2.14)	-	<b>7</b>	-	<b>7</b>
<b>Pembukaan elaun kerugian pada 1 Januari 2018 - dikira di bawah MFRS 9</b>	-	<b>114</b>	-	<b>114</b>
Perubahan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun semasa	-	<b>(18)</b>	-	<b>(18)</b>
<b>Penutupan elaun kerugian pada 31 Disember 2018 - dikira di bawah MFRS 9</b>	-	<b>96</b>	-	<b>96</b>

#### **(e) Pengimbangan amaun ter hutang daripada pihak berkaitan**

	<b>Johor Corporation</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>
Amaun sebelum pengimbangan	<b>613</b>	456	
Pengimbangan (amaun ter hutang kepada syarikat-syarikat anak)	<b>(164)</b>	(190)	
Amaun selepas pengimbangan	<b>449</b>	266	

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**25. ASET DAN LIABILITI KONTRAK**

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula					
<b>Aset kontrak</b>						
<b>Semasa</b>						
Kontrak pembinaan	<b>41</b>	12	155	<b>35</b>	-	-
Projek pembangunan harta tanah	<b>47</b>	49	7	-	-	-
<b>Jumlah aset kontrak semasa</b>	<b>88</b>	61	162	<b>35</b>	-	-
<b>Jumlah aset kontrak</b>	<b>88</b>	61	162	<b>35</b>	-	-
<b>Liabiliti kontrak</b>						
<b>Semasa</b>						
Kontrak pembinaan	<b>5</b>	-	-	-	-	-
Projek pembangunan harta tanah	<b>3</b>	20	38	-	-	-
Deposit pelanggan	<b>61</b>	-	-	-	-	-
Lain-lain	<b>9</b>	-	-	-	-	-
<b>Jumlah liabiliti kontrak semasa</b>	<b>78</b>	20	38	-	-	-
<b>Jumlah kontrak liabiliti</b>	<b>78</b>	20	38	-	-	-

(i) Aset kontrak

	Kumpulan		Johor Corporation	
	31.12.2018	31.12.2017	31.12.2018	31.12.2017
<b>Pada 1 Januari</b>				
Pindahan daripada aset kontrak diiktiraf pada awal tempoh kewangan kepada penghutang	<b>61</b>	162	-	-
Pergerakan ketara lain	(26) <b>53</b>	(162) 61	<b>35</b>	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>88</b>	61	<b>35</b>	-

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **25. ASET DAN LIABILITI KONTRAK (SAMBUNGAN)**

- (i) Aset kontrak (sambungan)

#### **Pendedahan maksimum kepada risiko kredit**

Jadual berikut mengandungi satu analisis pendedahan risiko kredit aset kontrak yang mana elauan ECL diiktiraf dan amaun dibawa kasar juga mewakili pendedahan maksimum Kumpulan kepada risiko kredit:

<b>Kumpulan 31 Disember 2018</b>	<b>Semasa</b>	<b>Lebih daripada tempoh 30 hari</b>	<b>Lebih daripada tempoh 60 hari</b>	<b>Lebih daripada tempoh 90 hari</b>	<b>Jumlah</b>
		-	-	-	
Kadar kerugian yang dijangkakan	-	-	-	-	-
Amaun dibawa kasar - aset kontrak	<b>88</b>	-	-	-	<b>88</b>
Elaun kerugian	-	-	-	-	-
<b>Amaun dibawa (bersih selepas elauan kerugian)</b>	<b>88</b>	-	-	-	<b>88</b>

<b>Johor Corporation 31 Disember 2018</b>	<b>Semasa</b>	<b>Lebih daripada tempoh 30 hari</b>	<b>Lebih daripada tempoh 60 hari</b>	<b>Lebih daripada tempoh 90 hari</b>	<b>Jumlah</b>
		-	-	-	
Kadar kerugian yang dijangkakan	-	-	-	-	-
Amaun dibawa kasar - aset kontrak	<b>35</b>	-	-	-	<b>35</b>
Elaun kerugian	-	-	-	-	-
<b>Amaun dibawa (bersih selepas elauan kerugian)</b>	<b>35</b>	-	-	-	<b>35</b>

- (ii) Liabiliti kontrak

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
<b>Pada 1 Januari</b>	<b>20</b>	38	-	-
Hasil diiktiraf yang telah dimasukkan ke dalam baki liabiliti kontrak pada awal tempoh kewangan	(20)	(38)	-	-
Tunai diterima	<b>58</b>	-	-	-
Pergerakan ketara lain	<b>20</b>	20	-	-
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>78</b>	20	-	-

Aset kontrak terdiri daripada amaun yang belum dibil dari jualan harta tanah yang sedang dibangunkan apabila hasil diiktiraf melebihi jumlah yang telah dibil kepada pelanggan. Aset kontrak dipindahkan kepada penghutang apabila hak untuk faedah ekonomi menjadi tidak bersyarat.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **25. ASET DAN LIABILITI KONTRAK (SAMBUNGAN)**

#### (ii) Liabiliti kontrak (sambungan)

Liabiliti kontrak mewakili kewajipan Kumpulan untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan apabila pertimbangan telah diterima (atau amaun perlu dibayar) daripada pelanggan.

Kumpulan mengeluarkan bil kepada pembeli mengikut jadual pengeluaran bil yang ditetapkan dalam kontrak.

Semua liabiliti kontrak pada permulaan tempoh telah diiktiraf sepenuhnya sebagai hasil dalam tempoh kewangan masing-masing.

### **26. DERIVATIF INSTRUMEN KEWANGAN**

	<b>Kumpulan</b> <b>Amaun nosional</b>		
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>1.1.2017</b>
	<b>Dinyatakan semula</b>	<b>Dinyatakan semula</b>	
<b>Aliran tunai lindung nilai:</b>			
Amaun nosional			
Tukaran kadar faedah	<b>400</b>	455	210
	<b>400</b>	455	210
Nilai semasa			
Tukaran kadar faedah	<b>2</b>	2	-
	<b>2</b>	2	-

Kumpulan telah memeterai kontrak tukaran kadar faedah yang direka untuk menukar liabiliti kadar terapung kepada liabiliti kadar tetap untuk mengurangkan pendedahan Kumpulan terhadap turun naik yang negatif pada kadar faedah atas pinjaman.

Di bawah kontrak pertukaran kadar faedah, Kumpulan membayar kadar faedah tetap sebanyak 3.89% (31.12.2017: 4.18%, 1.1.2017: 4.18%) setahun dan menerima kadar berubah berdasarkan satu bulan KLIBOR pada amaun nosional yang dilunaskan.

Pertukaran kadar faedah di atas tidak ditetapkan sebagai aliran tunai atau nilai saksama lindung nilai dan dimasukkan untuk tempoh yang konsisten dengan pendedahan transaksi, sehingga tahun kewangan berakhir 2021.

### **27. BAKI TUNAI DAN BANK**

	<b>Kumpulan</b>			<b>Johor Corporation</b>		
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>1.1.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>1.1.2017</b>
		<b>Dinyatakan semula</b>	<b>Dinyatakan semula</b>		<b>Dinyatakan semula</b>	<b>Dinyatakan semula</b>
Tunai di bank dan di tangan	<b>834</b>	584	777	<b>27</b>	21	75
Simpanan tetap	<b>405</b>	293	485	<b>92</b>	9	2
Baki tunai dan bank	<b>1,239</b>	877	1,262	<b>119</b>	30	77

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **27. BAKI TUNAI DAN BANK (SAMBUNGAN)**

Termasuk dalam simpanan tetap adalah amaun berikut yang tertakluk kepada sekatan:

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan
	semula	semula	semula	semula	semula	semula
Dicagarkan dengan bank berlesen bagi kemudahan jaminan bank diberikan kepada syarikat-syarikat anak/pihak ketiga	<b>19</b>	19	61	-	-	-
Penggunaan terhad di bawah SUKUK	-	-	17	-	-	-
Penggunaan terhad di bawah Geran Kerajaan	-	-	19	-	-	19
Penggunaan terhad - lain-lain	<b>19</b>	26	-	-	-	-
	<b>38</b>	45	97	-	-	19

Profil mata wang tunai dan baki-baki bank adalah seperti berikut:

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan
	semula	semula	semula	semula	semula	semula
Ringgit Malaysia	<b>1,203</b>	845	1,201	<b>119</b>	30	77
Rupiah Indonesia	<b>15</b>	24	26	-	-	-
Dolar Australia	<b>21</b>	8	35	-	-	-
	<b>1,239</b>	877	1,262	<b>119</b>	30	77

Kadar faedah purata wajaran bagi deposit tetap yang berkuatkuasa pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan	Dinyatakan
	semula	semula	semula	semula	semula	semula
Deposit tetap	<b>3.34%</b>	3.64%	3.70%	<b>3.45%</b>	3.30%	3.40%

Deposit bagi Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai purata kematangan masing-masing selama 105 hari (31.12.2017: 50 hari, 1.1.2017: 50 hari) and 31 hari (31.12.2017: 30 hari, 1.1.2017: 30 hari).

Termasuk dalam baki tunai dan bank bagi Kumpulan adalah amaun RM30 juta (31.12.2017: RM87 juta, 1.1.2017: RM42 juta) yang mana penggunaannya adalah tertakluk kepada Peraturan Pemaju Perumahan 2002 (Akaun Pembangunan Perumahan).

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**28. PELUPUSAN ASET KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL / LIABILITI YANG BERKAITAN LANGSUNG DENGAN KUMPULAN PELUPUSAN YANG DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK DIJUAL**

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual:						
Harta, loji dan kelengkapan (Nota 28(a)(iii).(c))	<b>206</b>	230	148	<b>80</b>	82	-
Inventori (Nota 28(a)(ii)(iii))	<b>31</b>	67	-	<b>31</b>	29	-
Hartanah pelaburan (Nota 28(a)(ii) (iii),(c))	<b>440</b>	426	109	<b>91</b>	206	155
Instrumen ekuiti diklasifikasikan sebagai Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif (Nota 28(c))	<b>14</b>	18	70	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat anak (Note 28(b))	-	-	-	<b>43</b>	-	-
Lain-lain pelaburan	-	-	-	-	-	37
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 28a(iv).(c))	<b>75</b>	12	-	-	-	-
Baki tunai dan bank (Nota 28(c))	<b>22</b>	28	-	-	-	-
Aset cukai tertunda (Nota 28(c))	<b>2</b>	14	-	-	-	-
	<b>790</b>	795	327	<b>245</b>	317	192
Liabiliti yang berkaitan langsung dengan kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk dijual:						
Pembiayaan dan pinjaman (Nota 28(c))	<b>23</b>	34	-	-	-	-
Pembiutang perdagangan dan lain-lain (Nota 28(c))	<b>157</b>	156	-	-	-	-
Liabiliti cukai tertunda (Nota 28(c))	-	13	-	-	-	-
	<b>180</b>	203	-	-	-	-

Di bawah adalah pelupusan aset ketara Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual, yang mana dijangka akan selesai pada tahun 2019:

**(a) Hartanah pelaburan, harta, loji dan kelengkapan, inventori dan penghutang****Kumpulan dan Johor Corporation**

- (i) Pada 17 Mac 2017, Johor Corporation memeterai Perjanjian Jual Beli dengan Larkin Sentral Property Berhad ("LSPB") berhubung penjualan tanah dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM18.5 juta. Proses ini belum selesai dan dijangka siap pada 2019.
- (ii) Pada 2 April 2018, Kumpulan dan Johor Corporation memeterai Perjanjian Jual Beli dengan Ramuan Arif Sdn Bhd berhubung dengan penjualan hartanah pelaburan dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM117 juta.
- (iii) Pada 31 Julai 2018, Kumpulan dan Johor Corporation memeterai perjanjian pembangunan dengan Kerajaan Negeri untuk menyerahkan harta pelaburan tertentu, harta, loji dan kelengkapan dan inventori untuk projek pembangunan sebagai pertukaran dengan tanah yang berhampiran selepas penyiapan projek pembangunan Arena Larkin di bawah istilah "Serah Balik Kurnia Semula" ("SBKS").

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **28. PELUPUSAN ASET KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL / LIABILITI YANG BERKAITAN LANGSUNG DENGAN KUMPULAN PELUPUSAN YANG DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)**

Di bawah adalah pelupusan aset ketara Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual, yang mana dijangka akan selesai pada tahun 2019 (sambungan):

#### **(a) Hartanah pelaburan, harta, loji dan kelengkapan, inventori dan penghutang (sambungan)**

##### **Kumpulan dan Johor Corporation (sambungan)**

(iv) Damansara Pavilion akan dijual pada 2019 sebagai sebahagian pelan pencairan aset tertentu.

#### **(b) Pelaburan dalam syarikat anak**

Pada Tawaran Awam Awal ("IPO") yang akan berlaku pada tahun 2019, Business Chronicle Sdn Bhd ("BCSB") akan menebus saham utama yang dipegangnya dengan memberikan Saham QSR Brands (M) Holdings Bhd ("QSR") sebagai pertukaran dan Johor Corporation bersetuju untuk menjual kira-kira 5% saham kepada orang awam. Oleh itu, RM43 juta telah diklasifikasikan semula sebagai Aset Dipegang untuk Dijual.

#### **(c) Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd, Al'Aqar Australia Pty Ltd dan Medical Supplies (Sarawak) Sdn Bhd**

Berhubung pelupusan Jeta Gardens (Qld) Pty Ltd dan syarikat-syarikat anaknya, sehingga 31 Disember 2018, proses penjualan masih belum selesai dan pihak pengurusan mengesahkan bahawa pelupusan yang dirancang masih dalam proses dan dijangka selesai pada 2019.

Kumpulan pelupusan ini termasuk Medical Supplies (Sarawak) Sdn Bhd, kepada pihak ketiga yang telah dikenalpasti pada akhir tahun. Pihak-pihak yang terlibat sedang memuktamadkan terma dalam perjanjian penjualan saham.

Aset dan liabiliti dari kumpulan pelupusan ini adalah seperti berikut:

	<b>Kumpulan</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>
<b>Aset dipegang untuk jualan:</b>			
Harta, loji dan kelengkapan	<b>106</b>	103	
Hartanah pelaburan	<b>153</b>	153	
Instrumen ekuiti yang dikelaskan sebagai Nilai Saksama melalui Lain-Lain Pendapatan Komprehensif	<b>14</b>	18	
Penghutang perdagangan dan lain-lain	<b>19</b>	12	
Baki tunai dan bank	<b>22</b>	28	
Aset cukai tertunda	<b>2</b>	14	
	<b>316</b>	328	
<b>Liabiliti yang berkaitan dengan aset yang dipegang untuk dijual:</b>			
Pembiutang perdagangan dan lain-lain	<b>157</b>	156	
Pinjaman	<b>23</b>	34	
Liabiliti cukai tertunda	<b>-</b>	13	
	<b>180</b>	203	

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**28. PELUPUSAN ASET KUMPULAN DIKLASIFIKASIKAN SEBAGAI PEGANGAN UNTUK DIJUAL / LIABILITI YANG BERKAITAN LANGSUNG DENGAN KUMPULAN PELUPUSAN YANG DIKELASKAN SEBAGAI DIPEGANG UNTUK DIJUAL (SAMBUNGAN)**

Di bawah adalah pelupusan aset ketara Kumpulan diklassifikasikan sebagai pegangan untuk dijual, yang mana telah selesai pada tahun 2018:

**(a) Harta, loji dan kelengkapan****Kumpulan dan Johor Corporation**

Pada 10 November 2017, satu Perjanjian Jualan Kemudahan ("SFA") telah dimeterai di antara Johor Corporation ("penjual") dan DIALOG Terminal Sdn Bhd ("pembeli") berhubung dengan pelupusan kemudahan terminal tangki yang terdiri daripada peralatan, jentera dan aset untuk pengendalian, penyimpanan, pemisahan, pengadunan dan pengedaran petroleum melalui kapal dan produk berkaitan petroleum, produk petrokimia dan lain-lain produk kimia dan bahan-bahan lain untuk komponen pengadunan kira-kira 100,000 meter padu ("cbm") dalam kapasiti penyimpanan untuk pertimbangan jualan berjumlah RM91 juta.

**(b) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah****Johor Corporation**

Pada 1 Oktober 2017, Johor Corporation telah bersetuju untuk menjual tanah komersil berukuran 5.861 ekar kepada Johor Land Berhad ("JLand") untuk pembangunan projek B5 Johor Street Market dengan pertimbangan berjumlah RM38 juta.

**(c) Hartanah pelaburan, harta, loji dan kelengkapan dan kos pembangunan hartanah****Kumpulan**

Bandar Baru Majidee Sdn Bhd, syarikat anak JLand memeterai Perjanjian Hak Pembangunan Bersama, Perjanjian Tambahan dan Perjanjian Tambahan Kedua pada 23 November 2014, 7 April 2016 dan 14 Disember 2017, masing-masing untuk pertimbangan berjumlah RM130 juta jualan hak pembangunan harta, loji dan kelengkapan yang tertentu bersama dengan infrastruktur dan kemudahan yang lengkap.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula					
<b>Bukan semasa</b>						
Bercagar:						
Pajakan kewangan	<b>28</b>	37	27	-	-	-
Pembentangan berjangka	<b>1,672</b>	1,430	2,304	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	<b>230</b>	270	-	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>3,595</b>	2,562	3,350	<b>1,762</b>	2,562	2,556
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	<b>118</b>	116	121	-	-	-
Tidak bercagar:						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	900	900	-	-	-
Pembentangan berjangka	<b>897</b>	952	55	-	-	-
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	<b>102</b>	120	89	<b>46</b>	47	54
Saham Keutamaan Boleh Tebus	-	-	312	-	-	-
	<b>6,642</b>	6,387	7,158	<b>1,808</b>	2,609	2,610
<b>Semasa</b>						
Bercagar:						
Overdraf bank	<b>86</b>	99	95	-	-	-
Kredit pusingan	<b>356</b>	289	97	-	-	-
Terimaan bank	<b>5</b>	3	-	-	-	-
Pajakan kewangan	<b>16</b>	23	45	-	-	-
Pembentangan berjangka	<b>353</b>	390	525	-	-	-
Pembentangan penyambung	<b>97</b>	98	98	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	-	55	-	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>800</b>	574	413	<b>800</b>	-	400
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	<b>6</b>	-	-	-	-	-
Tidak bercagar:						
Overdraf bank	<b>43</b>	37	45	-	-	-
Kredit pusingan	<b>800</b>	599	702	-	-	-
Pembentangan berjangka	<b>49</b>	118	313	-	-	-
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	<b>24</b>	22	16	<b>7</b>	11	6
	<b>2,635</b>	2,307	2,349	<b>807</b>	11	406
Jumlah pembentangan dan pinjaman	<b>9,277</b>	8,694	9,507	<b>2,615</b>	2,620	3,016

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

Jadual di bawah meringkaskan terma-terma pembayaran balik pembiayaan dan pinjaman Kumpulan:

<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>Tahun matang</b>	<b>Nilai bawa</b>	<b>Kurang 1 tahun</b>	<b>Antara 1 - 2 tahun</b>	<b>Antara 2 - 5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>
<b>Bercagar:</b>						
Overdraft bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>86</b>	<b>86</b>	-	-	-
Kredit pusingan	<b>Semasa peralihan</b>	<b>356</b>	<b>356</b>	-	-	-
Terimaan bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>5</b>	<b>5</b>	-	-	-
Pajakan kewangan	<b>2018 - 2023</b>	<b>44</b>	<b>16</b>	<b>1</b>	<b>27</b>	-
Pembiayaan berjangka	<b>2018 - 2030</b>	<b>2,025</b>	<b>353</b>	<b>146</b>	<b>1,486</b>	<b>40</b>
Pembiayaan penyambung	<b>Atas permintaan</b>	<b>97</b>	<b>97</b>	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	<b>2018 - 2023</b>	<b>230</b>	-	-	<b>230</b>	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>2018 - 2024</b>	<b>4,395</b>	<b>800</b>	-	<b>3,145</b>	<b>450</b>
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	<b>2018 - 2041</b>	<b>124</b>	<b>6</b>	-	-	<b>118</b>
<b>Tidak bercagar:</b>						
Overdraft bank	<b>Atas permintaan</b>	<b>43</b>	<b>43</b>	-	-	-
Kredit pusingan	<b>Semasa peralihan</b>	<b>800</b>	<b>800</b>	-	-	-
Pembiayaan berjangka	<b>2018 - 2030</b>	<b>946</b>	<b>49</b>	<b>97</b>	<b>311</b>	<b>489</b>
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	<b>2018 - 2029</b>	<b>126</b>	<b>24</b>	<b>11</b>	<b>71</b>	<b>20</b>
<b>Jumlah</b>		<b>9,277</b>	<b>2,635</b>	<b>255</b>	<b>5,270</b>	<b>1,117</b>
<b>Pada 31 Disember 2017</b>						
<b>Bercagar:</b>						
Overdraft bank	Atas permintaan	99	99	-	-	-
Kredit pusingan	Semasa peralihan	289	289	-	-	-
Terimaan bank	Atas permintaan	3	3	-	-	-
Pajakan kewangan	2017 - 2022	60	23	11	26	-
Pembiayaan berjangka	2017 - 2030	1,820	390	159	743	528
Pembiayaan penyambung	Atas permintaan	98	98	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	2017 - 2023	325	55	250	-	20
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017 - 2022	3,136	574	800	1,762	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2017 - 2034	116	-	-	28	88
<b>Tidak bercagar:</b>						
Overdraft bank	Atas permintaan	37	37	-	-	-
Kredit pusingan	Semasa peralihan	599	599	-	-	-
Pembiayaan berjangka	2017 - 2030	1,070	118	107	292	553
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017 - 2022	900	-	-	900	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2017 - 2029	142	22	-	-	120
<b>Jumlah</b>		<b>8,694</b>	<b>2,307</b>	<b>1,327</b>	<b>3,751</b>	<b>1,309</b>

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

Jadual berikut adalah ringkasan terma-terma pembayaran balik bagi pembiayaan dan pinjaman Kumpulan (sambungan):

<b>Pada 1 Januari 2017</b>	<b>Tahun matang</b>	<b>Nilai dibawa</b>	<b>Kurang</b>	<b>Antara</b>	<b>Antara</b>	<b>Lebih</b>
			<b>1 tahun</b>	<b>1 - 2 tahun</b>	<b>2 - 5 tahun</b>	<b>5 tahun</b>
<b>Bercagar:</b>						
Overdraft bank	Atas permintaan	95	95	-	-	-
Kredit pusingan	Semasa peralihan	97	97	-	-	-
Pajakan kewangan	2016 - 2019	72	45	15	12	-
Pembiayaan berjangka	2016 - 2029	2,829	525	571	1,282	451
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017 - 2022	3,763	413	-	1,571	1,779
Pembiayaan penyambung	Atas permintaan	98	98	-	-	-
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016 - 2034	121	-	-	8	113
<b>Tidak bercagar:</b>						
Overdraft bank	Atas permintaan	45	45	-	-	-
Kredit pusingan	Semasa peralihan	702	702	-	-	-
Pembiayaan berjangka	2016 - 2019	368	313	55	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017 - 2022	900	-	-	-	900
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016 - 2022	105	16	-	-	89
Saham Keutamaan Boleh Tebus	2018	312	-	312	-	-
<b>Jumlah</b>		<b>9,507</b>	<b>2,349</b>	<b>953</b>	<b>2,873</b>	<b>3,332</b>

Jadual berikut adalah ringkasan terma-terma pembayaran balik bagi pembiayaan dan pinjaman Johor Corporation:

<b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>Tahun matang</b>	<b>Nilai dibawa</b>	<b>Kurang</b>	<b>Antara</b>	<b>Antara</b>	<b>Lebih</b>
			<b>1 tahun</b>	<b>1 - 2 tahun</b>	<b>2 - 5 tahun</b>	<b>5 tahun</b>
<b>Bercagar:</b>						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>2018 - 2022</b>	<b>2,562</b>	<b>800</b>	-	<b>1,762</b>	-
<b>Tidak bercagar:</b>						
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	<b>2018 - 2029</b>	<b>53</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>15</b>	<b>20</b>
<b>Jumlah</b>		<b>2,615</b>	<b>807</b>	<b>11</b>	<b>1,777</b>	<b>20</b>

### **Pada 31 Disember 2017**

<b>Bercagar:</b>						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	2,562	-	800	1,762	-
<b>Tidak bercagar:</b>						
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2017-2029	58	11	-	-	47
<b>Jumlah</b>		<b>2,620</b>	<b>11</b>	<b>800</b>	<b>1,762</b>	<b>47</b>

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

Jadual berikut adalah ringkasan terma-terma pembayaran balik bagi pembiayaan dan pinjaman Johor Corporation (sambungan):

<b>Pada 1 Januari 2017</b>	<b>Tahun matang</b>	<b>Nilai dibawa</b>	<b>Kurang 1 tahun</b>	<b>Antara 1-2 tahun</b>	<b>Antara 2-5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>
Bercagar:						
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	2017-2022	2,956	400	-	-	2,556
Tidak bercagar:						
Pembiayaan Kerajaan Persekutuan	2016-2029	60	6	-	-	54
Jumlah		3,016	406	-	-	2,610
				<b>31.12.2018</b>	<b>Kumpulan 31.12.2017 Dinyatakan semula</b>	<b>1.1.2017 Dinyatakan semula</b>
<b>Liabiliti pajakan kewangan</b>						
Pembayaran pajakan minima:						
Tidak melebihi dari 1 tahun	<b>17</b>		24		45	
Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	<b>1</b>		12		17	
Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	<b>28</b>		26		12	
Caj-caj kewangan masa hadapan ke atas pajakan kewangan	<b>46</b>		62		74	
	<b>(2)</b>		(2)		(2)	
Amaun dibawa liabiliti pajakan kewangan	<b>44</b>		60		72	
Bukan semasa	<b>28</b>		37		27	
Semasa	<b>16</b>		23		45	
Jumlah	<b>44</b>		60		72	

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
<b>Purata wajaran kadar faedah berkesan ke atas pinjaman pada tarikh laporan:</b>						
Overdraft bank	<b>7.48</b>	7.76	7.54	-	-	-
Kredit pusingan	<b>5.16</b>	5.10	3.28	-	-	-
Pembentangan berjangka	<b>6.15</b>	5.95	5.75	-	-	-
Pembentangan Kerajaan Persekutuan	<b>4.25</b>	4.19	3.42	<b>4.00</b>	4.00	4.83
Terimaan bank	<b>4.98</b>	4.70	2.48	-	-	-
Pembentangan penyambung	<b>7.75</b>	7.75	6.13	-	-	-
Pajakan kewangan	<b>4.18</b>	3.14	2.95	-	-	-
Sekuriti Hutang Cara Islam	<b>6.10</b>	1.75	-	-	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>4.80</b>	5.71	4.29	<b>3.67</b>	3.67	3.67
Saham Keutamaan Boleh Tebus	-	-	12.00	-	-	-

Pinjaman Kumpulan: Tempoh matang atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun	Melebihi 2 tahun	Melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
		dan tidak melebihi 2 tahun	dan tidak melebihi 5 tahun			
<b>Pada 31 Disember 2018</b>						
Tetap	<b>2,050</b>	11	<b>3,473</b>	<b>588</b>	<b>6,122</b>	
Terapung	<b>585</b>	<b>244</b>	<b>1,797</b>	<b>529</b>	<b>3,155</b>	
Jumlah	<b>2,635</b>	<b>255</b>	<b>5,270</b>	<b>1,117</b>	<b>9,277</b>	
<b>Pada 31 Disember 2017</b>						
Tetap	1,604	1,060	2,716	229	5,609	
Terapung	703	267	1,035	1,080	3,085	
Jumlah	2,307	1,327	3,751	1,309	8,694	
<b>Pada 1 Januari 2017</b>						
Tetap	919	392	2,468	2,165	5,944	
Terapung	1,430	561	405	1,167	3,563	
Jumlah	2,349	953	2,873	3,332	9,507	

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

Pinjaman Johor Corporation: Tempoh matang atau perletakan harga semula

	Tidak melebihi 1 tahun	Melebihi 1 tahun dan tidak melebihi 2 tahun	Melebihi 2 tahun dan tidak melebihi 5 tahun	Melebihi 5 tahun	Jumlah
<b>Pada 31 Disember 2018</b>					
Tetap	<b>807</b>	<b>11</b>	<b>1,777</b>	<b>20</b>	<b>2,615</b>
<b>Pada 31 Disember 2017</b>					
Tetap	11	800	1,762	47	2,620
<b>Pada 1 Januari 2017</b>					
Tetap	406	-	-	2,610	3,016

#### **Anggaran nilai saksama**

Melainkan sebagaimana didekahkan di bawah semua amaun dibawa pinjaman pada tarikh laporan hampir menyamai nilai saksama masing-masing:

	Kumpulan Amaun dibawa	Nilai saksama	Johor Corporation Amaun dibawa	Nilai saksama
<b>Pada 31 Disember 2018</b>				
Pembentukan berjangka - terapung	<b>2,971</b>	<b>2,785</b>	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	<b>4,395</b>	<b>4,169</b>	<b>2,562</b>	<b>2,600</b>
<b>Pada 31 Disember 2017</b>				
Pembentukan berjangka - terapung	2,891	3,174	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	4,036	3,853	2,562	2,600
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	258	255	58	58
<b>Pada 1 Januari 2017</b>				
Pembentukan berjangka - terapung	3,190	2,924	-	-
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	4,663	3,845	2,956	3,004
Pinjaman Kerajaan Persekutuan	226	222	60	60

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Penyesuaian liabiliti kewangan yang timbul daripada aktiviti kewangan**

Jadual di bawah memperincikan perubahan di dalam liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation yang timbul daripada aktiviti kewangan termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti yang timbul daripada aktiviti kewangan adalah daripada aliran tunai atau aliran tunai masa hadapan, yang diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Kumpulan dan Johor Corporation sebagai aliran tunai daripada aktiviti kewangan.

	Kumpulan		Johor Corporation			
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula					
<b>Pembentukan dan pinjaman</b>						
Pada 1 Januari	<b>8,694</b>	9,507	8,017	<b>2,620</b>	3,016	3,025
Perubahan tunai bersih (i)	<b>138</b>	(891)	1,016	<b>(157)</b>	(518)	(109)
Pertambahan faedah (Nota 7)	<b>451</b>	432	433	<b>152</b>	122	100
Lain-lain perubahan (ii)	<b>(6)</b>	(354)	41	-	-	-
Pada 31 Disember	<b>9,277</b>	8,694	9,507	<b>2,615</b>	2,620	3,016

(i) Perubahan pembentukan bersih menggambarkan amaun terimaan pembentukan bersih dan pembayaran balik pinjaman dalam penyata aliran tunai.

(ii) Lain-lain perubahan termasuk pembayaran kos transaksi.

#### **Waad-waad penting dan sekuriti**

##### **Johor Corporation**

###### **(a) Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")**

Pada 14 Jun 2012, Johor Corporation telah memeterai Program Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") berjumlah sehingga RM3 bilion, di bawah prinsip Syariah Wakalah Bil Istithmar bersama Maybank Investment Bank ("MIB") ("Agen Kemudahan") dan, MIB dan CIMB Investment Bank ("CIMB") ("Pengatur Utama Bersama"). NJSI telah diterbitkan dalam 3 siri seperti berikut:

Siri	Amaun prinsipal	Tempoh (tahun)	Kadar pulangan (% setahun)	Tarikh matang
Siri 1	400	5	3.48	14 Jun 2017
Siri 2	800	7	3.68	14 Jun 2019
Siri 3	1,800	10	3.84	14 Jun 2022
3,000				

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)****Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)****Johor Corporation (sambungan)****(a) Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") (sambungan)**

Kekerapan pengagihan jangkaan berkala ("Pembayaran Keuntungan") adalah pada setiap setengah tahunan atau apa-apa kekerapan tempoh lain yang dipersetujui antara Johor Corporation dan Agen Tempahan Bersama ("ATB") sebelum penerbitan setiap NJSI.

Kerajaan Persekutuan Malaysia ("KPM") telah bersetuju untuk menjamin (tidak boleh ditarik balik dan tidak bersyarat) obligasi pembayaran oleh Johor Corporation di bawah NJSI mengikut Akta Jaminan Pinjaman (Badan Korporat) 1965, yang tertakluk kepada amaun yang terjamin (nilai nominal NJSI dijamin oleh KPM yang tidak melebihi RM3 bilion secara agregat) untuk tempoh 11 tahun dari tarikh terbitan pertama NJSI.

Sebagai pertimbangan peruntukan jaminan oleh KPM, Johor Corporation menjadi sebuah badan korporat yang diisyihar oleh Menteri Kewangan selaras dengan Jaminan Pinjaman (Deklarasi Badan Korporat) (Johor Corporation) Perintah 2012 [P.U(A) 128/2012] telah bersetuju untuk membayar secara tahunan Yuran Jaminan sebanyak 0.01% untuk 5 tahun pertama dan 0.02% untuk tahun ke 6 dan seterusnya berdasarkan NJSI yang masih belum dijelaskan.

Selepas dari penerbitan, NJSI tidak boleh ditawarkan, dijual, dipindahkan atau dilupuskan sama ada secara langsung atau tidak langsung, mahupun apa-apa dokumen atau bahan lain yang mungkin berkaitan dengannya yang akan diedarkan di Malaysia, selain daripada kategori individu yang tergolong dalam Jadual 6 atau Seksyen 229(1)(b), Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan, 2007, sebagaimana yang dipinda dari masa ke masa.

NJSI tidak disenaraikan di Bursa Malaysia Securities Berhad atau mana-mana bursa saham lain.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan NJSI yang diterbitkan oleh Johor Corporation selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan NJSI menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

**(b) Pembiayaan Kerajaan Persekutuan**

Pada 17 Julai 2002, Johor Corporation telah memohon untuk menstruktur semula pinjaman Kerajaan Persekutuan (termasuk faedah tertunggak) kepada Kementerian Kewangan. Perjanjian bagi skim penstrukturan semula berjumlah RM58 juta telah dimuktamadkan pada 13 April 2017 dengan syarat-syarat berikut:

- (i) Tempoh pembayaran balik pinjaman disemak semula selama 15 tahun, bermula tahun 2015 dengan pembayaran balik separa tahunan pada 1 Jun dan 1 Disember;
- (ii) Kadar faedah sebanyak 4% setahun;
- (iii) Faedah bayaran lewat 2% setahun akan dikenakan jika pembayaran balik pinjaman tidak mematuhi jadual yang dipersetujui; dan
- (iv) Pengecualian ke atas faedah yang terakru sebelumnya berjumlah RM17 juta akan hanya diluluskan sekiranya pembayaran balik pinjaman mematuhi jadual yang dipersetujui. Sekiranya berlaku kegagalan mematuhi jadual pembayaran, maka faedah terakru tersebut hendaklah dibayar sekali gus pada 31 Disember 2030.

Tiada waad kewangan lain berkaitan dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

##### **Syarikat-syarikat anak**

###### **(a) Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")**

- (i) Kemudahan pembiayaan Islam

Sehubungan dengan kemudahan pinjaman berjangka yang telah diberikan kepada KMB dan syarikat-syarikat anaknya, waad-waad kewangan penting berikut telah dipersetujui:

1. nisbah jumlah pinjaman disatukan kepada dana pemegang saham yang disatukan tidak melebihi 1.25 kali pada setiap masa; dan
2. nisbah gearan KMB adalah di bawah 1.5 kali dan nisbah liputan khidmat kewangan adalah lebih 1.25 kali; dan
3. jumlah minima Nilai Bersih Nyata ("NBN") sebanyak RM600 juta atas asas yang tidak disatukan dan jumlah liabiliti kepada NBN atas asas yang tidak disatukan tidak melebihi 2.0 kali hingga 1.0 kali untuk syarikat anak, Kumpulan Mahamurni Plantations Sdn Bhd, dan mengekalkan NBN pada sekurang-kurangnya RM350 juta atas asas yang disatukan dan jumlah liabiliti kepada NBN atas asas yang disatukan tidak melebihi 1.5 kali hingga 1.0 kali untuk Kumpulan KMB.

Pinjaman tersebut dijamin dengan caj ke atas deposit tetap tertentu dan harta, loji dan kelengkapan, dan jaminan korporat dari KMB.

- (ii) Segmen minyak dan gas

1. Jumlah pembiayaan E.A. Technique (M) Berhad ("EAT") kepada nilai bersih nyata ("Nisbah gearan") tidak akan melebihi 3.0 kali pada setiap masa sebagaimana formula di bawah:

Jumlah Pembiayaan

Nilai Bersih Nyata + Subordinasi Pemegang Saham dan Pendahuluan Pengarah

2. Nisbah hutang ke atas ekuiti Kumpulan tidak akan melebihi 10.0 kali pada setiap masa.

###### **(b) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP")**

- (i) Sekuriti Hutang Cara Islam - Kredit Pusingan Tawarruqi

TLP telah diberikan Kemudahan Modal Kerja ("KMK") sehingga RM10 juta yang merupakan sebahagian daripada kemudahan pinjaman bersindiket berjumlah RM429 juta yang diberikan oleh konsortium bank pinjaman kepada sebuah syarikat berkaitan dan TLP. KMK adalah kemudahan kredit pusingan untuk tempoh 1 hingga 3 bulan dan tertakluk kepada semakan tahunan. Kemudahan ini tertakluk kepada kadar keuntungan Kos Dana Islam ("i-COF") ditambah 2.25% setahun. Amaun tertunggak dari kemudahan ini dijamin dengan asas 'pari passu' berkadar dengan jumlah tertunggak bagi kemudahan pinjaman bersindiket yang disebut terdahulu, dengan caj tetap dan terapung melalui debentur ke atas semua aset masa kini dan masa hadapan (tidak termasuk Dermaga 8 dan 9) syarikat dan penyerahan bahagian hasil TLP dengan penempatan deposit keselamatan.

Tiada baki tertunggak dari kemudahan itu pada akhir tahun kewangan sebelumnya.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

#### **Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

##### **(b) Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") (sambungan)**

- (ii) Pinjaman mudah dari Kerajaan Malaysia

Pada 13 Februari 2013, TLP telah diberi pinjaman mudah daripada Kerajaan Malaysia berjumlah RM111 juta untuk pembinaan Dermaga 8 dan Dermaga 9. Pinjaman mudah dikenakan faedah pada kadar 4% (2017: 4%) setahun dan mempunyai tempoh 20 tahun.

Pada 7 Disember 2018, TLP menerima surat daripada Kerajaan Malaysia yang mengubah tempoh dalam surat kelulusan bertarikh 11 Mei 2017. Kerajaan Malaysia akan mengenakan faedah pada kadar 2% setahun sehingga 2023. Selanjutnya, kadar faedah pinjaman mudah telah disemak semula kepada 4% setahun sehingga pembayaran penuh pinjaman mudah pada tahun 2041. Pinjaman mudah dibayar setiap setengah tahun pada 8 Mac dan 8 September.

Kemudahan pinjaman mudah dicagar oleh:

- (i) Surat Ikatan Penyerahan oleh Johor Corporation berkenaan dengan dua (2) plot Tanah Perdagangan kosong yang dikenal pasti sebagai Lot H dan Lot I keseluruhannya di dalam Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Johor dan dua puluh satu (21) plot tanah Perindustrian kosong;
- (ii) Caj undang-undang pertama pihak ketiga yang dikenakan ke atas Lot H dan Lot I apabila dokumen hakmilik individu diterbitkan;
- (iii) Caj tetap pertama dengan cara debentur berkenaan dengan Dermaga 8 dan 9;
- (iv) Penugasan semua kepentingan dan hak-hak dan pertuduhan berkenaan dengan Akaun Pinjaman Khas dan Jumlah Pengambilan Yang Dipilih;
- (v) "Letter of comfort" daripada Johor Corporation;
- (vi) Surat akuanji oleh TLP untuk menghantar semua hasil daripada operasi Dermaga 8 dan Dermaga 9 ke dalam Jumlah Kutipan Yang Ditetapkan;
- (vii) Surat subordinasi oleh Johor Corporation berkenaan dengan semua pendahuluan yang dibuat oleh Johor Corporation kepada TLP berjumlah RM5 juta sahaja; dan
- (viii) Surat ikrar negatif oleh TLP untuk tidak menanggung hutang dengan mana-mana institusi kewangan selain daripada yang dinyatakan sebelum tarikh Perjanjian Pinjaman oleh TLP kepada Kerajaan dan keberhutungan lain yang dibuat oleh TLP dalam keadaan perniagaan biasa.

Tiada waad kewangan khusus yang berkaitan dengan kemudahan pinjaman mudah selain berlaku kemungkiran, keseluruhan pembiayaan penyambung menjadi serta-merta terhutang dan perlu dibayar balik.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

#### **Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

##### **(c) JC Corp Capital Solutions Sdn Bhd ("JCSSB")**

Pembentangan penyambung

- (i) Pada 21 November 2013, JCSSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan baru, dengan bank berlesen untuk kemudahan dagangan margin sehingga jumlah agregat maksimum sebanyak RM26 juta, untuk membiayai sebahagian pembelian saham dan waran tersiar harga di KPJ. Kemudahan ini dijamin dengan 17.5 juta saham KPJ Healthcare Berhad ("KPJ") yang tersiar harga. Pada 21 Julai 2014, Perjanjian Kemudahan Dagangan Margin bertarikh 21 November 2013 dengan sebuah bank berlesen telah disemak semula dan meningkatkan jumlah agregat maksimum dari RM26 juta kepada RM99 juta untuk membiayai penukaran 23 juta unit waran KPJ ke saham baru KPJ dengan asas 1 untuk 1 pada harga penukaran sebanyak RM3.13 sesaham. Kemudahan ini dijamin dengan sekuriti yang sama.

Tiada waad kewangan khusus yang berkaitan dengan pinjaman penyambung diterbitkan oleh JCSSB selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman penyambung menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

- (ii) Pada 4 Mei 2017, JCSSB telah memeterai Kredit Berganti Jangka Pendek-i ("KBJP-i") dengan agregat maksimum sebanyak RM300 juta untuk membiayai semula Kemudahan Dagangan Margin di atas yang sedia ada dan/atau membiayai keperluan modal kerja umum JCSSB dan syarikat berkaitan. Kemudahan ini dijamin dengan saham KPJ dan/atau saham tersiar lain yang tersenarai di Bursa Saham Malaysia dan Surat Akur Maklum dari Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan KBJP-i yang diterbitkan oleh JCSSB selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman penyambung menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

##### **(d) Business Chronicles Sdn Bhd ("BCSB")**

Saham Keutamaan Boleh Tebus ("SKBT-i")

Dalam tahun 2017, Kumpulan memeterai perjanjian penyelesaian dengan baki pemegang saham SKBT-i yang tinggal. Jumlah pampasan adalah seperti berikut:

- (i) RM58 juta dimana RM28 juta yang telah dibayar dalam tahun 2017 dan RM2 juta telah dibayar sebagai dividen keutamaan dalam tahun sebelumnya. Baki RM22 juta (pada asas didiskaun) perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun akan datang dan direkodkan sebagai lain-lain pemutang (Nota 30b(iii));
- (ii) RM182 juta terhutang (pada asas didiskaun) perlu dibayar dalam tempoh 5 tahun akan datang dan direkodkan sebagai lain-lain pemutang (Nota 30b(ii)).

Baki faedah terakru bersama-sama baki pinjaman berjumlah RM92 juta telah dibalikkan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun semasa.

##### **(e) Efinite Structure Sdn Bhd ("ESSB")**

Sukuk Ijarah, pembentangan berjangka cara Islam

Selaras dengan Program Rasionalisasi Aset ("Program") yang melibatkan ESSB, Johor Corporation, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") dan Johor City Development Sdn Bhd ("JCD"), ESSB telah memeterai Perjanjian Kemudahan Sukuk Ijarah dan Perjanjian Kemudahan Induk Tawarruq pada tahun 2013 untuk mendapatkan Sukuk Ijarah dan pembentangan berjangka cara Islam berjumlah RM353 juta.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

#### **Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

##### **(e) Efinitive Structure Sdn Bhd ("ESSB") (sambungan)**

Sepanjang tahun kewangan, ESSB telah membiayai semula pinjaman yang sedia ada sepenuhnya dengan memeterai Kemudahan Pembiayaan Cara Islam Bersindiket ("KPCIB") berjumlah sehingga RM325 juta. KPCIB dicagarkan terhadap aset tertentu Johor Corporation dan TLP dan Surat Akur Maklum daripada Johor Corporation.

ESSB akan mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("NPPK") tidak kurang daripada 1.25 kali pada setiap masa dan Nisbah Perlindungan Keselamatan tidak kurang daripada 1.5 kali.

##### **(f) KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")**

Pinjaman berjangka - patuh Syariah

Pinjaman berjangka berjumlah RM428 juta dijamin atas harta tanah pelaburan tertentu. Pinjaman lain dijamin dengan aset tertentu KPJ.

KPJ harus mematuhi waad-waad penting yang berikut:

- (i) Nisbah penggearan tidak melebihi 1.5 kali (Nota Jangka Sederhana Islam);
- (ii) Nisbah penggearan perlu melebihi 1.25 kali (Kredit Pusingan);
- (iii) Nisbah semasa perkhidmatan hutang tidak melebihi 2.0 kali;
- (iv) Nisbah EBIT/Faedah diturunkan kepada bawah 3.0 kali;
- (v) Dividen syarikat anak diisyiharkan atau dibayar tidak melebihi lima puluh peratus (50%) daripada keuntungan selepas cukai;
- (vi) Nisbah semasa perkhidmatan hutang syarikat anak tidak melebihi 4.0 kali;
- (vii) Nisbah penggearan syarikat anak tidak melebihi 1.5 kali;
- (viii) Nisbah penggearan syarikat anak perlu melebihi 1.5 kali; dan
- (ix) Nisbah penggearan syarikat anak perlu melebihi 2.5 kali.

##### **(g) TPM Technopark Sdn Bhd ("TPM")**

Pembiayaan berjangka Islam, kemudahan kredit pusingan

- (i) Kemudahan-i Kredit Pusingan ("KKP-i") berjumlah RM20 juta di bawah Perjanjian Kemudahan Bai'lnah dijamin oleh Perjanjian Hak Pembangunan ("PHK") yang berkaitan.
- (ii) Pembiayaan berjangka Islam dan kemudahan kredit pusingan berjumlah RM123 juta dijamin dengan aset tertentu dan Surat Akur Maklum daripada Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pembiayaan berjangka Islam dan KKP-i yang dikeluarkan oleh TPM selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pembiayaan berjangka Islam dan KKP-i menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

##### **(h) BDO Assets Management Sdn Bhd ("BDO")**

Pembiayaan Jangka Panjang Komoditi Murabahah-I ("PJPKM-i") berjumlah RM245 juta dicagarkan atas saham dan aset tertentu.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan PJPKM-i yang dikeluarkan oleh BDO selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan PJPKM-i serta merta menjadi terhutang dan perlu dibayar balik.

Pada tahun kewangan semasa, BDO bersetuju untuk menerima kemudahan pembiayaan dari institusi kewangan tempatan lain berhubung dengan penyusunan semula kemudahan pembiayaannya yang menanggung kadar faedah 6.20% setahun dengan terma dan syarat baru seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran bertarikh 9 November 2018.

Terma dan syarat baru adalah seperti mana yang dinyatakan di bawah:

- (i) Surat ikatan tugas (Pihak Ketiga) atas Perjanjian Jual Beli ("SPA") bertarikh 10 Mei 2013 berhubung dengan harta tertentu milik syarikat anak Johor Corporation;
- (ii) Cagaran semua saham yang dipegang oleh BDO dalam syarikat berkaitan;
- (iii) Tuntutan guaman pertama pihak ketiga ke atas harta tertentu milik syarikat anak Johor Corporation dengan Nilai Pasaran Terbuka ("NPT") tidak kurang daripada RM153.0 juta setelah pelupusan;
- (iv) Tuntutan guaman pertama pihak ketiga atas Unit Amanah Pelaburan Harta Tanah ("REIT") yang dipegang oleh syarikat-syarikat berkaitan dan Surat Ikatan Penyerahan ke atas penjualan bersih unit-unit tersebut;
- (v) Caj ke atas Akaun Rizab Khidmat Kewangan ("FSRA") dan Akaun Dana Terapung ("ADT") BDO; dan
- (vi) Perjanjian Put Option oleh syarikat berkaitan untuk memenuhi sebarang kewajipan berkaitan pinjaman.

##### **(i) Al-Aqar Capital Sdn Bhd ("AACSB")**

#### Sukuk Ijarah

Pada tahun 2013, AACSB telah mengambil kemudahan pembiayaan cara Islam yang merangkumi Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") yang bernilai nominal RM1 bilion dan menerbitkan nilai nominal NJSI berjumlah RM655 juta. Pada 20 Julai 2017, AACSB telah membuat sebahagian penebusan awal berjumlah RM80 juta. Baki program Sukuk Ijarah berjumlah RM575 juta akan matang pada Mei 2018.

Pada 4 Mei 2018, AACSB menebus NJSI tertunggak sebanyak RM575 juta di dalam nilai nominal Terbitan 1 bersama dengan baki faedah belum dibayar pada tempoh matang dan membiayai semula NJSI melalui penerbitan NJSI bernilai RM575 juta di dalam nilai nominal ("Terbitan 2").

Pada 20 Disember 2018, AACSB mengkadarkan semula NJSI Kelas C yang belum dikadarkan berjumlah RM112 juta dalam nilai nominal Terbitan 2. Perlaksanaan pengkadaran semula telah membawa kepada penebusan awal NJSI Kelas C Terbitan 2 dan penerbitan tambahan NJSI berkadar Kelas A bernilai RM75 juta dalam nilai nominal Terbitan 2 dan NJSI berkadar Kelas B berjumlah RM37 juta dalam nilai nominal Terbitan 2.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **Waad-waad penting dan sekuriti (sambungan)**

#### **Syarikat-syarikat anak (sambungan)**

##### **(i) Al-Aqar Capital Sdn Bhd ("AACSB") (sambungan)**

Kemudahan pembiayaan dijamin dengan hartaanah pelaburan berjumlah RM1.24 bilion (2017: RM1.20 bilion).

AACSB harus mengekalkan dan mewujudkan Akaun Rizab Khidmat Kewangan ("FSRA") yang bersamaan dengan bayaran berkala 6 bulan yang perlu dibayar di bawah Sukuk Ijarah yang berkaitan (pembayaran 12 bulan selepas berlakunya Peristiwa Pemacu yang ditakrifkan di bawah Surat Ikatan Amanah Sukuk Ijarah bertarikh 29 April 2013). Dana di FSRA mungkin dilaburkan dalam pelaburan yang dibenarkan tetapi tidak tersedia untuk penggunaan umum.

AACSB perlu pada setiap masa mengekalkan dan/atau menyebabkan untuk mengekalkan Nisbah Perlindungan Perkhidmatan Kewangan ("NPPK"):

- (i) NPPK pada tahap AACSB tidak kurang daripada 1.5 kali;
- (ii) NPPK pada tahap Al-Aqar Healthcare REIT tidak kurang daripada 1.5 kali;
- (iii) waad-waad kewangan yang lain boleh ditentukan oleh RAM Rating Services Berhad ("RAM") dan turut dipersetujui oleh AACSB.

##### **(j) Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")**

Pinjaman berjangka yang berjumlah RM391 juta ini dijamin dengan caj undang-undang ke atas hartaanah pelaburan tertentu milik DASB dan pembahagian saham.

Pada 24 Ogos 2018, sebuah syarikat anak milik DASB, ALSREIT Capital Sdn Bhd ("ALSREIT") telah menuahkan Program Sukuk Ijarah yang terdiri daripada Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI") sehingga nilai nominal RM1.5 bilion dan menerbitkan RM163 juta dalam nilai nominal NJSI ("Terbitan 1") dengan kos transaksi sebanyak RM3 juta.

Kemudahan Pembiayaan Islam dijamin terhadap hartaanah pelaburan tertentu.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman berjangka dan NJSI yang dikeluarkan oleh DASB dan ALSREIT selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman berjangka menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

##### **(k) JC Corp Capital Excellence Sdn Bhd ("JCE")**

JCE telah diberikan RM150 juta Pembiayaan Jangka Panjang Komoditi Murabahah ("PJPKM-i") yang mana dicagar oleh tanah kosong yang dimiliki oleh Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman berjangka menjadi serta merta terhutang dan perlu dibayar balik.

##### **(l) Johor Land Berhad ("JLand")**

Pinjaman kerajaan

Pinjaman ini diterima daripada Kerajaan Negeri Johor untuk tujuan membiayai pembinaan rumah mampu milik. Pinjaman tersebut adalah tidak bercagar, bebas faedah dan dibayar melalui lima ansuran dalam tempoh 5 tahun.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **29. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

#### **(I) Johor Land Berhad ("JLand") (sambungan)**

Pinjaman jangka panjang syarikat anak JLand sebanyak RM189 juta dijamin dengan sebidang tanah yang didaftarkan di bawah nama Johor Corporation.

Tiada waad kewangan tertentu berkaitan dengan pinjaman selain daripada kegagalan membayar, maka keseluruhan pinjaman berjangka menjadi serta merta ter hutang dan perlu dibayar balik.

### **30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN**

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	
<b>Semasa</b>						
Pemiutang perdagangan	<b>581</b>	769	809	<b>24</b>	28	13
Akruan perdagangan	<b>424</b>	275	185	<b>2</b>	2	3
Lain-lain pemiutang	<b>654</b>	712	630	<b>247</b>	218	282
Peruntukan kerugian boleh jangka	-	130	-	-	-	-
Amaun ter hutang kepada syarikat bersama	<b>1</b>	4	-	-	-	-
Amaun ter hutang kepada kepentingan bukan kawalan syarikat anak	<b>120</b>	125	15	-	-	-
Amaun ter hutang kepada syarikat-syarikat anak	-	-	-	<b>118</b>	810	618
Penyelesaian timbang tara	<b>8</b>	7	10	-	-	-
	<b>1,788</b>	2,022	1,649	<b>391</b>	1,058	916
<b>Bukan semasa</b>						
Amaun ter hutang kepada syarikat anak	-	-	-	<b>789</b>	295	368
Penyelesaian timbang tara	<b>60</b>	67	82	-	-	-
Lain-lain pemiutang	<b>379</b>	204	5	<b>311</b>	83	-
	<b>439</b>	271	87	<b>1,100</b>	378	368
Jumlah	<b>2,227</b>	2,293	1,736	<b>1,491</b>	1,436	1,284

#### **(a) Pemiutang perdagangan dan akruan perdagangan**

Amaun ini adalah tanpa faedah. Pemiutang perdagangan dan akruan perdagangan biasanya diselesaikan dalam jangka masa 60 hari (31.12.2017: 60 hari, 1.1.2017: 60 hari).

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)****(b) Lain-lain pemiutang**

Amaun ini adalah tanpa faedah dan biasanya diselesaikan dalam jangka masa purata enam bulan (31.12.2017: purata enam bulan, 1.1.2017: purata enam bulan). Termasuk di dalam lain-lain pemiutang (bukan semasa) adalah:

- (i) amaun berjumlah RM83 juta untuk pengambilalihan tanah tambahan yang perlu dibayar pada tahun 2020;
- (ii) amaun yang akan dibayar kepada Kerajaan Negeri Johor dan Tabung Amanah Warisan Johor berjumlah RM66 juta (31.12.2017: RM182 juta, 1.1.2017: RM tiada) untuk 4 tahun (2017: 5 tahun) akan datang pada kadar didiskaun iaitu 6.60% (31.12.2017: 6.60%, 1.1.2017: tiada);
- (iii) amaun perlu dibayar kepada pemegang saham SKBT-i yang berjumlah RM22 juta (31.12.2017: RM22 juta, 1.1.2017: RM tiada) untuk 4 tahun (2017: 5 tahun) akan datang didiskaun pada kadar 6.60% (31.12.2017: 6.60%, 1.1.2017: tiada); dan
- (iv) pinjaman RM200 juta (prinsipal) daripada pihak berkaitan yang perlu dibayar sepenuhnya pada tahun 2021, tidak bercagar, dengan kadar dikenakan pada kadar faedah efektif 11% setahun.

**(c) Amaun terhadang kepada syarikat-syarikat sekutu dan kepentingan bukan kawalan syarikat-syarikat anak**

Amaun-amaun ini tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan.

**(d) Amaun terhadang kepada syarikat-syarikat anak**

Amaun ini adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan perlu dibayar balik atas permintaan kecuali syarikat anak yang faedah dikenakan antara 6.50% hingga 6.75% (31.1.2017: 2: 6.50% hingga 6.75%, 1.1.2017: 6.55% hingga 6.77%) setahun. Amaun terhadang kepada syarikat anak tersebut berjumlah RM259 juta perlu dibayar di antara tahun 2013 dan 2023 selaras dengan Perjanjian Ijarah yang dimeterai di antara syarikat anak dan Johor Corporation pada 24 Jun 2013. Amaun bukan semasa yang terhadang kepada syarikat anak berjumlah RM530 juta yang diklasifikasikan semula pada tahun ini adalah pada kadar faedah tahunan 3.51% dan perlu dibayar balik diantara tahun 2020 dan 2022.

	<b>Johor Corporation</b> <b>2018</b>	<b>2017</b>
Amaun sebelum pengimbangan	<b>1,071</b>	1,295
Pengimbangan (amaun terhadang daripada syarikat-syarikat anak)	<b>(164)</b>	(190)
Amaun selepas pengimbangan	<b>907</b>	1,105

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)**

#### **(d) Amaun terhutang kepada syarikat-syarikat anak (sambungan)**

##### **Penyesuaian liabiliti kewangan yang timbul daripada aktiviti kewangan**

Jadual di bawah memperincikan perubahan di dalam liabiliti Johor Corporation yang timbul daripada aktiviti kewangan dengan syarikat anak termasuk perubahan tunai dan bukan tunai. Liabiliti yang timbul daripada aktiviti kewangan adalah daripada aliran tunai atau aliran tunai masa hadapan, yang diklasifikasikan dalam penyata aliran tunai Johor Corporation sebagai aliran tunai daripada aktiviti kewangan.

	<b>Johor Corporation</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>1.1.2017</b>
		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula
Pada 1 Januari		<b>1,105</b>	986	728
Perubahan tunai bersih		<b>(264)</b>	213	229
Pertambahan faedah		<b>40</b>	32	31
Lain-lain perubahan		<b>26</b>	(126)	(2)
 Pada 31 Disember		<b>907</b>	1,105	986

#### **(e) Penyelesaian timbang tara**

Pada 11 November 2016, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP") telah memeterai Perjanjian Penyelesaian dengan pihak penuntut berkenaan dengan penghargaan timbang tara untuk jumlah penyelesaian sebanyak USD30 juta yang perlu dibayar kepada pihak yang menuntut.

Jumlah penyelesaian akan diselesaikan oleh TLP mengikut cara yang berikut:

- (i) Pembayaran awal sebanyak USD4 juta yang dibuat pada tahun semasa pelaksanaan perjanjian;
- (ii) Pembayaran kedua sebanyak USD4 juta dalam tempoh 14 hari dari tarikh TLP menjamin surat akuanji dari Johor Corporation untuk melaksanakan kewajipan pembayaran TLP di bawah perjanjian dalam hal TLP gagal melakukannya, suatu keadaan terdahulu dalam perjanjian penyelesaian;
- (iii) Pembayaran ketiga sebanyak USD3 juta setahun selepas tarikh TLP menjamin surat akuanji dari Johor Corporation untuk melaksanakan kewajipan pembayaran TLP di bawah perjanjian tersebut sekiranya TLP gagal melakukannya, suatu syarat terdahulu dalam perjanjian penyelesaian; dan
- (iv) Baki sebanyak USD20 juta akan dibayar sebanyak lima ansuran tahunan dengan ansuran pertama yang perlu dibayar dalam masa satu tahun dari tarikh pemenuhan syarat terdahulu yang dinyatakan di atas. Ansuran pertama berjumlah USD3 juta dan ansuran kedua hingga kelima berjumlah USD4 juta setiap satu. Surat akuanji oleh Johor Corporation telah dicagar pada 3 Februari 2017.

Baki jumlah penyelesaian USD20 juta, selepas ditolak bayaran ketiga, bayaran tersebut telah dikurangkan kepada nilai saksama yang diiktiraf menggunakan kadar faedah pasaran semasa bagi pinjaman sebanyak 8%. Perbezaan di antara nilai saksama dan jumlah baki penyelesaian diiktiraf sebagai faedah sepanjang tempoh baki penyelesaian.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **30. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN (SAMBUNGAN)**

#### **(e) Penyelesaian timbang tara (sambungan)**

Amaun tertunggak adalah seperti berikut:

	<b>31.12.2018</b>	<b>Kumpulan 31.12.2017 Dinyatakan semula</b>	<b>1.1.2017 Dinyatakan semula</b>
Baki tertunggak	<b>68</b>	74	92
Profil kematangan:			
Dalam tempoh 12 bulan	<b>8</b>	7	10
Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	<b>60</b>	51	47
Lebih daripada 5 tahun	-	16	35
Jumlah baki tertunggak	<b>68</b>	74	92
Dibayar dalam tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti semasa)	<b>(8)</b>	(7)	(10)
Dibayar selepas tempoh 12 bulan (di bawah liabiliti bukan semasa)	<b>60</b>	67	82
Nilai dibawa	<b>68</b>	74	92
Nilai saksama	<b>68</b>	74	92

Pergerakan dalam peruntukan timbang tara seperti berikut:

	<b>Kumpulan 31.12.2018</b>	<b>31.12.2017 Dinyatakan Semula</b>
Pada 1 Januari	<b>74</b>	92
Kerugian/(Keuntungan) pertukaran asing tidak direalisasi	<b>2</b>	(8)
Penyelesaian timbang tara	<b>(12)</b>	(16)
Faedah ke atas penyelesaian timbang tara	<b>4</b>	6
Pada 31 Disember	<b>68</b>	74

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG

	31.12.2018	Kumpulan		Johor Corporation		
		31.12.2017 Dinyatakan semula	1.1.2017 Dinyatakan semula	31.12.2018 Dinyatakan semula	31.12.2017 Dinyatakan semula	1.1.2017 Dinyatakan semula
Geran Kerajaan (Nota (a))	<b>294</b>	295	315	<b>246</b>	243	258
Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu (Nota (b))	<b>825</b>	682	580	<b>674</b>	527	436
Lain-lain pembiutang jangka panjang (Nota (c))	<b>37</b>	38	39	-	-	-
Deposit (Nota (d))	<b>35</b>	28	27	-	-	-
Lain-lain	<b>44</b>	13	9	<b>14</b>	13	-
	<b>1,235</b>	1,056	970	<b>934</b>	783	694

#### (a) Geran Kerajaan

	31.12.2018	Kumpulan		Johor Corporation	
		31.12.2017 Dinyatakan semula	31.12.2018 Dinyatakan semula	31.12.2017	31.12.2018
<b>Pada kos:</b>					
Pada 1 Januari		<b>333</b>	340	<b>253</b>	265
Geran diterima dalam tahun kewangan semasa		<b>15</b>	12	<b>10</b>	7
Pembalikan		-	(19)	-	(19)
Pada 31 Disember		<b>348</b>	333	<b>263</b>	253
<b>Pelunasan terkumpul:</b>					
Pada 1 Januari		<b>38</b>	25	<b>10</b>	7
Pelunasan (Nota 5)		<b>16</b>	13	<b>7</b>	3
Pada 31 Disember		<b>54</b>	38	<b>17</b>	10
Baki pada 31 Disember		<b>294</b>	295	<b>246</b>	243

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)**

#### **(b) Penyewaan pajakan tanah diterima terdahulu**

	Kumpulan		Johor Corporation	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
<b>Pada kos:</b>				
Pada 1 Januari	<b>752</b>	632	<b>554</b>	451
Tambahan	<b>157</b>	120	<b>158</b>	103
Pada 31 Disember	<b>909</b>	752	<b>712</b>	554
<b>Pelunasan terkumpul:</b>				
Pada 1 Januari	<b>70</b>	52	<b>27</b>	15
Pengiktirafan pendapatan bagi tahun kewangan semasa	<b>14</b>	18	<b>11</b>	12
Pada 31 Disember	<b>84</b>	70	<b>38</b>	27
Amaun dibawa pada 31 Disember	<b>825</b>	682	<b>674</b>	527

Ini mewakili wang diterima terdahulu daripada pajakan semula bagi tempoh pajakan antara 30 hingga 60 tahun yang akan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
<b>Kurang 1 tahun</b>				
14	14		11	9
<b>1 hingga 2 tahun</b>	<b>23</b>	15	<b>10</b>	10
<b>2 hingga 3 tahun</b>	<b>23</b>	16	<b>10</b>	10
<b>Melebihi 3 tahun</b>	<b>765</b>	637	<b>643</b>	498
<b>Pada 31 Disember</b>	<b>825</b>	682	<b>674</b>	527

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **31. LAIN-LAIN LIABILITI JANGKA PANJANG (SAMBUNGAN)**

#### **(c) Lain-lain pembiutang jangka panjang**

Lain-lain pembiutang jangka panjang adalah berkaitan dengan baki pertimbangan belian bagi pembelian tanah pegangan bebas dan harta tanah daripada Kerajaan Negeri Johor dan Setiausaha Negeri Johor (Diperbadankan) ("SUK"). Amaun tersebut adalah tidak dicagar, tidak dikenakan faedah dan perlu dibayar balik seperti berikut:

	Kumpulan			Johor Corporation		
	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017	31.12.2018	31.12.2017	1.1.2017
	Dinyatakan	Dinyatakan	semula	Dinyatakan	Dinyatakan	semula
Kurang 1 tahun	<b>1</b>	1	1	-	-	-
1 hingga 2 tahun	<b>1</b>	1	1	-	-	-
2 hingga 3 tahun	<b>1</b>	1	1	-	-	-
Melebihi 3 tahun	<b>34</b>	35	36	-	-	-
Pada 31 Disember	<b>37</b>	38	39	-	-	-

#### **(d) Deposit**

Deposit merupakan amaun yang diterima daripada perunding perubatan, yang perlu dibayar atas kematian, persaraan (pada umur 65 tahun) atau hilang upaya perunding perubatan. Deposit akan luput dengan penamatkan perkhidmatan pakar perunding perubatan itu sama ada oleh Kumpulan berikutan berlakunya kemungkiran atau penamatkan awal oleh perunding perubatan. Walaubagaimanapun, deposit boleh dibayar balik kepada perunding perubatan jika kelulusan daripada Lembaga Pengarah KPJ diperolehi.

Deposit yang sebelum ini diukur pada kos, kini diukur pada nilai saksama pada mulanya dan seterusnya pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Perbezaan antara nilai saksama dan nilai tunai diiktiraf sebagai ditangguhkan pendapatan perundingan dan diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh perkhidmatan yang tinggal kepada persaraan (pada umur 65 tahun) perunding perubatan.

### **32. RIZAB**

#### **(a) Rizab modal**

Rizab modal merangkumi terutamanya Rizab Waran, Rizab ESOS, dan lain-lain rizab yang disimpan oleh syarikat-syarikat anak dalam Kumpulan.

#### **(b) Rizab penilaian semula aset**

Rizab penilaian semula aset mewakili lebihan daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan bagi harta prisihat.

#### **(c) Rizab turun naik mata wang**

Rizab turun naik mata wang terdiri daripada semua perbezaan mata wang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana mata wang fungsian adalah berbeza daripada mata wang persembahan Kumpulan.

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**32. RIZAB (SAMBUNGAN)****(d) Rizab nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI")**

Rizab nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam instrumen ekuiti dikelaskan sebagai nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI") sehingga pelaburan tersebut dinyahiktirafkan atau dirosotnilai.

**(e) Rizab hasil**

Rizab hasil terdiri daripada bahagian keuntungan perniagaan disimpan oleh Kumpulan dan Johor Corporation bagi pelaburan dalam pertumbuhan dan perbezaan antara bahagian kepentingan kawalan dalam syarikat anak yang diambilalih/dilupuskan tanpa kehilangan kawalan, dan bayaran yang telah dijelaskan/diterima.

**33. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN**

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak yang dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation adalah sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut di dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan sepunya atau pengaruh ketara sepunya. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Johor Corporation telah ditubuhkan di bawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995), dan dikawal oleh Kerajaan Negeri Johor. Kumpulan menganggap, untuk tujuan MFRS 124 - "Kenyataan Pihak Berkaitan", Kerajaan Negeri Johor mempunyai hak untuk melaksanakan kawalan ke atas Johor Corporation. Hasilnya, badan-badan Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Negeri Johor terkawal (secara kolektif dirujuk sebagai "entiti berkaitan kerajaan") adalah pihak berkaitan Kumpulan dan Johor Corporation.

Selain daripada urus niaga secara individu penting seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan, Kumpulan dan Johor Corporation secara kolektif, tetapi tidak termasuk secara individu, urus niaga penting dengan entiti berkaitan kerajaan yang lain termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (i) Cukai tanah dan taksiran yang dibayar kepada Pejabat Tanah Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor;
- (ii) Lesen perniagaan dan sewaan yang dibayar kepada entiti berkaitan Kerajaan Negeri Johor; dan
- (iii) Pertukaran premium tanah yang dibayar kepada entiti berkaitan Kerajaan Negeri Johor.

Urus niaga ini dijalankan dalam perjalanan biasa perniagaan Kumpulan atas temarua secara konsisten selaras dengan dasar dan proses dalaman Kumpulan. Syarat-syarat ini tidak bergantung kepada sama ada pihak tersebut adalah entiti berkaitan kerajaan atau tidak.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **33. URUS NIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN (SAMBUNGAN)**

Selain daripada yang dinyatakan di dalam penyata kewangan, urus niaga pihak berkaitan penting Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

	Kumpulan		Johor Corporation	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
	<b>Dinyatakan semula</b>		<b>Dinyatakan semula</b>	
Telah dibayar/perlu dibayar kepada syarikat-syarikat anak:				
Yuran pengurusan		-	<b>18</b>	3
Belanja sewaan	-	-	<b>8</b>	7
Belanja faedah	<b>18</b>	-	<b>58</b>	34
Belanja pemasaran	-	-	-	3
Telah dibayar/perlu dibayar kepada entiti berkaitan kerajaan:				
Premium tanah	-	-	-	6
Penerimaan/akan diterima daripada syarikat-syarikat anak:				
Jualan barang	-	-	<b>87</b>	36
Pendapatan faedah	-	-	-	2
Dividen	-	-	<b>212</b>	111
Pendapatan yuran pengurusan	-	4	<b>3</b>	40
Pendapatan sewa	-	-	<b>6</b>	7
Yuran konsesi	-	-	<b>22</b>	22
Jualan harta, loji dan kelengkapan	-	-	-	32
Jualan harta tanah pelaburan	-	147	-	37
Jualan aset kewangan pada nilai saksama melalui untung dan rugi	-	67	<b>52</b>	67

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### 34. KOMITMEN

#### (a) Komitmen modal

	Kumpulan		Johor Corporation	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
	Dinyatakan semula		Dinyatakan semula	
Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan:				
Telah dikontrakkan	<b>402</b>	182	<b>142</b>	46
Tidak dikontrakkan	<b>225</b>	427	-	-
	<b>627</b>	609	<b>142</b>	46
Dianalisis seperti berikut:				
Harta, loji dan kelengkapan	<b>423</b>	460	-	-
Inventori (bukan semasa)	<b>142</b>	58	<b>142</b>	46
Hartanah pelaburan	<b>62</b>	91	-	-
	<b>627</b>	609	<b>142</b>	46

#### (b) Komitmen pajakan operasi tidak boleh dibatalkan - sebagai pemajak

Segmen perniagaan hartanah Kumpulan telah memasuki perjanjian pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan untuk penggunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun tanpa pilihan pembaharuan atau pembelian yang termasuk dalam kontrak pajakan. Kontrak tertentu juga termasuk klausula eskalasi atau pengaturan sewa kontinjen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuk sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan dengan memasuki pajakan ini.

Sewa minimum masa hadapan yang belum dibayar di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017</b>
	Dinyatakan semula	
Bayaran pajakan minimum masa hadapan:		
Tidak lebih daripada 1 tahun	<b>3</b>	2
Selepas 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun	<b>1</b>	4
Lebih daripada 5 tahun	-	-
	<b>4</b>	6

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **35. LIABILITI LUAR JANGKA**

#### **(a) Johor Corporation**

##### **(i) Pengambilalihan Tanah Tebrau**

Pengambilalihan telah selesai dan Borang K telah dikeluarkan pada 15 Februari 2017.

Johor Corporation adalah tertakluk kepada pelbagai litigasi yang berhubung dengan pengambilalihan tanah seperti berikut:

- (a) tuntutan dari beberapa pihak ketiga bahawa mereka telah dikecualikan daripada menyertai siasatan tanah;
- (b) tuntutan dari pemilik tanah tentang pampasan RM2 bilion berbanding dengan pampasan sebenar yang dibayar oleh Johor Corporation berjumlah RM329 juta; dan
- (c) semakan kehakiman bahawa keputusan Kerajaan Negeri dan Johor Corporation adalah dalam niat tidak elok dan/atau menyalahi undang-undang dan dengan itu batal dan tidak sah.

Tuntutan-tuntutan tersebut sedang berjalan di dalam beberapa mahkamah dan semua keputusan sehingga kini adalah memihak kepada Johor Corporation.

##### **(ii) Pengambilalihan Tanah Pengerang**

Johor Corporation telah melaksanakan proses pemerolehan tanah wajib ("Pengambilalihan") melalui Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi di atas tanah yang dipegang di bawah PTD 2083 HSD 7849, Mukim Pengerang, Daerah Kota Tinggi, Johor ("Tanah"). Pengambilalihan telah diselesaikan melalui terbitan Borang K pada 7 Oktober 2018.

Pemilik tanah dan pemajak/penyewa telah memfailkan prosiding Rujukan Tanah di Mahkamah Tinggi Johor Bahru kerana mereka tidak berpuas hati dengan penganugerahan yang diberikan oleh Pentadbir Tanah atas Pengambilalihan Tanah ("Rujukan Tanah"). Johor Corporation telah dibenarkan campur tangan dalam prosiding Rujukan Tanah tanpa perintah pembiayaan, sementara prosiding Rujukan Tanah sedang berjalan.

#### **(b) KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")**

KPJ adalah tertakluk kepada tindakan undang-undang perniagaan, yang timbul terutamanya daripada operasi hospital syarikat anak. Para Pengarah berpendapat, berdasarkan kepada khidmat nasihat guaman dan khidmat perlindungan penyelewengan, tiada kepentingan yang memerlukan pengiktirafan.

**Nota-nota Kepada Penyata Kewangan**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**35. LIABILITI LUAR JANGKA****(c) Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB")**

Notis Timbang Tara ke Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia ("AIAC") untuk menuntut dari Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Berhad ("MMHE").

Prosiding Timbang Tara

Pada 27 September 2018, E.A. Technique (M) Berhad ("EAT") telah memfailkan Notis Timbang Tara ke AIAC untuk menuntut dari MMHE amaun yang dibayar bagi pihak HESS Exploration and Production Malaysia BV, pemansuhan skop skim pesanan kerja tambahan ("AWO") MMHE serta caj balik dengan jumlah agregat sebanyak USD22 juta.

Pada 15 Februari 2019, EAT menyampaikan Penyata Tuntutan kepada MMHE berjumlah USD22 juta. MMHE memfailkan tuntutan balas terhadap EAT dalam Timbang Tara AIAC berjumlah USD49 juta dan dijangka memfailkan Pertahanan untuk Tuntutan Balas pada 15 Mac 2019.

EAT akan memfailkan jawapan kepada pertahanan yang tersebut di atas bagi Tuntutan Balas selewatnya pada 5 April 2019.

Prosiding Adjudikasi

Pada 5 Oktober 2018, MMHE telah menyampaikan Notis Adjudikasi di bawah Akta Bayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012 ("CIPAA") dengan menuntut USD30 juta untuk invois yang dikeluarkan kepada EAT berhubung dengan projek EPCIC selepas mengambil kira jumlah yang dibayar bagi pihak HESS dan pengecualian beberapa skop AWO.

Pada 14 Februari 2019, MMHE telah menyampaikan tuntutan adjudikasinya ke atas EAT berjumlah USD30 juta. EAT membuat tuntutan balas terhadap MMHE dalam Adjudikasi CIPAA berjumlah USD21 juta dan dijangka memfailkan tindak balas adjudikasinya pada 7 Mac 2019.

Adjudikator hendaklah menyerahkan keputusan itu pada 13 Mei 2019.

Kumpulan akan bersungguh-sungguh mempertahankan tuntutan yang dibuat oleh MMHE dan meneruskan tuntutan balasnya.

Para Pengarah berpendapat bahawa tidak ada kesimpulan yang boleh dibuat pada tarikh laporan ini kerana prosiding CIPAA baru dimulakan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **36. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN**

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

<b>Kumpulan</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017 Dinyatakan semula</b>	<b>1.1.2017 Dinyatakan semula</b>
Aset kewangan yang diukur pada kos yang terlunas:			
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 24)	1,101	1,492	1,895
Baki tunai dan bank (Nota 27)	1,239	877	1,262
	<b>2,340</b>	2,369	3,157
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 22(b))	264	5	16
	<b>264</b>	5	16
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif (Nota 22(a))	20	-	-
Aset kewangan sedia untuk dijual (Nota 22(a))	-	215	221
	<b>20</b>	215	221
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:			
Pemutang perdagangan dan lain-lain (Nota 30)	2,227	2,293	1,736
Pembentahan dan pinjaman (Nota 29)	9,277	8,694	9,507
	<b>11,504</b>	10,987	11,243
<b>Johor Corporation</b>	<b>31.12.2018</b>	<b>31.12.2017 Dinyatakan semula</b>	<b>1.1.2017 Dinyatakan semula</b>
Aset kewangan yang diukur pada kos terlunas:			
Penghutang perdagangan dan lain-lain (Nota 24)	290	143	786
Baki tunai dan bank (Nota 27)	119	30	77
	<b>409</b>	173	863
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (Nota 22(b))	20	56	48
	<b>20</b>	56	48
Liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas:			
Pemutang perdagangan dan lain-lain (Nota 30)	1,491	1,436	1,284
Pembentahan dan pinjaman (Nota 29)	2,615	2,620	3,016
	<b>4,106</b>	4,056	4,300

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi bisnes dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko kecairan, risiko kadar faedah, risiko mata wang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Jawatankuasa Tadbir Urus dan Perniagaan Ekosistem memberikan pendapat bebas atas keberkesanan proses pengurusan risiko.

Ianya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung nilai dimana sesuai dan kos efektif.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut:

#### **(a) Risiko kredit**

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul dari instrumen kewangan yang tertunggak apabila pihak berlawanan mungkir dalam membayar tanggungan kontraknya. Risiko kredit timbul dari tunai dan kesetaraan tunai, aliran tunai kontrak pelaburan hutang yang dibawa pada kos pelunasan, pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") dan pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), instrumen kewangan derivatif yang menguntungkan dan deposit dengan bank dan institusi kewangan, serta pendedahan kredit terutamanya dari perdagangan belum terima dan penghutang-penghutang lain.

Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan dasar untuk berurusan dengan pelanggan dengan sejarah kredit yang sesuai, dan memperoleh sekuriti yang mencukupi jika sesuai, termasuk pembayaran pendahuluan, sekuriti dalam bentuk jaminan, surat akuanji atau surat kredit yang boleh dipanggil jika pihak berlawanan mungkir di bawah syarat-syarat perjanjian. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak berlawan yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan berusaha untuk melabur aset tunai secara selamat dan menguntungkan dan membeli insuran untuk melindunginya terhadap risiko insuran dalam hal ini, pihak berlawanan dinilai untuk had kredit yang ditetapkan untuk meminimumkan sebarang potensi kerugian. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukan polisi Kumpulan untuk melindungi nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan syarikat-syarikat anak yang operasinya signifikan bahawa polisi penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi syarikat-syarikat anak yang signifikan, tiada berlaku pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak berlawanan yang tidak produktif.

#### **Pendedahan kepada risiko kredit**

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh amaun dibawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan kewangan yang diberi oleh Johor Corporation tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material. Kumpulan memantau secara berterusan keputusan kewangan dan pembayaran balik yang dibuat oleh syarikat-syarikat anak.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(a) Risiko kredit (sambungan)**

##### **Profil tumpuan risiko kredit**

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan penghutang perdagangan adalah terhad disebabkan oleh asas pelanggan Kumpulan yang pelbagai. Kumpulan mengawal risiko kredit dengan memastikan pelanggan mempunyai kewangan dan sejarah kredit yang kukuh.

Selain daripada amaun ter hutang daripada syarikat anak kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

##### **Rosotnilai aset kewangan**

Aset kewangan Kumpulan yang tertakluk kepada model kerugian kredit dijangka ("ECL") termasuk penghutang perdagangan, aset kontrak dan penghutang-penghutang lain. Walaupun tunai dan setara tunai juga tertakluk kepada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian rosotnilai dijangka tidak material.

##### **(i) Penghutang dagangan menggunakan pendekatan mudah**

Kumpulan menggunakan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur kerugian kredit dijangka yang menggunakan elauan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat untuk semua penghutang perdagangan.

Untuk mengukur kerugian kredit dijangka, penghutang perdagangan dan aset kontrak dikumpulkan berdasarkan ciri risiko kredit bersama dan hari lampau tempoh.

Kadar kerugian dijangka adalah berdasarkan profil pembayaran jualan dalam tempoh 24 bulan sebelum tarikh pelaporan dan pengalaman rugi kredit sejarah dalam tempoh ini. Kadar pengalaman rugi sejarah diselaraskan untuk mencerminkan maklumat terkini dan pandangan ke hadapan mengenai faktor makroekonomi yang mempengaruhi keupayaan pelanggan untuk menyelesaikan hutang tersebut. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan.

##### **(ii) Penghutang lain menggunakan pendekatan 3-peringkat umum**

Kumpulan menggunakan tiga kategori untuk penghutang lain yang menunjukkan risiko kredit mereka dan bagaimana elauan kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut.

##### **(iii) Jumlah ter hutang daripada pihak berkaitan, syarikat anak dan syarikat bersekutu**

Kumpulan menggunakan tiga kategori untuk amaun ter hutang dari pihak berkaitan, syarikat anak dan syarikat bersekutu yang menunjukkan risiko kredit mereka dan bagaimana elauan kerugian ditentukan bagi setiap kategori tersebut.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(a) Risiko kredit (sambungan)**

Ringkasan andaian yang menyokong model ECL Kumpulan adalah seperti berikut:

<b>Kategori</b>	<b>Kategori definisi kumpulan</b>	<b>Asas bagi mengiktiraf ECL</b>
Berprestasi	Penghutang mempunyai risiko mungkir yang rendah dan kemampuan yang kuat untuk memenuhi aliran tunai kontraktual.	ECL untuk 12 bulan
Kurang berprestasi	Penghutang yang terdapat peningkatan risiko kredit yang signifikan atau kenaikan risiko kredit yang signifikan dianggap jika pembayaran dan/atau pembayaran pokok telah 30 hari lampau tempoh.	ECL sepanjang hayat
Tidak berprestasi	Pembayaran balik faedah dan/atau pokok adalah 90 hari lampau tempoh atau terdapat bukti yang menunjukkan aset tersebut mengalami kredit terjejas.	ECL sepanjang hayat (kredit terjejas)
Hapus kira	Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa tiada jangkaan pemuliharan yang munasabah berdasarkan ketidaksediaan sumber pendapatan penghutang atau aset yang menghasilkan aliran tunai masa hadapan yang mencukupi.	Aset telah dihapus kira

Berdasarkan perkara di atas, elauan kerugian diukur sama ada dalam ECL untuk 12 bulan atau ECL seumur hidup yang menggabungkan metodologi di bawah:

- PD ('kebarangkalian mungkir') – kebarangkalian penghutang tidak akan dapat membayar balik dalam tempoh kontrak;
- LGD ('rugi jika mungkir') – peratusan aliran tunai kontraktual yang tidak dapat dikutip jika berlaku mungkir; dan
- EAD ('pendedahan apabila mungkir') – amaun tertunggak yang terdedah kepada risiko mungkir.

Dalam mendapatkan PD dan LGD, Kumpulan mempertimbangkan data sejarah bagi setiap penghutang mengikut kategori dan menyesuaikan untuk berpandangan ke hadapan menggunakan data makroekonomi. Kumpulan telah mengenal pasti industri dan kawasan geografi tempat penghutang beroperasi, yang menjadi faktor yang paling relevan. Elauan rugi diukur pada amaun kebarangkalian purata yang mencerminkan kemungkinan kerugian kredit dan kemungkinan tiada kerugian kredit. Tiada perubahan ketara ke atas teknik anggaran atau anggapan yang dibuat semasa tempoh pelaporan. Bagi kontrak jaminan kewangan, dalam memperoleh PD, Johor Corporation mempertimbangkan tempoh kontrak maksimum yang mana penghutang mempunyai kewajiban kontrak sekarang untuk memperluaskan kredit dalam mengukur kerugian kredit dijangka.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(b) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko dimana Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan oleh kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasan tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembentukan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Termasuk dalam pinjaman Kumpulan dan Johor Corporation adalah sejumlah RM800 juta SUKUK yang akan dibayar pada Jun 2019. Para Pengarah telah menilai bahawa terdapat sumber-sumber yang mencukupi yang akan atau akan diperolehi untuk membayar jumlah ini.

#### **Analisis instrumen kewangan menurut baki matang**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak:

<b>Pada 31 Disember 2018</b> <b>Kumpulan</b>	<b>Atas permintaan atau dalam</b>			<b>Lebih</b>	<b>Jumlah</b>
	<b>1 tahun</b>	<b>Melebihi 1 hingga 5 tahun</b>	<b>5 tahun</b>		
<b>Liabiliti kewangan:</b>					
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain	<b>1,788</b>	<b>439</b>	-	<b>2,227</b>	
Lain-lain liabiliti jangka panjang	<b>1</b>	<b>51</b>	-	<b>52</b>	
Pembentukan dan pinjaman	<b>2,635</b>	<b>5,525</b>	<b>1,117</b>	<b>9,277</b>	
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	<b>4,424</b>	<b>6,015</b>	<b>1,117</b>	<b>11,556</b>	
<b>Johor Corporation</b>					
Liabiliti kewangan:					
Pembiayaan perdagangan dan lain-lain	<b>391</b>	<b>1,100</b>	-	<b>1,491</b>	
Pembentukan dan pinjaman	<b>807</b>	<b>1,787</b>	<b>21</b>	<b>2,615</b>	
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	<b>1,198</b>	<b>2,887</b>	<b>21</b>	<b>4,106</b>	

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(b) Risiko kecairan (sambungan)**

##### **Analisis instrumen kewangan menurut baki matang (sambungan)**

<b>Pada 31 Disember 2017</b> <b>Kumpulan</b>	<b>Atas permintaan atau dalam 1 tahun</b>			<b>Melebihi 1 hingga 5 tahun</b>	<b>Lebih 5 tahun</b>	<b>Jumlah</b>
<b>Liabiliti kewangan:</b>						
Pembiayaan dan pinjaman	2,022		271		-	2,293
Lain-lain liabiliti jangka panjang	1		37		-	38
Pembiayaan dan pinjaman	2,307		5,078		1,309	8,694
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	4,330		5,386		1,309	11,025

##### **Johor Corporation**

Liabiliti kewangan:					
Pembiayaan dan pinjaman	1,058		378		-
Pembiayaan dan pinjaman	11		2,562		47
Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun	1,069		2,940		47
					4,056

#### **(c) Risiko kadar faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung, dan memasuki swap kadar faedah.

##### **Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah**

Pada tarikh laporan, perubahan 50 mata asas ("ma") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) untung atau rugi selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

	<b>Kumpulan</b>		<b>Johor Corporation</b>	
	<b>2018</b>	<b>2017</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>
<b>Kadar faedah:</b>				
Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 50 ma	(9) 9	(8) 8	(3) 3	(3) 3
Menurun dalam kadar faedah sebanyak 50 ma				

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(d) Risiko mata wang asing**

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Urus niaga ini didenominasi terutamanya dalam Dolar Amerika Syarikat ("USD").

Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai pendedahan risiko mata transaksi wang asing.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai risiko terjemahan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing USD, berdasarkan amaun dibawa pada tarikh laporan berakhir adalah:

	<b>Kumpulan</b>	<b>2018</b>	<b>2017</b>
Penghutang perdagangan dan lain-lain	<b>25</b>	43	
Baki tunai dan bank	<b>48</b>	82	
Pemutang perdagangan dan lain-lain	<b>(59)</b>	(221)	
Pembentukan dan pinjaman	<b>(277)</b>	(315)	
Nota boleh ubah	-	(46)	
 Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan	<b>(263)</b>	(457)	

#### **Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing**

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar pertukaran USD berbanding mata wang fungsian entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah sama.

	<b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>	<b>Lain-lain pendapatan komprehensif bersih selepas cukai</b>	
		<b>2018</b>	<b>2017</b>
<b>USD</b>			
Mengukuh 5%	<b>(13)</b>	(23)	-
Menyusut 5%	<b>13</b>	23	-
			(1)

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(e) Risiko harga pasaran**

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan yang akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga pasaran (selain daripada kadar faedah atau pertukaran kadar).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia disenaraikan di dalam Bursa Malaysia. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan nilai saksama melalui untung atau rugi atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

#### **Harga komoditi**

Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan derivatif (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima dan menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya.

#### **Nilai saksama**

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran amaun dibawa yang munasabah:

	<b>Nota</b>
Penghutang dagangan dan lain-lain	24
Pembiayaan dan pinjaman (kecuali pinjaman tertentu yang nilai saksama dinyatakan dalam Nota 29)	29
Pembiayaan dagangan dan lain-lain	30

Amaun dibawa aset dan liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang dihargakan semula pada kadar faedah pasaran, pada atau berdekatan tarikh laporan.

## Nota-nota Kepada Penyata Kewangan

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2018

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

### **37. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **(e) Risiko harga pasaran (sambungan)**

##### **Nilai saksama (sambungan)**

Nilai saksama lain-lain pembiayaan (bukan semasa) dan pinjaman dianggarkan dengan mendiskaluan aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pembiayaan pasaran bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

##### **Instrumen ekuiti tersiar harga**

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

##### **Derivatif**

Kontrak tukaran kadar faedah dinilai menggunakan teknik penilaian dengan input yang boleh diperhatikan di pasaran. Teknik yang paling kerap digunakan atas penilaian termasuklah model harga hadapan dan kajian, menggunakan pengiraan nilai kini. Model ini menggabungkan pelbagai input termasuklah kualiti kredit pihak balas, tempat pertukaran mata wang asing, kadar hadapan dan keluk kadar faedah.

##### **Hierarki nilai saksama**

Kumpulan mempunyai aset dan liabiliti berikut yang dinilai pada nilai saksama atau tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan:

<b>Kumpulan</b> <b>Pada 31 Disember 2018</b>	<b>Tahap 1</b>	<b>Tahap 2</b>	<b>Tahap 3</b>	<b>Jumlah</b>
Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif	<b>20</b>	-	-	<b>20</b>
Nilai saksama melalui untung atau rugi	<b>5</b>	-	<b>259</b>	<b>264</b>
Aset-aset bukan kewangan dinilai pada nilai saksama:				
Hartanah pelaburan	-	-	<b>4,265</b>	<b>4,265</b>
Harta, loji dan kelengkapan				
- Hartanah prisihatin	-	-	<b>1,897</b>	<b>1,897</b>
Aset biologi	-	-	<b>23</b>	<b>23</b>
Liabiliti kewangan tidak dinilai pada nilai saksama tetapi nilai saksama dinyatakan:				
Pinjaman berjangka - terapung	-	-	<b>2,785</b>	<b>2,785</b>
Nota Jangka Sederhana Islam ("NJSI")	-	-	<b>4,169</b>	<b>4,169</b>
	<b>25</b>	-	<b>13,398</b>	<b>13,423</b>

